



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



2024

**LAPORAN
SOSIOEKONOMI
WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

LAPORAN SOSIOEKONOMI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2024

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory (ODIN) 2024/25* yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch (ODW)*, mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram / YouTube : StatsMalaysia
E-mel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Harga : RM35.00

Diterbitkan pada Ogos 2025

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

"Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia"

ISSN 2600-9846

KATA PENGANTAR

Laporan Sosioekonomi Negeri 2024 merupakan penerbitan tahunan yang mengandungi maklumat Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi siri masa lima (5) tahun dari tahun 2020 hingga 2024 bagi 13 negeri dan dua (2) Wilayah Persekutuan. KDNK dianggarkan mengikut aktiviti ekonomi pada harga malar 2015 menggunakan kaedah pengeluaran. Selain daripada KDNK, statistik indeks harga pengguna, indikator kos sara hidup, kependudukan, tenaga buruh, pelancongan domestik, perdagangan antarabangsa serta akaun kerajaan persekutuan dan negeri turut dimuatkan dalam laporan ini.

Penganggaran KDNK mengadaptasi manual antarabangsa iaitu *System of National Accounts 2008*. Selaras dengan perubahan pada peringkat nasional, anggaran KDNK bagi tahun 2022 telah dimuktamadkan menggunakan data terkini. Semakan semula data juga dilaksanakan bagi KDNK 2023 manakala KDNK tahun 2024 merupakan data permulaan.

Laporan ini mengandungi enam (6) bab. Bab pertama menerangkan senario ekonomi global dan prestasi ekonomi Malaysia. Bab kedua membentangkan perincian prestasi ekonomi negeri, pertumbuhan mengikut aktiviti ekonomi serta indeks harga pengguna. Statistik berkait demografi dan sosial seperti penduduk, tenaga buruh serta indikator kos sara hidup dibentangkan dalam bab ketiga manakala pelancongan domestik dimuatkan di bab keempat laporan ini. Statistik perdagangan antarabangsa serta akaun kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri masing-masing diperihalkan pada bab lima dan enam. Sebagai rujukan tambahan kepada pengguna, jadual statistik dan indikator terpilih daripada kementerian dan agensi serta glosari turut terkandung dalam laporan ini.

Laporan yang merupakan siri kelapan ini telah ditambahbaik dengan penambahan dua indeks global yang menunjukkan kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa iaitu *Open Data Inventory (ODIN)* dan *Global Peace Index 2024*. Sebanyak 40 jadual statistik baharu juga telah dimuatkan dalam laporan ini.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membekalkan maklumat yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan laporan ini. Cadangan dan pandangan ke arah penambahbaikan laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia
Ogos 2025

SINGKATAN

b	: bilion
d.s.b.	: dan sebagainya
d.l.l.	: dan lain-lain
IHP	: Indeks Harga Pengguna
ILO	: <i>International Labour Organization</i>
IMF	: Tabung Kewangan Antarabangsa
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
KKM	: Kementerian Kesihatan Malaysia
KPTB	: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MIDA	: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MPOB	: <i>Malaysian Palm Oil Board</i>
MSIC	: <i>Malaysia Standard Industrial Classification</i>
n.a	: tidak berkenaan
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
ST	: Suku tahun
t.s.t.l.	: tidak disebutkan di tempat lain
t.t.t.l.	: tidak terkelas di tempat lain
W.P.	: Wilayah Persekutuan

SIMBOL

..	: tidak berkenaan
-	: tidak tersedia
e	: anggaran
p	: permulaan
a	: nilai ditambah kurang daripada RM5 juta
&	: dan
r	: <i>revised</i>
%	: peratus

NOTA

Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

KANDUNGAN

i Kata Pengantar

ii Singkatan/Symbol/Nota

iii Kandungan

iv Senarai Jadual

xi Sorotan Utama

01 Bab 1: Senario
Ekonomi Global dan
Malaysia

75 Bab 2: Prestasi Ekonomi
Negeri

135 Bab 3: Statistik
Demografi & Sosial

169 Bab 4: Statistik
Pelancongan Domestik

177 Bab 5: Statistik
Perdagangan Antarabangsa

185 Bab 6: Statistik Akaun
Kerajaan

193 Jadual Statistik

315 Jadual Indikator
Terpilih Lain

343 Glosari

SENARAI JADUAL		MUKA SURAT
1.1	Perubahan peratusan tahunan KDNK bagi negara terpilih, 2015-2024	4
1.2	Kedudukan Indeks Open Data Inventory (ODIN) negara terpilih, 2022 dan 2024	19
1.3	Kedudukan Indeks Keamanan Global (<i>Global Peace Index</i>) negara terpilih, 2023 dan 2024	20
1.4	Kedudukan Indeks Perdagangan Mampan (<i>Sustainable Trade Index</i>) negara terpilih, 2023 dan 2024	21
1.5	Kedudukan Indeks Keterangkuman Kewangan Global (<i>Global Financial Inclusion Index</i>) negara terpilih, 2023 dan 2024	22
1.6	Kedudukan Indeks Prestasi Logistik (<i>Logistic Performance Index</i>) negara terpilih, 2018 dan 2023	23
1.7	Kedudukan Daya Saing Global (<i>World Competitiveness Ranking</i>) negara terpilih, 2023 dan 2024	24
1.8	Kedudukan Indeks Kesediaan Rangkaian (<i>Network Readiness Index</i>) negara terpilih, 2023 dan 2024	25
1.9	Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (<i>Corruption Perception Index</i>) negara terpilih, 2023 dan 2024	26
1.10	Perubahan peratusan tahunan KDNK negara terpilih, 2024 dan unjuran 2025	28
1.11	Produktiviti buruh tahunan, nilai ditambah per pekerja dan per jam bekerja mengikut aktiviti ekonomi, 2023-2024	43
1.12	Perubahan peratusan KDNK suku tahunan bagi negara terpilih, ST1 2023 – ST1 2025	50
2.1	KDNK per kapita mengikut negeri, 2023-2024 pada harga semasa	84
2.2	Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan sektor, 2024	85
2.3	Prestasi sektor Perkhidmatan, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024	96
2.4	Purata harga item terpilih, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024	100
2.5	Inflasi tahunan mengikut kumpulan utama, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024	101
2.6	Inflasi tahunan subkumpulan Makanan dan Minuman, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024	101
3.1	Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024	137
3.2	Struktur umur penduduk, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024	137
3.3	Nisbah tanggungan, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024	138
3.4	Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024	138
3.5	Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, W.P. Kuala Lumpur, 2017-2023 (setiap 1,000 penduduk)	139
3.6	Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, W.P. Kuala Lumpur, 2017-2023 (setiap perempuan berumur 15-49 tahun)	141
3.7	Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, W.P. Kuala Lumpur, 2017-2023 (setiap 1,000 penduduk)	142
3.8	Kadar kematian kasar mengikut etnik, W.P. Kuala Lumpur, 2017-2023 (setiap 1,000 penduduk)	143
3.9	Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024	148
3.10	Penduduk bekerja mengikut sektor, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024	149
3.11	Gaji & upah bulanan, W.P. Kuala Lumpur, 2018-2023	153
3.12	Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, W.P. Kuala Lumpur, 2022-2023	160
4.1	Statistik utama pelancongan domestik, 2023-2024	171
4.2	Bilangan pelawat domestik mengikut jenis pelawat, 2023-2024	172
4.3	Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik ke W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024	173
5.1	Eksport barangan mengikut komoditi utama W.P. Kuala Lumpur, 2019-2024	182
5.2	Import barangan mengikut komoditi utama W.P. Kuala Lumpur, 2019-2024	183
5.3	Perdagangan barangan mengikut rakan dagang utama, W.P. Kuala Lumpur, 2024	184
6.1	Hasil Kerajaan Persekutuan, 2022-2023	187
6.2	Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2022-2023	188

SENARAI JADUAL STATISTIK

JADUAL	SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
A1	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2020-2024	195
A2	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2020-2024 - Perubahan peratusan tahunan	198
A3	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2020-2024 - Peratus sumbangan kepada KDNK	201
A4	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2020-2024	204
A5	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2020-2024 - Perubahan peratusan tahunan	206
A6	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2020-2024 - Peratus sumbangan kepada KDNK	208
A7	KDNK pelarasan musim mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2021-ST1 2025	210
A8	KDNK pelarasan musim mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2021-ST1 2025 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	210
A9	KDNK pelarasan musim mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2021-ST1 2025	211
A10	KDNK pelarasan musim mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2021-ST1 2025 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	211
A11	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2021-ST1 2025	212
A12	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2021-ST1 2025 - Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya	218
A13	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2021-ST1 2025 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	224
A14	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2021-ST1 2025 - Peratus sumbangan kepada KDNK	230
A15	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2022-ST1 2025	236
A16	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2022-ST1 2025 - Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya	238
A17	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2022-ST1 2025 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	240
A18	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2022-ST1 2025 - Peratus sumbangan kepada KDNK	242
A19	KDNK mengikut negeri pada harga malar 2015, 2020-2024	244
A20	KDNK mengikut negeri pada harga malar 2015, 2020-2024 - Perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan kepada KDNK	244
A21	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2020	245
A22	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2020 - Perubahan peratusan tahunan	245
A23	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2020 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	246
A24	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2020 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	246
A25	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2021	247
A26	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2021 - Perubahan peratusan tahunan	247
A27	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2021 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	248
A28	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2021 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	248
A29	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2022	249
A30	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2022 - Perubahan peratusan tahunan	249
A31	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2022 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	250
A32	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2022 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	250

SENARAI JADUAL STATISTIK

JADUAL	SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
A33	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2023	251
A34	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2023 - Perubahan peratusan tahunan	251
A35	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2023 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	252
A36	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2023 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	252
A37	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2024	253
A38	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2024 - Perubahan peratusan tahunan	253
A39	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2024 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	254
A40	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2024 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	254
A41	KDNK mengikut negeri pada harga semasa, 2020-2024	255
A42	KDNK per kapita mengikut negeri pada harga semasa, 2020-2024	255
A43	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024	256
A44	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024 - Perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan kepada KDNK	257
A45	Indeks Harga Pengguna mengikut negeri, 2020-2024	258
A46	Inflasi tahunan mengikut negeri, 2020-2024	258
A47	Indeks Harga Pengguna, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024	259
A48	Inflasi tahunan, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024	259
A49	Siri masa anggaran penduduk pertengahan tahun mengikut negeri dan jantina, 2020-2024	260
A50	Ringkasan perangkaan penting mengikut negeri, 2023	261
A51	Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina dan negeri, 2020-2024	262
A52	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah negeri dan strata, 2023	263
A53	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah mengikut strata, Wilayah Persekutuan, 2023	263
A54	Purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bulanan dan purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah mengikut negeri dan strata, 2023	264
A55	Purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bulanan dan purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah mengikut strata, Wilayah Persekutuan, 2023	264
A56	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) makanan dan bukan makanan bulanan isi rumah, Wilayah Persekutuan, 2023	265
A57	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah mengikut saiz isi rumah dan strata, Wilayah Persekutuan, 2023	265
A58	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah per kapita mengikut strata, Wilayah Persekutuan, 2023	267
A59	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) makanan bulanan isi rumah per kapita mengikut strata, Wilayah Persekutuan, 2023	267
A60	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bukan makanan bulanan isi rumah per kapita mengikut strata, Wilayah Persekutuan, 2023	267
A61	Indeks Kos Sara Hidup dan kadar pertumbuhan tahunan mengikut negeri, Malaysia, 2023	268
A62	Indeks Kos Sara Hidup dan kadar pertumbuhan tahunan, Wilayah Persekutuan, 2023	268
A63	Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah, purata dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut negeri, 2019 dan 2022	269
A64	Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah dan purata kumpulan isi rumah mengikut negeri, 2022	270
A65	Agihan pendapatan kasar mengikut kumpulan isi rumah dan negeri, 2022	270

SENARAI JADUAL STATISTIK

JADUAL	SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
A66	Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah, purata dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut strata, kumpulan etnik ketua isi rumah, Wilayah Persekutuan, 2019 dan 2022	271
A67	Peratusan isi rumah mengikut kumpulan isi rumah dan strata, Wilayah Persekutuan, 2019 dan 2022	272
A68	Peratusan isi rumah dan agihan pendapatan kasar mengikut strata, Wilayah Persekutuan, 2019 dan 2022	273
A69	Pekali Gini bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan mengikut strata, Wilayah Persekutuan, 2019 dan 2022	273
A70	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah, purata dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut negeri, 2019 dan 2022	274
A71	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut negeri, 2022	275
A72	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah, purata dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut kumpulan etnik ketua isi rumah dan strata, Wilayah Persekutuan, 2019 dan 2022	279
A73	Purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) mengikut negeri dan strata, 2019 dan 2022	280
A74	Insiden kemiskinan tegar mengikut negeri dan strata, 2019 dan 2022	280
A75	Insiden kemiskinan mutlak mengikut negeri dan strata, 2019 dan 2022	281
A76	Insiden kemiskinan mengikut strata, Wilayah Persekutuan, 2019 dan 2022	281
A77	Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri dan kumpulan umur, 2024	282
A78	Penduduk bekerja mengikut negeri dan pekerjaan, 2024	283
A79	Penduduk bekerja mengikut negeri dan industri, 2024	284
A80	Kadar pengangguran mengikut negeri, 2020-2024	287
A81	Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, 2020-2023	288
A82	Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri dan jantina, 2020-2023	289
A83	Statistik utama siswazah, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2023	291
A84	Purata gaji & upah bulanan siswazah bekerja mengikut negeri, 2020-2023	292
A85	Penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja mengikut negeri, 2020-2023	292
A86	Kadar migrasi mengikut negeri destinasi dan taraf migrasi, 2020 dan 2022	293
A87	Migrasi mengikut negeri destinasi dan taraf migrasi, 2020 dan 2022	293
A88	Bilangan pelawat domestik mengikut negeri dikunjungi, 2020-2024	294
A89	Bilangan pelancong mengikut negeri dikunjungi, 2024	295
A90	Perdagangan luar negeri mengikut lokasi - eksport dan import, 2020-2024	296
A91	Statistik utama Banci Ekonomi mengikut negeri, 2015 dan 2022	297
A92	Statistik utama Banci Ekonomi bagi sektor pertanian mengikut negeri, 2015 dan 2022	298
A93	Statistik utama Banci Ekonomi bagi sektor perlombongan & pengkuarian mengikut negeri, 2015 dan 2022	299
A94	Statistik utama Banci Ekonomi bagi sektor pembuatan mengikut negeri, 2015 dan 2022	300
A95	Statistik utama Banci Ekonomi bagi sektor pembinaan mengikut negeri, 2015 dan 2022	301
A96	Statistik utama Banci Ekonomi bagi sektor perkhidmatan mengikut negeri, 2015 dan 2022	302
A97	Pegangan pertanian mengikut negeri, Malaysia, 2023	303
A98	Pegangan pertanian bagi subsektor tanaman mengikut negeri, Malaysia, 2023	303
A99	Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan mengikut negeri, Malaysia, 2023	304
A100	Pegangan pertanian bagi subsektor perikanan tangkapan mengikut negeri, Malaysia, 2023	304
A101	Pegangan pertanian bagi subsektor akuakultur mengikut negeri, Malaysia, 2023	305
A102	Pegangan pertanian bagi subsektor perhutanan & pembalakan mengikut negeri, Malaysia, 2023	305
A103	Bilangan pertubuhan/syarikat perniagaan mengikut sektor dan negeri, 2024	306
A104	Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut negeri, 2019-2021	307

SENARAI JADUAL STATISTIK

JADUAL	SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
A105	Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut negeri dan jenis perbelanjaan, Malaysia, 2021	307
A106	Perbelanjaan modal perlindungan alam sekitar mengikut jenis perbelanjaan, W.P. Kuala Lumpur, 2019-2021	308
A107	Perbelanjaan operasi perlindungan alam sekitar mengikut jenis perbelanjaan, W.P. Kuala Lumpur, 2019-2021	308
A108	Pengeluaran estet getah mengikut negeri, 2020-2024	308
A109	Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia mengikut komponen dan negeri, 2021	309
A110	Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia mengikut negeri dan strata, 2021	309
A111	Tempat kediaman, isi rumah dan purata saiz isi rumah mengikut negeri, 2020-2022	310
A112	Peratusan isi rumah mengikut jenis bekalan air dan negeri, 2019 dan 2022	311
A113	Peratusan isi rumah mengikut kemudahan bekalan elektrik dan negeri, 2019 dan 2022	311
A114	Peratusan isi rumah mengikut kemudahan kutipan sampah dan negeri, 2019 dan 2022	312
A115	Peratusan capaian isi rumah terhadap perkhidmatan dan peralatan ICT mengikut negeri, 2024	313
A116	Peratusan capaian isi rumah kepada jalur lebar mengikut negeri, 2024	313

SENARAI JADUAL INDIKATOR TERPILIH LAIN

JADUAL	SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
B1	Pengeluaran kelapa sawit bagi buah tandan segar yang diterima oleh kilang mengikut negeri, 2020-2024	317
B2	Pengeluaran minyak sawit mentah mengikut negeri, 2020-2024	317
B3	Pengeluaran isirong sawit mengikut negeri, 2020-2024	318
B4	Keluasan luas bertanam kelapa sawit mengikut negeri, 2020-2024	318
B5	Jumlah panjang jalan mengikut jenis permukaan dan negeri, 2023	319
B6	Bilangan hotel mengikut lokasi, W.P. Kuala Lumpur, 2024	320
B7	Ringkasan penawaran sedia ada bilik hotel mengikut negeri, 2020-2024	320
B8	Ringkasan penawaran sedia ada bilik hotel mengikut penarafan bintang, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024	320
B9	Bilangan tetamu hotel mengikut negeri, 2020-2024	321
B10	Bilangan kluster <i>homestay</i> yang berdaftar mengikut negeri, 2020-2023	321
B11	Kadar purata penginapan mengikut negeri, 2020-2024	322
B12	Jumlah luas kompleks perniagaan mengikut negeri, 2020-2024	322
B13	Jumlah luas pejabat binaan khas mengikut negeri, 2020-2024	323
B14	Penghunian kompleks perniagaan mengikut negeri, 2023-2024	323
B15	Penghunian pejabat binaan khas mengikut negeri, 2023-2024	324
B16	Ringkasan stok sedia ada, penawaran akan datang dan perancangan penawaran kediaman, kedai dan hartanah perindustrian, W.P. Kuala Lumpur, 2024	324
B17	Ringkasan nilai transaksi hartanah mengikut kategori pemberi pindah milik dan penerima pindah milik, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024	325
B18	Harga purata rumah mengikut jenis dan negeri, 2021-2023	326
B19	Mata indeks harga rumah Malaysia (2010=100) mengikut jenis dan negeri, 2022-2024	327
B20	Statistik terpilih pendidikan mengikut negeri, 2023-2024	328
B21	Bilangan kes penyakit berjangkit, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2023	329
B22	Bilangan doktor, doktor gigi, jururawat, ahli farmasi dan optometris mengikut sektor dan nisbah kepada penduduk, W.P. Kuala Lumpur, 2023	329
B23	Bilangan fasiliti kesihatan awam dan nisbah fasiliti kesihatan awam kepada penduduk, W.P. Kuala Lumpur, 2023	330
B24	Bilangan kemasukan pesakit mengikut negeri, sektor awam, 2020-2023	330
B25	Bilangan kemasukan pesakit mengikut negeri, sektor swasta, 2020-2023	331
B26	Pendaftaran baharu kenderaan bermotor mengikut jenis dan negeri, 2023	332
B27	Statistik jumlah kemalangan mengikut negeri, 2020-2024	332
B28	Statistik utama kemalangan pekerjaan, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2022	333
B29	Statistik jenayah, W.P. Kuala Lumpur, 2021-2023	335
B30	Aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) mengikut rantau dan ekonomi, 2020-2024	335
B31	Jumlah pelaburan domestik swasta yang diluluskan mengikut negeri, 2023-2024	336
B32	Jumlah pelaburan asing swasta yang diluluskan mengikut negeri, 2023-2024	336
B33	Jumlah pelaburan swasta yang diluluskan mengikut negeri, 2023-2024	337
B34	Jumlah pelaburan domestik projek pembuatan yang diluluskan mengikut negeri, 2023-2024	337
B35	Jumlah pelaburan asing projek pembuatan yang diluluskan mengikut negeri, 2023-2024	338
B36	Jumlah pelaburan projek pembuatan yang diluluskan mengikut negeri, 2023-2024	338
B37	Bilangan penerima bantuan mengikut negeri dan jenis bantuan, 2023	339
B38	Statistik terpilih internet dan media sosial mengikut negeri, 2020-2023	340
B39	Kadar penembusan jalur lebar mengikut negeri, 2023-2024	341
B40	Bilangan langganan jalur lebar mengikut negeri, 2023-2024	341
B41	Bilangan langganan selular mudah alih mengikut negeri, 2021-2023	342

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



KDNK GLOBAL, 2024

EKONOMI GLOBAL



3.3%
(2023: 3.5%)



Negara Maju

1.8%
(2023: 1.8%)

Amerika Syarikat
Kawasan Euro
Jepun
United Kingdom
Negara maju lain



2.8%
0.9%
0.2%
1.1%
2.2%



Negara EMDE

4.3%
(2023: 4.7%)

Emerging and Developing Asia
Emerging and Developing Europe
Latin America and the Caribbean
Middle East and Central Asia
Sub-Saharan Africa



5.3%
3.5%
2.4%
2.4%
4.0%


UNJURAN 2025

Ekonomi global dijangka berkembang kepada 3.0%

Sumber: IMF, World Economic Outlook, July 2025



PERUBAHAN PERATUSAN TAHUNAN KDNK BAGI NEGARA TERPILIH (%), 2023 & 2024



Sumber: IMF, World Economic Outlook, July 2025



INDIKATOR TERPILIH GLOBAL, 2023 & 2024



POPULASI¹
8.16 bilion
(2023: 8.09 bilion)



KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH²
61.0%
(2023: 61.0%)



JANGKAAN HAYAT¹
73.3
(2023: 73.2)



KADAR PENGANGGURAN²
5.0%
(2023: 5.0%)

Sumber: ¹ United Nation, World Population Prospect, 2024
² ILO, ILOSTAT Database, 2025



INFLASI GLOBAL, 2024

KADAR INFLASI



5.7%
(2023: 6.6%)



Negara Maju
2.6%
(2023: 4.6%)

Amerika Syarikat
Kawasan Euro
Jepun
United Kingdom
Negara maju lain



3.0%
2.4%
2.7%
2.5%
2.4%



Negara EMDE
7.7%
(2023: 8.0%)

Emerging and Developing Asia
Emerging and Developing Europe
Latin America and the Caribbean
Middle East and Central Asia
Sub-Saharan Africa



2.0%
16.8%
16.6%
14.4%
18.3%

Sumber: IMF, World Economic Outlook, April 2025
National Statistics Office (NSO)

Nota:

Pertumbuhan

EMDE: Emerging Market and Developing Economies



EKSPORT & IMPORT GLOBAL, 2023 & 2024

Volum Dagangan Barangan & Perkhidmatan

3.8%
(2023: 1.0%)



Negara Maju
2.1%
(2023: 1.1%)

Negara EMDE
6.7%
(2023: 1.1%)



Negara Maju
2.4%
(2023: -0.6%)

Negara EMDE
5.8%
(2023: 3.1%)

Sumber: IMF, World Economic Outlook, April 2025



PRESTASI KDNK MALAYSIA, 2024

KDNK Harga Malar	RM1,650.3 bilion (2023: RM1,570.1 bilion)	↑ 5.1%
KDNK Harga Semasa	RM1,932.3 bilion (2023: RM1,824.0 bilion)	↑ 5.9%
KDNK Per Kapita	RM56,745 (2023: RM54,608)	↑ 3.9%
PNK Harga Semasa	RM1,866.2 bilion (2023: RM1,768.4 bilion)	↑ 5.5%
PNK Per Kapita	RM54,793 (2023: RM52,942)	↑ 3.5%

Sumber: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), 2015-2024



PERUBAHAN PERATUSAN TAHUNAN KDNK (%)

	Pertanian	Perdagangan & pengangkutan	Pembinaan	Pembuatan	Perkhidmatan
2023	0.2%	6.4%	6.0%	0.7%	5.1%
2024	3.1%	6.3%	17.5%	4.2%	5.3%

Unjuran 2025

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.0% hingga 4.8%

Sumber: Keluaran Dalam Negeri Kasar, Malaysia, 2015-2024
Bank Negara Malaysia, 2025



STATISTIK PELANCONGAN, 2024

Pelawat Domestik ¹	260.1 juta orang (2023: 213.7 juta orang)	↑ 21.7%
Jumlah Ketibaan Pelancong ²	25.0 juta orang (2023: 20.1 juta orang)	↑ 24.2%

3 Ketibaan Pelancong Tertinggi Mengikut Negara ke Malaysia²

9.10 juta orang Singapore	3.65 juta orang Indonesia	3.29 juta orang China
-------------------------------------	-------------------------------------	---------------------------------

Sumber: ¹Survei Pelancongan Domestik, 2024
²Tourism Malaysia



PENDAPATAN & PERBELANJAAN ISI RUMAH, 2022

Pendapatan Kasar Bulanan	Penengah	Purata	Pekali Gini
	RM6,338 (2019: RM5,873)	RM8,479 (2019: RM7,901)	
Perbelanjaan Penggunaan	Penengah	Purata	
	RM4,282 (2019: RM3,683)	RM5,150 (2019: RM4,609)	

Sumber: Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah, 2022
Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah, 2022
Kemiskinan di Malaysia, 2022



PERBELANJAAN ASAS KEHIDUPAN WAJAR, 2023

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar Bulanan Isi Rumah	Makanan	Bukan Makanan	Per Kapita
RM1,693	RM1,693	RM3,037	RM1,314

Indeks Kos Sara Hidup **103.1**

Sumber: Indikator Kos Sara Hidup, 2023



STATISTIK PERDAGANGAN, 2024

JUMLAH PERDAGANGAN	EKSPORT	IMPORT
RM2.9 trilion (2023: RM2.6 trilion)	RM1.5 trilion (2023: RM1.4 trilion)	RM1.4 trilion (2023: RM1.2 trilion)



EKSPORT & IMPORT, 2024

3 Komoditi Ekspor Utama	Litar elektronik bersepadu	Barangan elektrik & elektronik lain	Keluaran petroleum bertapis
	RM313.1 bilion (2023: RM298.9 bilion)	RM132.2 bilion (2023: RM105.7 bilion)	RM117.6 bilion (2023: RM133.9 bilion)
3 Komoditi Import Utama	Litar elektronik bersepadu	Keluaran petroleum bertapis	Barangan elektrik & elektronik lain
	RM202.5 bilion (2023: RM159.2 bilion)	RM121.4 bilion (2023: RM130.3 bilion)	RM98.1 bilion (2023: RM63.0 bilion)



3 DESTINASI EKSPORT UTAMA MALAYSIA, 2024

RM230.9 bilion Singapore	RM198.9 bilion Amerika Syarikat	RM187.8 bilion China
------------------------------------	---	--------------------------------

Sumber: Perangkaan Mukhtamad Perdagangan Luar Negeri, 2025



INDIKATOR TERPILIH, 2024

Bilangan Penduduk ¹	Kepadatan Penduduk ¹
34.1 juta (2023: 33.4 juta)	103 km persegi (2023: 101 km persegi)
Bilangan Tenaga Buruh ²	Bilangan Penduduk Bekerja ²
16.9 juta (2023: 16.4 juta)	16.4 juta (2023: 15.8 juta)
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh ²	Kadar Pengangguran ²
70.6% (2023: 70.0%)	3.2% (2023: 3.4%)
Nisbah Guna Tenaga Penduduk ²	Kadar Inflasi ³
68.4% (2023: 67.7%)	1.8% (2023: 2.5%)

Sumber: ¹ Anggaran Penduduk Semasa Malaysia, 2024
² Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia, 2024
³ Analisis Indeks Harga Pengguna Tahunan, 2024

BAB 1

SENARIO EKONOMI GLOBAL DAN MALAYSIA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SENARIO EKONOMI GLOBAL 2024

Sepanjang tahun 2024, landskap ekonomi global terus dipengaruhi oleh pelbagai faktor dinamik dan kompleks. Pertumbuhan ekonomi dunia mencatatkan kadar 3.3 peratus, sedikit perlahan berbanding 3.5 peratus pada tahun sebelumnya. Menerusi laporan *World Economy Outlook (WEO), July 2025*, prestasi ekonomi dunia masih berada pada trajektori pertumbuhannya disokong oleh prestasi negara maju yang meningkat 1.8 peratus (2023: 1.8%) serta *Emerging Market and Developing Economies (EMDE)* yang berkembang 4.3 peratus, lebih rendah berbanding pertumbuhan tahun sebelumnya (2023: 4.7%). Konflik geopolitik yang masih berterusan, persaingan antara kuasa-kuasa besar ekonomi, gangguan rantai bekalan global, bencana alam serta fenomena cuaca ekstrem telah memberi impak kepada momentum pertumbuhan ini (WEO, July 2025).

Meskipun ketegangan geopolitik masih berlarutan sehingga kini, volum perdagangan global menunjukkan prestasi menggalakkan dengan peningkatan 3.8 peratus berbanding 1.0 peratus pada tahun 2023. Ini dipengaruhi oleh volum perdagangan barangan yang memulih daripada negatif 0.8 peratus pada tahun sebelumnya kepada 2.9 peratus pada tahun 2024 (WEO, April 2025).

Dari perspektif harga, kadar inflasi global menunjukkan tanda-tanda pemulihan dengan menurun kepada 5.7 peratus berbanding 6.6 peratus pada tahun 2023. Negara maju merekodkan kadar inflasi yang lebih terkawal pada 2.6 peratus iaitu menghampiri paras pra-pandemik. Namun begitu, proses disinflasi masih perlahan, terutamanya disebabkan oleh peningkatan berterusan harga perkhidmatan dan lonjakan harga komoditi berikutan ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Hal ini menyebabkan kadar inflasi di negara EMDE kekal tinggi pada paras 7.7 peratus (WEO, April 2025).

Walaupun tekanan inflasi mula reda, paras inflasi yang masih tinggi terus memberi kesan kepada kuasa beli pekerja. Menurut laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO, 2025), nilai sebenar upah pekerja hanya mencatatkan peningkatan di sesetengah negara maju. Namun, kebanyakan negara masih berdepan cabaran kesan sisa pandemik dan tekanan inflasi yang berlarutan. Pada masa yang sama, kadar pengangguran global kekal pada 5.0 peratus, tidak berubah berbanding tahun sebelumnya (2023), menunjukkan pemulihan pasaran buruh yang masih bersifat perlahan dan tidak seimbang di seluruh dunia.

Amerika Syarikat

Menurut laporan *World Economy Outlook* (WEO), *July 2025*, ekonomi Amerika Syarikat dilaporkan berkembang 2.8 peratus pada tahun 2024 berbanding 2.9 peratus yang dicatatkan pada tahun 2023. Dari sudut permintaan, pertumbuhan ini dipacu oleh Perbelanjaan penggunaan persendirian, Pelaburan swasta serta Perbelanjaan dan pelaburan Kerajaan. Perbelanjaan penggunaan persendirian meningkat 2.8 peratus (2023: 2.5%) disokong oleh

pertumbuhan dalam perbelanjaan barangan dan perkhidmatan yang masing-masing berkembang sebanyak 2.4 peratus dan 2.9 peratus. Pada masa yang sama, pelaburan swasta mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 4.0 peratus (2023: 0.1%), dipacu oleh pelaburan tetap yang meningkat 3.7 peratus. Ini disokong oleh pelaburan bukan kediaman yang berkembang 3.6 peratus dan pelaburan kediaman sebanyak 4.2 peratus. Sementara itu, Perbelanjaan dan pelaburan Kerajaan juga meningkat 3.4 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun

Jadual 1.1: Perubahan peratusan tahunan KDNK negara terpilih, 2015-2024

Negara	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Ekonomi Dunia	3.4	3.3	3.8	3.6	2.8	-2.7	6.5	3.6	3.5	3.3
Negara Maju	2.3	1.8	2.6	2.3	1.8	-3.9	5.7	2.9	1.8	1.8
Amerika Syarikat	2.7	1.8	2.5	3.0	2.5	-2.2	5.8	1.9	2.9	2.8
Kawasan Euro	2.0	1.9	2.6	1.8	1.6	-6.1	5.9	3.4	0.5	0.9
Jerman	1.5	2.2	2.7	1.0	1.1	-3.8	3.2	1.8	-0.3	-0.2
Perancis	1.1	1.1	2.3	1.9	1.8	-7.5	6.3	2.5	1.6	1.1
Itali	0.8	1.3	1.7	0.9	0.5	-9.0	8.3	4.0	0.7	0.7
Sepanyol	3.8	3.0	3.0	2.3	2.0	-11.2	6.4	5.8	2.7	3.2
Jepun	1.6	0.8	1.7	0.6	-0.4	-4.1	2.6	1.0	1.4	0.2
United Kingdom	2.4	1.9	2.7	1.4	1.6	-10.4	8.7	4.3	0.4	1.1
Negara EMDE*	4.4	4.4	4.8	4.7	3.6	-1.8	7.0	4.1	4.7	4.3
China	7.0	6.9	6.9	6.8	6.0	2.2	8.4	3.0	5.4	5.0
Republik Korea	2.8	2.9	3.2	2.9	2.2	-0.7	4.3	2.6	1.6	2.0
Taiwan	1.5	2.2	3.3	2.8	3.1	3.4	6.6	2.6	1.1	4.8
Singapura	3.0	3.6	4.5	3.5	1.3	-3.9	9.7	3.8	1.8	4.4
Thailand	3.1	3.4	4.2	4.2	2.1	-6.1	1.5	2.5	2.0	2.5
Filipina	6.3	7.1	6.9	6.3	6.1	-9.5	5.7	7.6	5.5	5.7
Indonesia	4.9	5.0	5.1	5.2	5.0	-2.1	3.7	5.3	5.1	5.0
Malaysia	5.0	4.4	5.8	4.8	4.4	-5.5	3.3	9.0	3.5	5.1

Sumber: IMF, *World Economic Outlook, July 2025* dan *National Statistics Office (NSO)*

*Emerging Market Developing Economies

sebelumnya. Peningkatan ini disokong oleh Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang meningkat 2.6 peratus (2023: 2.9%) serta Perbelanjaan Kerajaan Negeri dan Tempatan, yang bertambah 3.9 peratus (2023: 4.4%) (*Bureau of Economic Analysis, 2025*).

Dari segi prestasi sektoral, sektor Pertanian mencatatkan peningkatan 5.2 peratus pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya (2023: 3.8%). Sektor Perlombongan turut berkembang 1.0 peratus (2023: 33.6%) manakala sektor Pembinaan menunjukkan pemulihan kukuh 5.2 peratus berbanding penguncupan 2.3 peratus tahun sebelumnya. Selain itu, sektor Pembuatan berkembang 2.8 peratus pada tahun 2024 (2023: 0.3%) disokong oleh pengeluaran barangan tidak tahan lama (*non-durable goods*) yang meningkat sebanyak 6.6 peratus (2023: 1.6%). Aktiviti Kerajaan turut memberikan sumbangan yang positif dengan pertumbuhan sebanyak 1.9 peratus dipacu oleh peningkatan Perbelanjaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri dan Tempatan.

Dari perspektif perdagangan antarabangsa, Amerika Syarikat merekodkan nilai eksport barangan dan perkhidmatan sebanyak USD3,232.5 bilion pada tahun 2024 (2023: USD3,092.5 bilion) dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 4.5 peratus. Pada tempoh yang sama, import meningkat 7.0 peratus kepada USD4,136.1 bilion (2023: USD3,866.7 bilion). Nilai import yang lebih tinggi berbanding eksport telah menyumbang kepada peningkatan defisit dagangan, yang mencecah USD903.5 bilion berbanding tahun sebelumnya (2023: USD774.2 bilion). Defisit terbesar direkodkan dalam kategori barangan (USD1,215.4 bilion), manakala Perkhidmatan mencatatkan lebihan dagangan sebanyak

USD311.9 bilion. Komoditi utama import barangan negara ini termasuk komputer, aksesori komputer dan peralatan elektrik. Bagi Perkhidmatan, import tertumpu kepada sektor perjalanan, perkhidmatan perniagaan lain dan pengangkutan.

Beralih ke senario tenaga buruh seperti yang dilaporkan oleh *U.S. Bureau of Labor Statistics (BLS) 2025*, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) di Amerika Syarikat pada Disember 2024 kekal stabil sebanyak 62.5 peratus, sama seperti Disember 2023. Beberapa sektor pekerjaan merekodkan pertambahan peluang pekerjaan terutamanya dalam sektor penjagaan kesihatan (46,000 pekerjaan), sektor perdagangan runcit (43,000 pekerjaan) dan sektor Kerajaan (33,000 pekerjaan). Peningkatan ini telah mendorong pertumbuhan jumlah penduduk bekerja kepada 161,661 ribu orang (Disember 2023: 161,124 ribu orang). Walau bagaimanapun, bilangan penganggur turut meningkat kepada 6,886 ribu orang (Disember 2023: 6,315 ribu orang), menjadikan kadar pengangguran meningkat 4.1 peratus (Disember 2023: 3.8%).

Kadar inflasi di Amerika Syarikat menyederhana kepada 2.9 peratus pada Disember 2024, berbanding 3.4 peratus pada Disember 2023. Menurut laporan BLS 2025, penyederhanaan ini dipengaruhi oleh peningkatan harga yang lebih perlahan dalam kategori Makanan yang meningkat 2.5 peratus (Disember 2023: 2.7%), terutamanya Makanan di luar rumah yang mereda kepada 3.6 peratus (2023: 5.2%). Di samping itu, inflasi dalam kategori Tenaga juga menyusut 0.5 peratus (Disember 2023: -2.0%) disebabkan oleh kemerosotan bahan api.

Kawasan Euro¹

Menurut laporan WEO July 2025, prestasi ekonomi Kawasan Euro pada tahun 2024 meningkat 0.9 peratus berbanding 0.5 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Prestasi ini dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi negara-negara utama Kawasan Euro seperti Sepanyol, Perancis, Itali dan Jerman. Ekonomi Sepanyol berkembang 3.2 peratus berbanding 2.7 peratus pada tahun sebelumnya manakala Perancis meningkat 1.1 peratus (2023: 1.6%). Itali mengekalkan pertumbuhan yang sama seperti tahun sebelumnya iaitu 0.7 peratus. Sebaliknya, prestasi ekonomi Jerman kekal merosot 0.2 peratus (2023: -0.3%).

Merujuk Eurostat 2025, eksport barangan Kawasan Euro memulih dengan peningkatan marginal 0.5 peratus, mencatatkan €2,862.2 bilion berbanding penurunan 0.8 peratus yang direkodkan pada tahun 2023. Sebaliknya import menguncup 3.6 peratus dengan nilai €2,688.8 bilion sekali gus menyumbang kepada peningkatan lebihan dagangan sebanyak €173.3 bilion (2023: €57.4 bilion). Antara komoditi utama eksport Kawasan Euro ialah jentera dan kenderaan yang menyumbang 39.1 peratus, barangan perkilangan lain (22.6%) serta bahan kimia (21.1%).

0.9%
Pertumbuhan
ekonomi Kawasan Euro
pada tahun 2024

Beralih kepada pasaran buruh, Kawasan Euro menunjukkan daya tahan yang baik dengan peningkatan bilangan pekerja serta penurunan kadar pengangguran. Jumlah penduduk bekerja meningkat kepada 155.9 juta orang pada tahun 2024 (2023: 154.3 juta orang), manakala tenaga buruh bertambah kepada 166.7 juta orang (2023: 165.3 juta orang). Kadar pengangguran menurun kepada 6.4 peratus pada tahun 2024 (2023: 6.6%). Namun begitu, jurang jantina masih wujud, dengan kadar pengangguran dalam kalangan wanita lebih tinggi pada 6.6 peratus berbanding 6.1 peratus bagi lelaki (Eurostat, 2025).

Inflasi Kawasan Euro mereda 2.4 peratus, berbanding 5.4 peratus pada tahun sebelumnya. Penyederhanaan ini dipengaruhi oleh inflasi negara utama rantau ini iaitu Itali yang merekodkan kadar inflasi terendah, 1.1 peratus (2023: 5.9%). Seterusnya, inflasi bagi negara-negara utama lain seperti Jerman, Perancis dan Sepanyol turut mereda masing-masing kepada 2.5 peratus (2023: 6.0%), 2.3 peratus (2023: 5.7%) dan 2.9 peratus (2023: 3.4%) (Eurostat, 2025). Penyederhanaan inflasi ini merupakan hasil daripada tindakan proaktif Bank Pusat Eropah (European Central Bank, ECB) yang mengekalkan sasaran kadar inflasi sekitar 2 peratus. ECB menggunakan pendekatan berasaskan data serta melaksanakan dasar monetari yang bersesuaian bagi menjamin kestabilan harga secara mampan.

¹ Kawasan Euro: Negara Jerman, Perancis, Ireland, Sepanyol, Itali, Greece, Belgium, Luxembourg, Belanda, Austria, Portugal, Finland, Slovenia, Cyprus, Malta, Slovakia, Estonia, Latvia dan Lithuania.

China

China, sebagai ekonomi kedua terbesar dunia, mencatatkan nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berjumlah RMB134.91 trilion (US\$18.80 trilion) pada tahun 2024. Ekonomi negara ini terus berkembang pada kadar 5.0 peratus pada tahun 2024, sedikit rendah berbanding 5.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Menurut *National Bureau of Statistics of China* (NBSC) 2025, pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 6.1 peratus (2023: 5.0%), didorong oleh subsektor bekalan tenaga elektrik, haba, gas dan air yang berkembang 5.3 peratus. Sektor Perkhidmatan pula berkembang 5.0 peratus pada tahun 2024 (2023: 5.8%), disumbangkan oleh prestasi cemerlang subsektor perkhidmatan teknologi maklumat (10.9%) dan perkhidmatan pajakan & perniagaan (10.4%).

Sementara itu, *General Administration of Customs of the People's Republic of China* (GACC) melaporkan bahawa aktiviti perdagangan luar China kembali pulih dengan pertumbuhan positif 3.8 peratus pada tahun 2024, berbanding penyusutan 5.0 peratus pada tahun sebelumnya. Jumlah perdagangan luar China bernilai USD6.16 trilion, dengan eksport berjumlah USD3.58 trilion dan import sebanyak USD2.59 trilion. Ini menjadikan lebihan

dagangan China mencecah USD0.99 trilion. Peningkatan eksport dipacu oleh barangan mekanikal dan elektrik, yang meningkat 8.7 peratus (2023: 2.9%) dan menyumbang 59.4 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan negara. Pada masa yang sama, aktiviti import turut menunjukkan pemulihan dengan pertumbuhan 1.1 peratus, berbanding penyusutan 5.5 peratus pada tahun 2023.


Dari perspektif tenaga buruh, China mempunyai seramai 734.4 juta penduduk bekerja, dengan 473.5 juta daripadanya berada di kawasan bandar yang menyumbang 64.5 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja. KPTB lelaki adalah 71.1 peratus, lebih tinggi berbanding wanita yang mencatat kadar penyertaan 59.6 peratus. Walaupun negara ini berdepan cabaran demografi seperti kadar kelahiran yang rendah dan populasi yang semakin menua, pasaran buruh menunjukkan peningkatan dengan kadar pengangguran menurun kepada 5.1 peratus pada tahun 2024 (2023: 5.2%) (NBSC, 2025).

“
5.1%
Kadar Pengangguran
China pada
tahun 2024
”

Pada tahun 2024, Indeks Harga Pengguna (IHP) China meningkat 0.2 peratus, kekal pada kadar yang sama seperti tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan harga kumpulan pendidikan, budaya & rekreasi sebanyak 1.5 peratus, perkhidmatan perubatan & penjagaan kesihatan (1.3%) serta kumpulan pakaian (1.4%). Sebaliknya, harga bagi kumpulan makanan, tembakau dan alkohol menguncup 0.1 peratus (2023: 0.3%). Begitu juga pengangkutan dan komunikasi yang menunjukkan penyusutan 1.9 peratus (2023: -2.3%). Penurunan harga dalam beberapa kategori utama ini telah menyumbang kepada inflasi yang kekal rendah di China pada tahun 2024 (NBSC, 2025).

Jepun

Menurut *Economic and Social Research Institute (ESRI) Cabinet Office, Government of Japan, 2025*, ekonomi Jepun berkembang marginal 0.2 peratus berbanding peningkatan 1.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan perlahan ini dipengaruhi oleh kelembapan dalam semua komponen permintaan. Permintaan domestik meningkat 0.2 peratus, disokong oleh pelaburan bukan kediaman yang berkembang 1.3 peratus, mengimbangi kejatuhan yang direkodkan oleh penggunaan isi rumah serta pelaburan kediaman.



Sementara itu, Permintaan kerajaan juga berkembang marginal 0.5 peratus disokong oleh peningkatan dalam Penggunaan kerajaan yang berkembang 0.9 peratus (2023: -0.3%) manakala Pelaburan awam merekodkan penyusutan 1.1 peratus (2023: 1.5%).

Beralih kepada aktiviti dagangan, eksport barangan mengukuh 6.2 peratus dengan nilai 107.1 trilion Yen berbanding 2.7 peratus (100.9 trilion Yen) yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh peningkatan dalam semua kumpulan iaitu bahan kimia (7.4%), barangan perkilangan (3.8%), peralatan mesin (4.2%), mesin elektrik (7.0%) dan peralatan pengangkutan (3.6%). Import pula mencecah 112.6 trilion Yen dengan peningkatan 2.0 peratus berbanding penyusutan 6.8 peratus (110.4 trilion Yen) pada tahun 2023. Ia didorong oleh pertumbuhan import yang lebih tinggi bagi peralatan mesin (13.4%), makanan (5.5%), bahan mentah (11.0%), bahan kimia (1.5%), bahan perkilangan (2.4%) dan peralatan pengangkutan (5.3%). Sebaliknya, import bahan api mineral dan mesin elektrik masing-masing menyusut sebanyak 6.7 peratus dan 0.6 peratus. Walaupun Jepun terus mencatat defisit dagangan sebanyak 5.5 trilion Yen pada tahun 2024, jumlah ini lebih kecil berbanding defisit 9.5 trilion Yen yang direkodkan pada tahun sebelumnya (*Trade Statistics of Japan, Ministry of Finance, 2025*).

Sementara itu, bilangan tenaga buruh di Jepun mencapai angka tertinggi dalam tempoh satu dekad iaitu 67.8 juta orang (2014: 63.7 juta orang) seperti yang dilaporkan oleh *Statistics Bureau of Japan, 2025*. Ini menyumbang kepada peningkatan KPTB kepada 63.3 peratus (2023: 62.9%). Peratusan penduduk bekerja juga bertambah

kepada 61.7 peratus (2023: 61.2%), dengan kadar bekerja lelaki dan wanita masing-masing 69.6 peratus dan 54.2 peratus. Penambahan ini membantu menurunkan kadar pengangguran kepada 2.5 peratus (2023: 2.6%), mencerminkan pasaran buruh yang semakin stabil.

Kadar inflasi di Jepun meningkat 2.7 peratus berbanding 3.2 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan inflasi dalam subkumpulan Makanan (4.3%, 2023: 8.1%), Perumahan (0.7%, 2023: 1.1%), Perabot & perkakas rumah (4.0%, 2023: 7.9%), Pakaian & kasut (2.4%, 2023: 3.6%), Penjagaan kesihatan (1.6%, 2023: 1.9%), Pengangkutan & komunikasi (1.6%, 2023: 2.5%), Caj bahan api, elektrik & air (4.0%, 2023: -6.7%) dan Tenaga (3.8%, 2023: -6.0%). Sebaliknya, inflasi bagi subkumpulan Pendidikan menyusut 0.4 peratus (2023: 1.2%) (*Statistics Bureau of Japan, 2025*). *Bank of Japan* mengekalkan sasaran kestabilan harga pada kadar 2 peratus dan melaksanakan dasar monetari yang bersesuaian berdasarkan perkembangan semasa dalam aktiviti ekonomi, tahap harga dan keadaan pasaran kewangan bagi mencapai sasaran tersebut.

Republik Korea

Bank of Korea melaporkan bahawa ekonomi Republik Korea meningkat 2.0 peratus berbanding 1.6 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan positif dalam sektor Pembuatan (4.3%), Elektrik, gas & air (3.3%), Perkhidmatan (1.6%) dan Pertanian, perhutanan & perikanan (0.6%). Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan merekodkan penyusutan

3.8 peratus berbanding pada tahun 2023 (-0.6%). Dari sudut perbelanjaan, Perbelanjaan penggunaan akhir berkembang 1.4 peratus merangkumi Perbelanjaan swasta dan Perbelanjaan Kerajaan yang masing-masing meningkat 1.1 peratus dan 2.1 peratus. Pada masa yang sama, eksport barangan dan perkhidmatan mengukuh 6.8 peratus manakala import barangan dan perkhidmatan meningkat 2.5 peratus. Namun begitu, Pembentukan modal tetap kasar menguncup 0.8 peratus dipengaruhi oleh penyusutan pelaburan sektor Pembinaan sebanyak 3.3 peratus (2023: -0.5%).

Menurut Kementerian Perdagangan, Industri dan Tenaga (MOTIE), Republik Korea, tahun 2024 menyaksikan eksport republik ini mengukuh 8.2 peratus dengan nilai USD683.8 bilion melebihi nilai eksport pada tahun 2022 (USD683.6 bilion). Peningkatan ini dipacu oleh lonjakan dalam eksport semikonduktor yang meningkat 43.9 peratus (USD141.9 bilion). Sebaliknya, nilai import menyusut kepada 1.6 peratus dengan jumlah USD632.0 bilion disebabkan oleh pengurangan dalam import tenaga. Ini sekali gus mendorong lebih perdagangan negara ini berjumlah USD51.8 bilion.

“
2.0%
Ekonomi
Republik Korea
pada tahun 2024
 ”

Beralih kepada pasaran buruh, *Statistic Korea* (KONSTAT) melaporkan bahawa KPTB Republik Korea pada tahun 2024 adalah sebanyak 64.5 peratus, meningkat 0.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pada tempoh yang sama, jumlah penduduk bekerja adalah seramai 28.6 juta orang, meningkat 0.6 peratus berbanding 1.2 peratus pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran turut meningkat 2.8 peratus pada tahun 2024 (2023: 2.7%). Kementerian Kewangan Republik Korea menjelaskan bahawa kelembapan dalam pasaran buruh ini dipengaruhi oleh penurunan sentimen pengguna akibat ketidakpastian politik serta faktor sementara seperti penamatan beberapa inisiatif kerajaan.

Inflasi Republik Korea pada tahun 2024 meningkat perlahan 2.3 peratus (2023: 3.6%), terendah yang direkodkan dalam tempoh empat tahun (2021: 2.5%, 2022: 5.1%) (*Bank of Korea*, 2025). Antara kumpulan yang mendorong kepada peningkatan perlahan ini adalah kumpulan Makanan & minuman bukan alkohol (3.9%, 2023: 5.5%), Pakaian & kasut (3.3%, 2023: 6.7%), Perumahan, air, elektrik & bahan api lain (1.7%, 2023: 5.1%), Restoran & hotel (3.1%, 2023: 6.0%) dan Minuman alkohol & tembakau (0.9%, 2023: 1.0%). Manakala kumpulan Elektrik, gas & bahan api lain mereda kepada 3.1 peratus berbanding kenaikan 19.9 peratus pada tahun sebelumnya (KONSTAT, 2025). Ini merupakan hasil inisiatif *Bank of Korea* yang sentiasa mengetatkan dasar moneterinya untuk mengawal kestabilan harga di republik ini bagi mencapai sasaran kadar inflasi dalam lingkungan 2.0 peratus.



“
2.3%
 Inflasi
 Republik Korea
 pada tahun 2024
 ”

Taiwan

Ekonomi Taiwan bertumbuh 4.8 peratus pada tahun 2024 berbanding 1.1 peratus yang direkodkan pada tahun 2023. Prestasi ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan yang merekodkan peningkatan sebanyak 4.7 peratus berbanding pertumbuhan 4.9 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan sektor ini didorong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit yang pulih 4.5 peratus setelah merosot pada tahun 2023 (-0.6%). Subsektor Pengangkutan & penyimpanan dan Kewangan & insurans turut meningkat masing-masing 5.8 peratus dan 13.5 peratus. Sektor Pembuatan, Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian turut memulih kepada 7.8 peratus, 2.2 peratus dan 0.5 peratus setelah menyusut pada tahun 2023. Namun begitu, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan terus menyusut

disokong oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Sektor Perlombongan & pengkuarian memulih 4.1 peratus berbanding penyusutan marginal 0.1 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya disokong oleh peningkatan subsektor Gas asli. Sektor Pertanian di negeri ini berkembang marginal 0.5 peratus didorong oleh pertumbuhan subsektor Tanaman yang menyumbang 82.9 peratus kepada sektor Pertanian negeri Sarawak dengan pertumbuhan 1.4 peratus. Manakala sektor Pembinaan melonjak 18.7 peratus disokong oleh subsektor Kejuruteraan awam dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas.

W.P. Kuala Lumpur* kekal sebagai penyumbang kedua tertinggi kepada ekonomi negara dengan nilai KDNK berjumlah RM265.8 bilion (2023: RM250.3 bilion) mengukuh 6.2 peratus (2023: 3.8%). Sektor Perkhidmatan yang mengungguli ekonominya berkembang 5.5 peratus (2023: 5.0%) mengatasi pertumbuhan nasional. Pertumbuhan ini disokong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, sektor Pembinaan dan sektor Pembuatan masing-masing meningkat 21.1 peratus dan 4.3 peratus.

Ekonomi **W.P. Labuan** merekodkan nilai KDNK berjumlah RM8.6 bilion (2023: RM8.1 bilion) mengukuh 5.4 peratus (2023: 1.8%), melepasi pertumbuhan nasional. Sektor Perkhidmatan yang menjadi peneraju ekonominya berkembang 6.4 peratus (2023: 2.0%) disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan terutamanya aktiviti Kewangan

dan insurans. Manakala sektor Pembinaan berkembang 5.3 peratus (2023: 0.1%) didorong oleh peningkatan positif dalam semua subsektor, terutamanya Aktiviti pembinaan pertukangan khas. Sebaliknya, sektor Pembuatan menyusut 0.7 peratus dipengaruhi oleh kejatuhan Produk petroleum, kimia, getah & plastik.

KDNK per kapita

Lima negeri merekodkan nilai KDNK per kapita melebihi paras nasional (RM56,745) iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM136,364), W.P. Labuan (RM87,041), Pulau Pinang (RM76,030), Sarawak (RM73,444) dan Selangor (RM65,913) seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1 : KDNK per kapita mengikut negeri, 2023-2024 pada harga semasa


Negeri	RM	
	2023 ^e	2024 ^p
W.P. Kuala Lumpur*	131,165	136,364
W.P. Labuan	83,841	87,041
Pulau Pinang	72,532	76,030
Sarawak	72,283	73,444
Selangor	62,696	65,913
Melaka	53,688	54,572
Negeri Sembilan	51,702	53,956
Pahang	46,085	49,631
Johor	41,847	44,782
Perak	37,026	38,998
Terengganu	31,163	32,457
Sabah	31,235	30,607
Kedah	26,387	27,273
Perlis	24,138	24,701
Kelantan	16,914	17,372
MALAYSIA	54,608	56,745

* Termasuk W.P. Putrajaya

Jadual 2.2 : Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan sektor, 2024

NEGERI	SEKTOR						KDNK (%)
	PERTANIAN	PERLOMBONGAN & PENGUKUIAN	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	DUTI IMPORT	
Johor	4.2	11.3	42.7	4.2	6.0	4.8	6.4
Kedah	4.0	-3.0	-11.1	6.6	3.8	6.7	4.2
Kelantan	2.8	8.2	20.7	2.2	3.4	-4.4	3.6
Melaka	-1.0	6.6	30.6	3.8	4.8	41.5	4.4
Negeri Sembilan	9.8	-5.2	9.1	3.9	4.3	25.5	4.6
Pahang	8.4	-3.9	12.9	3.5	4.9	224.4	5.7
Pulau Pinang	0.1	5.5	14.4	4.0	5.0	18.0	4.8
Perak	3.6	-2.9	11.5	5.1	4.1	15.8	4.4
Perlis	2.9	2.7	16.9	1.4	3.3	0.1	3.3
Selangor	6.6	11.8	13.2	5.1	6.3	5.3	6.3
Terengganu	3.9	13.6	17.5	3.9	4.0	156.3	4.5
Sabah	-3.4	-5.0	18.8	1.2	4.2	5.2	1.1
Sarawak	0.5	4.1	18.7	1.3	4.9	21.0	3.9
W.P. Kuala Lumpur	..	2.9	21.1	4.3	5.5	6.7	6.2
W.P. Labuan	2.3	-	5.3	-0.7	6.4	56.3	5.4
Supra	-	1.0	-	-	-	-	1.0
MALAYSIA	3.1	0.9	17.5	4.2	5.3	7.1	5.1

Carta 2.1 : Peratusan sumbangan KDNK mengikut negeri dan sektor, 2024





Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SOSIOEKONOMI W.P. KUALA LUMPUR 2024

KDNK: RM265.8 bilion
(2023: RM250.3 bilion)

6.2%
(2023: 3.8%)



Petunjuk : ↑ Pertumbuhan ● Sumbangan kepada KDNK b Bilion

DEMOGRAFI SOSIAL

- LUAS KAWASAN***: 243 km²
- JUMLAH PENDUDUK**: 2.07 juta
- KEPADATAN PENDUDUK**: 8,518 per km²
- KADAR KESUBURAN JUMLAH***: 1.3
- JANGKAAN HAYAT** (Ketika lahir (tahun)): 74.1 / 78.8
- BILANGAN TENAGA BURUH**: 1.18 juta
- PENDUDUK BEKERJA**: 1.15 juta
- KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH**: 75.4%
- KADAR PENGANGGURAN**: 2.6%
- GAJI & UPAH BULANAN***: PURATA RM4,521 / PENENGAH RM3,469

KADAR INFLASI

1.4%
(2023: 2.1%)

INDIKATOR KOS SARA HIDUP*

PURATA PERBELANJAAN ASAS KEHIDUPAN WAJAR (PAKW)

PAKW BULANAN ISI RUMAH	PAKW BULANAN ISI RUMAH PER KAPITA
RM5,468	RM1,755
RM1,497 (Makanan)	RM467
RM3,971 (Bukan Makanan)	RM1,288

PURATA SAIZ ISI RUMAH: 3.2 orang

PAKW BULANAN MENGIKUT SAIZ ISI RUMAH

Tinggal Bersendiri	Dua Orang	Tiga Orang	Empat Orang	Lima Orang	Enam Orang dan Lebih
RM2,233	RM3,771	RM5,157	RM6,536	RM7,873	RM9,864

STATISTIK PERDAGANGAN

JUMLAH PERDAGANGAN: **RM170.2 bilion**
(2023: RM157.9 bilion)

EKSPORT BARANGAN: **RM64.8 bilion**
(2023: RM66.2 bilion)

IMPORT BARANGAN: **RM105.4 bilion**
(2023: RM91.6 bilion)

EKSPORT BARANGAN UTAMA: Keluaran petroleum bertapis **RM11.7 bilion**

IMPORT BARANGAN UTAMA: Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori **RM13.0 bilion**

Barangan elektrik dan elektronik yang lain: **RM4.4 bilion**

Barangan elektrik dan elektronik yang lain: **RM11.1 bilion**

Minyak kelapa sawit: **RM4.3 bilion**

Keluaran petroleum bertapis: **RM6.3 bilion**

INDEKS KOS SARA HIDUP

INDEKS KOS SARA HIDUP: 103.3

KADAR PERTUMBUHAN TAHUNAN: 3.3%

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

27.0 juta orang BILANGAN PELAWAT DOMESTIK LIMA DESTINASI TUMPUAN UTAMA

- SOGO
- Mid Valley Megamall
- Suria KLCC
- Petaling Street Market
- Pasar Seni

Nota : KDNK : Keluaran Dalam Negeri Kasar
*Data tahun 2023

Sumber : Laporan Sosioekonomi W.P. Kuala Lumpur 2024

2024

PRESTASI EKONOMI W.P. KUALA LUMPUR

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan ibu negara Malaysia dan antara pusat pentadbiran dan ekonomi utama negara. Sebagai satu daripada tiga Wilayah Persekutuan selain Putrajaya dan Labuan, Kuala Lumpur memainkan peranan penting dalam sektor kewangan, komersial dan pelancongan dengan mercu tanda ikonik seperti Menara Berkembar Petronas, Dataran Merdeka dan Bukit Bintang. Namun begitu, sebagai bandar raya metropolitan dengan kepadatan penduduk tertinggi di Malaysia iaitu seramai 8,518 orang per km per segi, wilayah ini menghadapi pelbagai cabaran termasuk kos sara hidup yang tinggi, kesesakan lalu lintas serta peningkatan infrastruktur dan kemudahan awam. Justeru, Belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 2024 yang bertemakan 'Aspirasi Madani, Bandar Raya Lestari' telah digarap bertujuan untuk menjayakan misi DBKL menjadikan Kuala Lumpur bandar raya sejahtera untuk semua.

Menerusi belanjawan tersebut, sebanyak RM2.66 bilion telah diperuntukkan oleh DBKL yang meliputi perbelanjaan mengurus (RM2.01 bilion) dan perbelanjaan pembangunan (RM65 juta). Antara projek utama yang dilaksanakan adalah peningkatan sistem saliran dan perparitan, pembinaan kolam takungan banjir, serta pelaksanaan langkah mitigasi dan tebatan banjir bagi menangani isu banjir di ibu kota. Selain itu, projek menaik taraf pusat penjaja dan pasar serta pembinaan pusat penjaja baharu bertujuan untuk menambah baik struktur ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan penduduk setempat turut dilaksanakan.

Pada tahun 2024, W.P. Kuala Lumpur jumlah projek perkilangan yang diluluskan, merangkumi pelaburan domestik dan asing. Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), sebanyak 16 projek perkilangan telah diluluskan berbanding 5 projek pada tahun

“
6.2%
Pertumbuhan
ekonomi
W.P. Kuala Lumpur
”

“
RM265.8 bilion
Nilai KDNK pada
tahun 2024
”




2023. Daripada projek tersebut, RM301.5 juta merupakan pelaburan domestik, meningkat berbanding RM69.7 juta pada tahun 2023. Pada tempoh sama, pelaburan asing mencatatkan jumlah sebanyak RM40.3 juta. Secara keseluruhan, jumlah projek perkilangan di wilayah ini mencapai RM341.8 juta pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM69.7 juta.

Peningkatan ekonomi di W.P. Kuala Lumpur dapat dilihat melalui catatan nilai KDNK sebanyak RM265.8 bilion (2023: RM250.3 bilion), dengan pertumbuhan sebanyak 6.2 peratus berbanding tahun sebelumnya (3.8%) seperti ditunjukkan pada **Carta 2.2**. Dari aspek komposisi ekonomi, sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi negeri ini dengan


menyumbang sebanyak 91.9 peratus, diikuti sektor Pembinaan yang menyumbang 5.1 peratus. Selain itu, sektor Pembuatan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 2.5 peratus dan 0.1 peratus (**Carta 2.3**).

Beralih ke prestasi sektoral, pertumbuhan ekonomi sektor Perkhidmatan pada tahun 2024 adalah 5.5 peratus (2023: 5.0%) seperti pada **Carta 2.4**. Seterusnya, sektor Pembinaan pula mencatatkan peningkatan dua digit kepada 21.1 peratus berbanding penyusutan 9.0 peratus pada tahun sebelum. Sektor Pembuatan dan Perlombongan & pengkuarian turut menunjukkan peningkatan masing-masing sebanyak 4.3 peratus (2023: 1.8%) dan 2.9 peratus (2023: 4.2%).


Carta 2.2 : Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK W.P. Kuala Lumpur, 2015-2024



Carta 2.3 : Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, W.P. Kuala Lumpur, 2024



Carta 2.4 : Kadar pertumbuhan nilai ditambah mengikut sektor, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024





PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PEMBINAAN

W.P. Kuala Lumpur kekal sebagai negeri kedua terbesar yang menyumbang kepada sektor Pembinaan di Malaysia pada tahun 2024 dengan sumbangan sebanyak 20.2 peratus. Nilai ditambah yang dicatatkan oleh sektor ini berjumlah RM13.5 bilion pada tahun 2024, meningkat berbanding RM11.1 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Sektor Pembinaan menyumbang 5.1 peratus kepada KDNK wilayah ini.

Prestasi pertumbuhan sektor Pembinaan di W.P. Kuala Lumpur adalah memberangsangkan dengan peningkatan dua digit iaitu 21.1 peratus pada tahun 2024 berbanding penyusutan 9.0 peratus pada tahun sebelum, seperti pada **Paparan 2.1**. Pertumbuhan positif ini dipengaruhi oleh peningkatan dalam Kejuruteraan awam dan Aktiviti pertukangan khas, masing-masing 46.9 peratus dan 21.5 peratus. Sementara itu, subsektor Pembinaan bangunan turut meningkat sebanyak 8.2 peratus.


RM13.5 bilion
 Nilai ditambah
 sektor Pembinaan
 W.P. Kuala Lumpur
 pada tahun 2024

Projek utama:

Antara projek pembinaan utama yang dijalankan di W.P. Kuala Lumpur adalah:

- Project Mass Rapid Transit Lembah Kelang, Jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya;
- Membekal, Memasang, Menguji dan Memulatugas Perkakas suis untuk Projek Distribution Network TNB;
- Peningkatan Dan Pelebaran Jalan Di Jalan Yew Dan Sungai Besi;
- *Construction Of Jalan Belfied Tunnel, KL Pengurusan Fasiliti Istana Negara, Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur;*
- Projek penyediaan Dan Penyelenggaraan Point of Presence (Pop) Fasa 2: Hab infrastruktur Gentian Optik Berhampiran Dengan Sekolah, Kawasan perindustrian, Premis Kerajaan, Dan Komuniti Sekitarnya oleh KKMM; dan
- *Planning, Engineering Services, Supply, Installations, Testing & Commisioning Of Ami Telecommunications Network Infrastructure to Cater 1.5 Million Meters Capacity in Kuala Lumpur, Selangor And Putrajaya.*

Paparan 2.1: Kadar pertumbuhan sektor Pembinaan, W.P. Kuala Lumpur, 2024



subsektor ini dipengaruhi oleh segmen peralatan elektrik dan komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi & elektronik pengguna yang masing-masing merosot 5.1 peratus dan 3.7 peratus.

Walau bagaimanapun, penyusutan tersebut diimbangi oleh pertumbuhan yang memberangsangkan bagi Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka dengan pertumbuhan 11.2 peratus, Produk kayu, perabot, produk kertas & percetakan (10.5%) dan Produk minyak & lemak daripada sayuran & haiwan, prosesan makanan, minuman & produk tembakau (7.6%).

SEKTOR PEMBUATAN

Sektor Pembuatan W.P. Kuala Lumpur merekodkan nilai ditambah bernilai RM6.7 bilion pada tahun 2024, meningkat RM0.3 bilion berbanding RM6.4 bilion pada tahun 2023. Dari segi perbandingan tahun ke tahun, peningkatan yang dicatatkan adalah sebanyak 4.3 peratus (2023: 1.8%), mengatasi pertumbuhan nasional 4.2 peratus. Sektor ini merupakan penyumbang ketiga tertinggi kepada KDNK W.P. Kuala Lumpur selepas sektor Perkhidmatan dan Pembinaan, menyumbang 2.5 peratus.

Produk elektrik, elektronik & optikal merupakan penyumbang terbesar kepada sektor Pembuatan di W.P. Kuala Lumpur dengan sumbangan 22.1 peratus (Carta 2.5). Ia merekodkan nilai ditambah berjumlah RM1.5 bilion, menyusut 3.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 0.8%). Prestasi

Bagi aspek pelaburan, W.P. Kuala Lumpur menerima nilai pelaburan berjumlah RM341.8 juta bagi sektor Pembuatan yang merangkumi RM301.5 juta pelaburan domestik dan RM40.3 juta pelaburan asing.

RM6.7 bilion
 Nilai ditambah
 sektor Pembuatan
 W.P. Kuala Lumpur
 pada tahun 2024



SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor Perkhidmatan di W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2024 menunjukkan perkembangan yang stabil dan terus menjadi antara penyumbang utama kepada struktur ekonomi wilayah ini seterusnya mencerminkan kepentingannya dalam ekonomi. Pertumbuhan sektor perkhidmatan di negeri ini kekal positif, disokong oleh peningkatan aktiviti perniagaan dan penggunaan domestik. Pada tahun 2024, sektor Perkhidmatan di W.P. Kuala Lumpur merekodkan nilai ditambah RM244.2 bilion berbanding RM231.4 bilion pada tahun 2023, dengan peningkatan sebanyak RM12.8 bilion. Ia kekal mendominasi ekonomi W.P. Kuala Lumpur dengan sumbangan sebanyak 91.9 peratus kepada KDNK keseluruhan. Sektor ini berkembang 5.5 peratus pada tahun 2024 didorong oleh pertumbuhan subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman serta penginapan sebanyak 4.8 peratus dan subsektor kewangan & insurans, hartanah serta perkhidmatan perniagaan iaitu 6.2 peratus. Prestasi mengikut subsektor ditunjukkan pada **Jadual 2.3**.

Paparan 2.2 : Kadar pertumbuhan subsektor Perkhidmatan, W.P. Kuala Lumpur, 2024



91.9%
W.P. Kuala Lumpur menyumbang kepada sektor Perkhidmatan Malaysia pada tahun 2024



Perdagangan borong dan runcit

Pertumbuhan lebih baik sektor Perkhidmatan W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2024 disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit yang menyumbang 41.7 peratus kepada sektor Perkhidmatan wilayah ini. Prestasi ekonomi subsektor ini bertumbuh 4.8 peratus (2023: 7.0%) disokong oleh segmen borong.

Segmen borong mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus berbanding 5.6 peratus yang direkodkan pada 2023. Prestasi positif ini disokong oleh aktiviti lain-lain pengkhususan jual

borong dan aktiviti jual borong barangan isi rumah. Sumbangan segmen borong kepada subsektor perdagangan borong & runcit di W.P. Kuala Lumpur adalah 45.0 peratus (**Carta 2.5**).

Sementara itu, segmen runcit turut bertumbuh kepada 4.0 peratus pada tahun 2024 (2023: 7.2%) disokong oleh peningkatan dalam aktiviti jualan runcit di stor bukan pengkhususan dan aktiviti jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan. Sumbangan segmen runcit kepada subsektor perdagangan borong & runcit di W.P. Kuala Lumpur adalah 45.4 peratus.

Seterusnya, prestasi segmen kenderaan bermotor bertumbuh 4.4 peratus (2023: 9.8%) disumbangkan oleh aktiviti jualan kenderaan bermotor dan aktiviti jualan komponen alat ganti & aksesori.

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi menyumbang 9.3 peratus kepada sektor Perkhidmatan di W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2024. Subsektor ini merekodkan pertumbuhan 4.5 peratus berbanding 3.6 peratus pada tahun sebelumnya dengan nilai ditambah berjumlah RM22.6 bilion. Pertumbuhan prestasi ini didorong oleh segmen perkhidmatan telekomunikasi.

Segmen perkhidmatan telekomunikasi mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.2 peratus didorong oleh permintaan dalam aktiviti telekomunikasi tanpa wayar. Aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan penggunaan platform media sosial seperti WhatsApp, X, Telegram, Youtube dan TikTok turut mendorong kepada permintaan perkhidmatan ini.



Selain itu, antara aktiviti lain yang turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan subsektor ini ialah aktiviti perkhidmatan komputer & maklumat dan aktiviti penerbitan & penyiaran dengan masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.7 peratus dan 4.4 peratus.

Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang sebanyak 2.5 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan W.P. Kuala Lumpur. Aktiviti pengangkutan darat merupakan penyumbang utama dengan sumbangan 52.3 peratus, diikuti pengangkutan lain (20.1%), operasi lebuhraya (20.0%), perkhidmatan pos & kurier (5.9%), pengangkutan udara (1.5%) dan pelabuhan & operasi penerbangan (0.2%).

Pada tahun 2024, subsektor ini mengekalkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu 13.5 peratus (2023: 14.2%). Pertumbuhan ini didorong oleh aktiviti pengangkutan darat yang mengukuh 11.7 peratus diikuti operasi lebuhraya, 21.8 peratus serta pengangkutan lain, 13.3 peratus.

Hartanah

Subsektor hartanah di W.P. Kuala Lumpur melonjak 20.6 peratus berbanding pertumbuhan negatif 1.5 peratus pada tahun 2023 dengan merekodkan nilai ekonomi RM7.7 bilion. Pertumbuhan ini dipacu oleh aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan terutama dalam pembelian, penjualan, penyewaan & pengendalian hartanah kediaman dan bukan kediaman. Aktiviti-aktiviti ini menyumbang sebanyak 78.2 peratus kepada keseluruhan subsektor hartanah di W.P. Kuala Lumpur.

Menurut Laporan Pasaran Harta Wilayah Tengah 2024, pasaran harta tanah W.P. Kuala Lumpur merekodkan pertumbuhan kukuh 69.6 peratus berbanding penyusutan 2.7 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh subsektor komersial yang merekodkan nilai transaksi berjumlah RM22.0 bilion, melonjak 172.4 peratus (2023: -5.0%). Selain itu, subsektor kediaman turut memulih kepada 5.8 peratus berbanding pertumbuhan negatif 3.4 peratus pada tahun 2023 dengan nilai transaksi RM12.0 bilion.

“
172.4%
 Nilai transaksi harta tanah komersial melonjak pada tahun 2024
 Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
 ”



Penginapan dan makanan & minuman

Subsektor penginapan di W.P. Kuala Lumpur merekodkan pertumbuhan 14.6 peratus pada tahun 2024 (2023: 28.6%). Survei Pelancongan Domestik 2024 melaporkan W.P. Kuala Lumpur berada pada tangga kedua menerima bilangan pelawat domestik tertinggi iaitu seramai 27.0 juta orang meningkat 21.4 peratus berbanding 31.5 peratus pada tahun sebelumnya. W.P. Kuala Lumpur juga menduduki kedudukan ke-31 antara bandar terbaik dunia berdasarkan Indeks 100 Destinasi Bandar Terbaik dikeluarkan *Euromonitor International* (EI).

Subsektor makanan dan minuman pula mencatatkan peningkatan 4.1 peratus (2023: 2.5%). Kedua-dua subsektor ini menyumbang sebanyak 4.0 peratus kepada sektor Perkhidmatan di wilayah ini.



Perkhidmatan perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan mencatatkan pertumbuhan 10.5 peratus pada tahun 2024, (2023: 8.5%) dipacu oleh peningkatan dalam perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal serta pentadbiran dan khidmat sokongan.

Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal kekal mendominasi subsektor ini dengan sumbangan 80.7 peratus. Pada tahun 2024, perkhidmatan ini meningkat kukuh 11.0 peratus berbanding tahun sebelumnya, didorong oleh perkhidmatan arkitek dan kejuruteraan, aktiviti

guaman serta perakaunan. Aktiviti lain yang turut memberi impak kepada peningkatan segmen ini ialah aktiviti ibu pejabat serta perkhidmatan professional, saintifik dan teknikal lain.

Pada tempoh sama, perkhidmatan pentadbiran dan khidmat sokongan menyumbang sebanyak 19.3 peratus dan merekodkan peningkatan 8.6 peratus (2023: 7.6%), dipengaruhi oleh aktiviti agensi pengembaraan dan keselamatan persendirian.

Perkhidmatan pendidikan swasta

Subsektor Perkhidmatan pendidikan swasta mencatatkan pertumbuhan 9.1 peratus (2023: 7.9%) didorong oleh aktiviti pendidikan tinggi. Subsektor ini menyumbang 1.2 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2024.

Aktiviti pendidikan tinggi merupakan penyumbang utama subsektor ini iaitu sebanyak 60.4 peratus. Seterusnya, diikuti oleh pendidikan lain (24.7%), pendidikan menengah (9.1%) dan pendidikan pra-sekolah & pendidikan rendah (5.8%).

Perkhidmatan kesihatan swasta

Subsektor Perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang sebanyak 1.3 peratus kepada sektor Perkhidmatan di W.P. Kuala Lumpur. Subsektor ini mencatatkan pertumbuhan 11.4 peratus berbanding 11.8 peratus pada tahun 2023.

Aktiviti hospital dan rumah bersalin serta aktiviti amalan perubatan dan pergigian merupakan penyumbang utama subsektor ini iaitu masing-masing sebanyak 49.2 peratus dan

37.7 peratus. Aktiviti hospital dan rumah bersalin merekodkan pertumbuhan 9.9 peratus, manakala aktiviti amalan perubatan dan pergigian berkembang 15.8 peratus pada tahun 2024.

Perkhidmatan kerajaan

Perkhidmatan kerajaan dikategorikan sebagai pengeluar bukan pasaran. Nilai ditambah bagi perkhidmatan ini merangkumi pampasan kepada pekerja, peruntukan pencen untuk tenaga kerja semasa serta penggunaan modal tetap.


Nilai ditambah subsektor perkhidmatan kerajaan di negeri W.P. Kuala Lumpur berjumlah RM33.8 bilion, kenaikan RM1.7 bilion berbanding RM32.1 bilion pada tahun 2023 dengan sumbangan terhadap sektor perkhidmatan negeri sebanyak 13.8 peratus. Dari segi perbandingan tahun ke tahun, pertumbuhan yang dicatatkan pada 2024 adalah pada kadar 5.3 peratus berbanding 5.6 peratus tahun 2023.

Subsektor ini meliputi empat peringkat kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Penglibatan sektor kerajaan memainkan peranan yang sangat penting dalam pelaksanaan pembangunan setempat seterusnya memberi limpahan manfaat kepada ekonomi negeri.


“
RM33.8 bilion
 Nilai ditambah
perkhidmatan kerajaan
 di W.P. Kuala Lumpur
 pada tahun 2024
 ”

PRESTASI NILAI DITAMBAH MENGIKUT SEKTOR

Carta 2.5 : Peratus sumbangan sektor Pembuatan, W.P. Kuala Lumpur, 2024



Carta 2.6 : Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, W.P. Kuala Lumpur, 2024



JADUAL PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

Jadual 2.3 : Prestasi sektor Perkhidmatan, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024

Subsektor	2023 ^e			2024 ^p		
	Nilai ditambah (RM juta)	Sumbangan (%)	Pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Sumbangan (%)	Pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	27,700	12.0	5.3	29,393	12.0	6.1
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	97,289	42.0	7.0	101,929	41.7	4.8
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	62,798	27.1	1.2	66,684	27.3	6.2
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	11,483	5.0	8.0	12,338	5.1	7.4
Perkhidmatan kerajaan	32,096	13.9	5.6	33,809	13.8	5.3
Jumlah	231,366	100	5.0	244,152	100	5.5

INISIATIF TERPILIH KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2024

SEKTOR ICT & PENDIGITALAN

- RM28 juta disediakan bagi membangunkan platform MYStartup sebagai tingkap tunggal yang menghimpunkan syarikat pemula.
- RM60 juta diperuntukkan bagi membangunkan Rangka Kerja Pengujian Keselamatan Siber 5G serta Keupayaan Tempatan Terhadap Teknologi 5G bagi meningkatkan kesiapstagaan terhadap ancaman serangan siber.
- Pakej P-Hailing RAHMAH bermula 23 Januari sehingga 23 April 2024.
- Pakej Rahmah Prabayar Siswa bermula pada 16 Ogos 2024.

BANTUAN ISI RUMAH

- RM55 juta diperuntukkan bagi rebat bil elektrik sehingga RM40 sebulan untuk isi rumah miskin tegar.
- Elaun sara hidup diberikan kepada nelayan sehingga RM300 sebulan.
- Insentif Hasil Tangkapan Nelayan sehingga RM1,000 sebulan.
- RM225 juta disediakan untuk membiayai kos pengedaran barangan keperluan asas seperti petrol, LPG, tepung, beras dan minyak masak ke kawasan desa serta pedalaman di bawah Program Community Drumming.
- RM939 juta untuk menyediakan bekalan air kepada 5,150 buah rumah dan bekalan elektrik kepada 2,200 buah rumah.
- RM460 juta diperuntukkan bagi menyediakan bantuan kepada kira-kira 65 ribu rakyat susah di desa untuk membina baharu atau membaik pulih rumah yang telah daif.

PENGANGKUTAN AWAM

- RM1160 juta diperuntukkan bagi memperoleh 150 bas elektrik dan membina depoh bas untuk menyokong keperluan projek LRT3.
- Manfaat pas bulanan My50 ditawarkan kepada lebih 180 ribu penduduk Lembah Klang yang menggunakan perkhidmatan bas dan rel PRASARANA.

SEKTOR PEMBINAAN

- RM190 billion diperuntukkan untuk pembangunan sektor pembinaan melibatkan projek seperti sekolah, hospital, klinik, jalan raya dan projek mega.
- Projek mega termasuk LRT Pulau Pinang, Pan Borneo Sabah Fasa 1, MRT3, tebatan banjir, Jalan Link Sabah-Sarawak dan pengangkutan bandar Kuching.
- RM127 billion nilai projek pembinaan ditawarkan dalam lapan bulan pertama 2024, termasuk RM33.5 billion daripada sektor kerajaan.
- RM22 billion kontrak pembinaan ditawarkan pada separuh performa 2024 selari dengan pelaksanaan rasionalisasi subsidi.

SEKTOR PERTANIAN

- RM2.4 billion untuk FELDA, FELCRA dan RISDA bagi tingkatkan agrikomoditi dan sosioekonomi pekebun kecil.
- RM70 juta untuk kemamparan industri sawit dan kempen anti minyak sawit di peringkat global.
- RM3 billion bagi projek rintis penanaman padi lima musim di jelangang terpilih.
- RM400 juta untuk tingkat hasil tanaman dan ternakan termasuk baja bio dan tender terbuka.

TENAGA HIJAU

- Rebat tunai sehingga RM4,000 ditawarkan melalui Program Solar for Rakyat Incentive Scheme (SolarRIS) bagi pemasangan sistem solar PV di kediaman.
- Program Net Energy Metering (NEM) 3.0 diteruskan dengan kuota tambahan 100MW bagi NEM Rakyat dan 300MW bagi NEM NOVA.
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau 2.0 (Green Technology Financing Scheme - GTFS 2.0) menawarkan subsidi kadar faedah 2% selama 7 tahun serta jaminan kerajaan sebanyak 60% bagi komponen hijau.
- Program Skim Pembekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (Corporate Green Power Programme - CRESS) meningkatkan akses syarikat korporat kepada bekalan elektrik hijau melalui grid terbuka.

PELANCONGAN

- RM350 juta diperuntuk bagi promosi pelancongan pulihkan status Malaysia sebagai destinasi utama dunia.
- Visa diliberalisasi & syarat MM2H ditonggar untuk tarik pelancong dari China, India & Timur Tengah.
- Geran GSSP, GSSK & GAMELAN hingga RM1 juta disediakan bagi program pelancongan dan kebudayaan.
- Pinjaman SIP & TKP diteruskan bantu pengusaha pelancongan kembangkan produk & infrastruktur.
- Kempunan MYES & Midnight Sale 2024 dilancarkan tarik pelancong dan galak jualan hujung tahun.

INTENSIF PEMBELIAN KENDERAAN

- Skim galakan penggunaan motosikal elektrik dengan pemberian subsidi secara rebat tunai RM2,400 untuk pembelian motosikal elektrik.
- Pelanjutan selama 4 tahun bagi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 untuk perbelanjaan kemudahan pengecasan EV.



PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)

- RM1.5 billion daripada GLC/GLIC dan RM25 juta i-TEKAD untuk galak syarikat pemula dan PKS Bumiputera dalam bidang pertumbuhan tinggi.
- Dana tambahan RM25 juta diperuntukkan secara geran padanan dengan insitisi kewangan bagi memberi manfaat kepada lebih ramai usahawan di bawah program kewangan sosial i-TEKAD.
- RM44 juta nilai keseluruhan pinjaman dan jaminan pembiayaan untuk manfaat usahawan.
- RM1.4 billion bagi membantu menyediakan modal pembiayaan, pembelian peralatan, premis serta pemasaran.
- RM330 juta diperuntukkan di bawah TEKUN bagi kemudahan pembiayaan kepada peniaga kecil, usahawan Orang Asli serta Bumiputera Sabah dan Sarawak.
- RM100 juta geran pendigitalan dan RM40 juta untuk Program Shop Malaysia Online bagi usahawan mikro.



PERDAGANGAN BORONG RUNCIT

- RM150 juta diperuntukkan untuk membina 4,000 unit ruang niaga baharu yang seragam, selesa dan selamat di kawasan PBT.
- RM110 juta diperuntukkan bagi baik pulih dan naik taraf pusat penjaja serta prasarana pasar awam di 150 kawasan PBT.
- Inisiatif MyKiosk oleh KPKI menepati RM100 juta untuk membina 4,000 unit kiosk baharu bagi penjaja kecil di lokasi tumpuan.
- Program Payung Rahmah differuskan dan diperluas dengan peruntukan RM200 juta untuk menyediakan barangan keperluan pada harga berpatutan.



KEWANGAN DAN INSURANS

- Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat (SIKR) diperkenal secara percuma untuk melindungi 300,000 keluarga miskin.
- Manfaat SARA diperluas kepada 700,000 penerima STR dengan bayaran RM100 sebulan selama 12 bulan.
- Insurans hayat mampu milik disediakan untuk 100,000 rakyat, khususnya bella dan keluarga.



HARTANAH

- Pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah pertama bernilai sehingga RM500,000 oleh warganegara Malaysia dikecualikan sehingga 31 Disember 2025.
- Mengantikan duti setem dengan kadar rata 4% ke atas transaksi dokumen pembelian tanah oleh bukan warganegara dan syarikat milik asing, kecuali individu berstatus pemastautin tetap di Malaysia
- Menyediakan jaminan sehingga RM10 billion di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) yang akan memberi manfaat kepada 40,000 pemijam.

Sumber: Laman Khas Belanjaan, <https://belanjaan.mof.gov.my/ms/bajet2024>, Teks Ucapan Portal Rasmi Pejabat Perdana Menteri, <https://www.pmo.gov.my/ms/ucapan-terkini/>

INISIATIF TERPILIH KERAJAAN NEGERI, 2024

JOHOR

- Penubuhan Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ) dan Special Financial Zone (SFZ).
- RM3 juta bagi pengalangan The Green Legacy Johor.
- International Summit.
- RM900 ribu bagi pemasaran dan promosi Majestic Johor.
- Program pembangunan industri ayam seperti Reban Ayam Tertutup dengan peruntukan sebanyak RM12.4 juta.
- RM2 juta diperuntukkan untuk melaksanakan Geran Usahawan Maju Johor atau GUMJ 2024.

KEDAH

- Projek rintis penanaman padi 5 musim 2 tahun di Kota Sarang Semut.
- Penganjuran program pelancongan sempena Tahun Melawat Kedah 2025 dengan peruntukan sebanyak RM3 juta.
- RM1.0 juta disediakan untuk Program Pembangunan Usahawan Muda Kedah.
- RM25.8 juta diperuntukkan bagi Bantuan kepada golongan yang memerlukan.
- RM4.23 juta diperuntukkan bagi Program Beras Sejahtera.

KELANTAN

- RM59.57 juta untuk membantu rakyat miskin.
- RM235.40 juta bagi infrastruktur dan kemudahan awam.
- RM11.69 juta bagi pertanian dan ketenteraman makanan.
- RM5.54 juta bagi program petani dan nelayan.
- RM4.45 juta bagi program galakan pertanian dan penternakan, pendidikan pertanian dan bantuan baja.
- RM23.2 juta bagi sektor pelancongan.

MELAKA

- RM42.6 juta diperuntukkan bagi Kawasan Perindustrian Elkay 2.0.
- Straits of Melaka Waterfront Economic Zone (SM-WEZ).
- Projek Pengeluaran Benih Padi Sah di Mukim Melimau dengan peruntukan sebanyak RM300 ribu.
- Bantuan MESRA Am Kebajikan dengan peruntukan sebanyak RM11.6 juta.
- Program Mula Niaga dengan peruntukan sebanyak RM200 ribu.
- Program Belia Progresif dengan implikasi kewangan berjumlah RM500 ribu.

NEGERI SEMBILAN

- Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) Perintis dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu.
- NS Choice dengan peruntukan RM1.0 juta.
- RM5.0 juta disediakan untuk Program Rumah Harapan Rakyat.
- RM5.8 juta diperuntukkan bagi memperkasa produk-produk ekopelancongan seperti Hutan Rekreasi Ulu Bendul, Gunung Angsi, Hutan Lipur Kenaboi dan PD Forest.
- Skim Sejahtera Rakyat (SSR) dengan peruntukan sebanyak RM29.75 juta.

PAHANG

- Tabung Prihatin Pahang dengan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi membantu rakyat khususnya ketika berhadapan sebarang kes kecemasan.
- Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) kepada warga emas serta Orang Kurang Upaya (OKU) dengan peruntukan sebanyak RM2.06 juta.
- RM7.55 juta diperuntukkan bagi sektor pembangunan usahawan.
- RM66.53 juta diperuntukkan bagi sektor pelancongan.

PULAU PINANG

- 'Penang Strategy for Economic Ecosystem Development' atau 'Penang SEED' dengan dana permulaan Penang 14.0 Seed Fund antara RM50,000 sehingga RM250,000 untuk setiap projek.
- Projek Creative Digital District, ESG Incubation Hub, SME100 Digital Champion, Founder's Grif Seed Programme.
- RM4.6 juta diperuntukkan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan pengeluaran ternakan demi membangunkan sektor agromakanan.

PERAK

- RM24.0 juta diperuntukkan bagi program Kad Perak Sejahtera bagi pembelian barangan keperluan asas keluarga.
- Program Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan dana RM1.0 juta.
- Program Bantuan Kotak Makanan yang menyasarkan bantuan kepada golongan B40, miskin, miskin tegar dan mangsa bencana dengan peruntukan sebanyak RM5.0 juta.
- RM1.2 juta untuk pelbagai Program Pelancongan dan Kebudayaan.

PERLIS

- Peruntukan RM7.84 juta bagi pemberian bantuan kebajikan.
- RM6.65 juta diperuntukkan bagi Kadar Bantuan Am.
- RM3.36 juta diperuntukkan bagi pembangunan industri padi, industri sayuran dan tanaman ladang, industri buah-buahan, industri kelapa secara mapan serta tanaman industri dan herba.
- Peruntukan RM450 ribu bagi menaik taraf kemudahan dan merancang lagi sektor agro-pelancongan.

SELANGOR

- Selangor Centre for Artificial Intelligence dengan peruntukan RM1 juta.
- Selangor Jobs and Skills Council dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.
- Selangor International Business Summit (SIBS) dengan peruntukan sebanyak RM20 juta.
- Bantuan Baucar Jam Shopping turut diferaskan dengan peruntukan RM8.24 juta.

TRENGGANU

- Penggunaan Terengganu Pay sebagai gerbang bayaran rasmi Kerajaan Negeri.
- Pelan Induk Teknologi Hijau (PIIH) dirangka sebagai pelan untuk mempelbagaikan sumber hasil baru.
- Penganjuran program memperkasakan industri pelancongan seperti Kenyir Geopark Trails dan 4x4 Challenge.
- Program galakan dan pemerikasan usahawan industri tani seperti program CSR Tani, CSR Ternakan dan CSR Perikanan.

SABAH

- Penubuhan semula Lembaga Padi Dan Beras Sabah dengan peruntukan sebanyak RM1.82 juta.
- RM15.99 juta diperuntukkan bagi penerokaan Ekonomi Biru berkonsepkan penerokaan sumber laut yang menekankan pengurusan marin dan pantai secara lestari yang bertujuan untuk pembangunan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.
- Program Bantuan SME-UP dengan peruntukan sebanyak RM15 juta.

SARAWAK

- RM5 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan bas pintar untuk Bandar Miri bagi menyediakan perhubungan yang lebih baik dan meningkatkan mobiliti untuk rakyat.
- Skim Kredit Mikro Sarawak dan Skim Pinjaman Industri Kecil dan Sederhana (SPIKS) dengan peruntukan sebanyak RM6 juta.
- RM4.5 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan Go Digital Programme untuk menggalakkan PKS untuk meneruskan perusahaannya secara digital.

W.P. KL

- RM55.9 juta diperuntukkan untuk Program Low Carbon sebagai inisiatif mengurangkan intensiti pelepasan karbon.
- RM26.5 juta diperuntukkan bagi Program Pengurusan Penjaja.
- RM46 juta diperuntukkan bagi pengurusan perkhidmatan bas GO KL yang akan diperluaskan lagi jaringan laluan dan bilangan bas.
- RM5.6 juta diperuntukkan untuk aktiviti penggalakan pelancongan di Kuala Lumpur sempena kempen Tahun Melawat Malaysia tahun 2026.

W.P. LABUAN

- Memantapkan semula kedudukan Labuan sebagai hab pemungahan, memantapkan rangkaian Kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMB-EAGA).
- Kompleks Hab Hatil dengan peruntukan sebanyak RM86 juta sebagai zon komersial bebas, mencipta peluang untuk peneilaian baharu dan menggalakkan aktiviti pemungahan.

Sumber: Belanjaan Kerajaan Negeri Tahun 2024, Jabatan Kewangan Negeri, Portal Rasmi Perbendaharaan Negeri, Jabatan Perbendaharaan Negeri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

INDEKS HARGA PENGGUNA



Seiring dengan inflasi di kebanyakan negara ASEAN serantau, inflasi di Malaysia pada tahun 2024 merekodkan peningkatan perlahan, dua tahun berturut-turut, 1.8 peratus (2023: 2.5%). Peningkatan ini adalah lebih rendah berbanding unjuran Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan (MOF) dengan masing-masing mengunjurkan inflasi antara 2.0 hingga 3.5 peratus dan 2.1 hingga 3.6 peratus. Di samping pengukuhan mata wang Ringgit dan penyusutan harga komoditi dunia, inisiatif kerajaan dalam mengawal harga barang dan perkhidmatan serta pemberian subsidi bagi barangan tertentu, sedikit sebanyak mengekang inflasi Malaysia daripada terus meningkat lebih tinggi.

Walaupun inflasi keseluruhan menyederhana pada tahun 2024, kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain merekodkan peningkatan ketara berikutan kenaikan caj perkhidmatan pembetulan oleh Indah Water Konsortium (IWK) pada Januari 2024 bagi mengimbangi kenaikan kos operasi. Kenaikan kumpulan ini turut didorong oleh pelarasan tarif perkhidmatan bekalan air oleh kerajaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang melibatkan kenaikan purata sebanyak 22 sen bagi setiap meter padu bagi kategori pengguna domestik di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan bermula

1.4%
Inflasi
W.P. Kuala Lumpur
meningkat
pada tahun 2024

1 Februari 2024. Pelarasan tarif air bagi kategori domestik ini adalah untuk memastikan kemampuan perkhidmatan air dalam jangka masa panjang sekali gus memberi impak kepada kualiti perkhidmatan bekalan air yang dinikmati oleh rakyat.

Kesemua kumpulan mencatatkan peningkatan pada tahun 2024 kecuali Maklumat & Komunikasi (-1.5%) dan Pakaian & Kasut (-0.3%). Peningkatan lebih rendah bagi inflasi Malaysia didorong oleh kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.1%); Makanan & Minuman (2.0%); Kesihatan (1.8%); Pendidikan (1.5%); Pengangkutan (1.0%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.7%). Manakala, kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.0%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, (3.0%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, (1.8%); Minuman Alkohol & Tembakau, (0.7%) dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (0.3%) mencatatkan peningkatan lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Kerajaan telah melaksanakan penyasaran subsidi Diesel bermula 10 Jun 2024 bagi mengawal ketirisan subsidi Diesel yang kian berleluasa. Langkah ini menetapkan harga runcit Diesel di stesen minyak di Semenanjung Malaysia berada pada julat antara RM2.95 seliter hingga RM3.35 seliter berbanding RM2.15 seliter sebelum ini. Manakala, pelaksanaan penyasaran subsidi Diesel ini tidak termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan harga runcit Diesel bagi ketiga-tiga negeri ini kekal RM2.15 seliter pada 2024.

Inflasi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur meningkat perlahan kepada 1.4 peratus berbanding 2.1 peratus pada tahun 2023 dengan mata indeks mencatatkan 133.0 (2023: 131.2). Secara keseluruhannya, peningkatan inflasi ini disumbangkan oleh kumpulan Kesihatan (3.9%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.5%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (2.9%); Insurans & Perkhidmatan Kewangan (2.6%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (2.4%); Minuman Alkohol & Tembakau (2.2%) dan Makanan & Minuman (1.4%) (**Jadual 2.6**).

Inflasi Makanan & Minuman meningkat perlahan kepada 1.4 peratus berbanding tahun 2023 (4.1%). Kesemua subkumpulan menunjukkan peningkatan di antara 0.5 peratus hingga 1.4 peratus, kecuali bagi subkumpulan Buah-buahan & kacang dan Ikan & makanan laut lain masing-masing mencatatkan penurunan kepada negatif 3.0 peratus dan negatif 2.5 peratus. Subkumpulan Minyak

& lemak merupakan penyumbang utama kepada kenaikan inflasi dengan peningkatan 1.4 peratus. Ini diikuti oleh Bijirin & produk bijirin (1.2%); Makanan sedia dimakan & produk makanan lain tidak terkelas di tempat lain (1.2%); Susu, produk tenusu lain & telur (0.6%) dan Sayur-sayuran (0.6%) (**Jadual 2.7**).


1.4%
Inflasi Makanan & Minuman meningkat perlahan pada tahun 2024

Jadual 2.4 : Purata harga item terpilih, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024

Item Terpilih	Unit	Purata Harga (RM)	
		2023	2024
Bayam, Hijau	1kg	5.41	5.85
Bawang Besar, India	1kg	3.08	4.82
Pisang Berangan	1kg	6.68	6.70
Telur Ayam Gred A	10 biji	4.57	4.38
Telur Ayam Gred B	10 biji	4.36	4.14
Telur Ayam Gred C	10 biji	4.08	3.98
Ikan Kembung	1 kg	19.53	19.76
Ikan Selayang	1 kg	15.14	14.68
Ayam Proses Standard	1 kg	9.58	9.27
Cili Merah Kulai	1 kg	14.49	15.18

CARTA INDEKS HARGA PENGGUNA

Carta 2.9 : Inflasi tahunan, W.P. Kuala Lumpur, 2011-2024



Jadual 2.5 : Inflasi tahunan mengikut kumpulan utama, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024

Tahun	2023	2024
Makanan & Minuman	4.1	1.4
Minuman Alkohol & Tembakau	1.3	2.2
Pakaian & Kasut	-2.0	-4.0
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	2.4	2.4
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	2.4	-0.1
Kesihatan	-1.3	3.9
Pengangkutan	-0.5	-0.6
Maklumat & Komunikasi	-5.5	-2.5
Rekreasi, Sukan & Kebudayaan	2.6	2.9
Pendidikan	1.9	0.8
Restoran & Perkhidmatan Penginapan	6.9	3.5
Insurans & Perkhidmatan Kewangan	-0.3	2.6
Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	2.5	1.2
Keseluruhan	2.1	1.4

Jadual 2.6 : Inflasi tahunan subkumpulan makanan & minuman, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024

Tahun	2023	2024
Makanan & Minuman	4.1	1.4
Makanan di rumah	3.5	-0.1
Bijirin & produk bijirin	5.3	1.2
Daging	6.8	0.5
Ikan & makanan laut lain	1.3	-2.5
Susu, produk tenusu lain & telur	6.1	0.6
Minyak & lemak	-1.1	1.4
Buah-buahan & kacang	1.4	-3.0
Sayur-sayuran	-1.5	0.6
Gula, manisan & pencuci mulut	4.7	-1.6
Makanan sedia dimakan & produk makanan lain t.t.t.l	5.2	1.2

Rencana 2: Transformasi Ibu Kota: Impak Pembangunan Pesat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur¹

Najihah binti Abdul Jalil dan Siti Zakiah binti Muhamad Isa

1.0 Pendahuluan

Kuala Lumpur telah diangkat menjadi Ibu Negara Persekutuan Tanah Melayu selepas Kemerdekaan pada tahun 1957 dan seterusnya selepas Persekutuan Malaysia pada 1963. Ia dinaik taraf sebagai sebuah bandar raya pada 1 Februari 1972 dan menjadi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974. Dengan lokasinya yang strategik berada di tengah-tengah perjalanan antara Utara, Selatan dan Timur, pastinya ia menjadi pusat rujukan bagi semua aktiviti yang berlaku sama ada dalam ekonomi, sosial dan politik.

Pembangunan pesat yang berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak beberapa dekad kebelakangan ini telah memberi impak besar terhadap landskap fizikal, sosial dan ekonomi ibu kota. Pertumbuhan pesat dalam sektor hartanah, pembangunan infrastruktur moden dan projek perbandaran berketumpatan tinggi telah menjadi pemangkin kepada perubahan drastik dalam landskap bandar Kuala Lumpur. Menurut Laporan Pasaran Harta Tanah 2024 oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan sejumlah 21,707 transaksi hartanah bernilai RM36.3 bilion dengan 82.5 peratus daripadanya melibatkan hartanah berstrata, mencerminkan dominasi pembangunan bertingkat tinggi.

Walau bagaimanapun, perkembangan ini turut menimbulkan pelbagai implikasi terhadap kesejahteraan komuniti setempat, terutamanya apabila wujud peningkatan tempat kediaman yang tidak berpenghuni. Laporan NAPIC turut menunjukkan bahawa sebanyak 11,731 unit kediaman tidak terjual direkodkan pada 2024 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bilangan ini tidak termasuk bilangan unit kediaman yang masih dalam pembinaan dan dijangkakan bilangan unit kediaman tidak berpenghuni ini akan terus meningkat. Isu ini amat ketara dalam pembangunan berstrata dan kawasan elit, yang menjadi simbol ketidakseimbangan antara pertumbuhan pembangunan dengan keperluan sebenar penduduk bandar. Perkara ini bukan sahaja mencerminkan ketidaksesuaian dalam perancangan perumahan, malah turut memberi kesan terhadap struktur sosial bandar, keejiran serta akses kepada perumahan mampu milik dalam kalangan golongan B40 dan M40.

Kajian ini akan melihat impak pembangunan pesat terhadap kehidupan bandar di Kuala Lumpur terutamanya berkenaan isu tempat kediaman tidak diduduki serta cabaran-cabaran utama dalam memastikan pembangunan yang lebih inklusif, mampan dan berpaksikan rakyat.

¹ Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia

2.0 Objektif Kajian

- i. Mengkaji pola pembangunan hartanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan hubungannya dengan kadar kekosongan unit kediaman;
- ii. Menganalisis kesan pembangunan pesat terhadap keseimbangan sosioekonomi penduduk bandar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
- iii. Menilai implikasi pembangunan pesat terhadap landskap sosial dan ekonomi ibu kota.

3.0 Kajian Lepas

Pembangunan pesat di bandar raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak beberapa dekad lalu telah menarik perhatian penyelidik dalam bidang perbandaran, hartanah, dan kesejahteraan komuniti. Laporan Pasaran Harta Tanah oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC, 2024) menunjukkan bahawa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan lebih 21,000 transaksi hartanah dengan nilai melebihi RM36 bilion. Namun begitu, jumlah unit kediaman tidak terjual yang mencecah 11,731 unit pada tahun tersebut menimbulkan persoalan besar terhadap keberkesanan perancangan pembangunan hartanah bandar, khususnya apabila sebahagian besar daripada unit tersebut tertumpu di kawasan berstrata dan elit. Keadaan ini mencerminkan wujudnya ketidakseimbangan antara penawaran hartanah dengan keperluan sebenar penduduk bandar.

Kajian oleh Yusfida Ayu Abdullah et al. (2012) turut mengesahkan bahawa kemampuan memiliki rumah dalam kalangan kumpulan B40 dan M40 semakin merosot, khususnya di Lembah Klang yang berdepan lonjakan harga kediaman. Hal ini menjadi lebih membimbangkan apabila pembangunan bertumpu kepada projek berkonsepkan gaya hidup eksklusif yang tidak inklusif dan gagal memenuhi keperluan asas masyarakat. Seiring dengan itu, laporan oleh Knight Frank Malaysia (2021) menyatakan bahawa pertumbuhan pesat apartmen servis dan kediaman mewah dalam lokasi strategik telah menyumbang kepada lebih tempat kediaman kosong, sekali gus memperlihatkan pola pembangunan hartanah yang lebih berorientasikan pelaburan berbanding keperluan penduduk tempatan.

Dari sudut sosioekonomi pula, Abdul Hamid et al. (2018) menegaskan bahawa pembangunan pesat tanpa perancangan yang berpaksikan rakyat telah mencetuskan tekanan kos sara hidup, peminggiran komuniti berpendapatan rendah dan ketidaksamaan akses kepada perkhidmatan bandar. Fenomena ini mewujudkan apa yang dikenali sebagai *urban divide*, iaitu jurang ketara antara kelompok elit bandar dan golongan berpendapatan rendah. Dalam konteks ini, pembangunan yang terlalu pesat boleh menghakis kestabilan sosial serta menggugat peluang mobiliti ekonomi untuk masyarakat berpendapatan sederhana dan rendah.

Selain itu, aspek kebolehdiaman dan integrasi sosial dalam pembangunan bandar turut menjadi perhatian utama penyelidik seperti Noraini Johari et al. (2016), yang menekankan bahawa tumpuan terhadap pembangunan fizikal semata-mata tanpa penyediaan ruang sosial, persekitaran selamat dan fasiliti mesra komuniti boleh mengurangkan kualiti hidup secara keseluruhan. Sementara itu, kajian oleh Jamilah Mohd Mahyuddin dan Nurul Fadly Habidin

(2020) mengenai fenomena gentrifikasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati bahawa pembangunan berintensiti tinggi sering kali menyebabkan perpindahan komuniti asal, sekaligus menggugat struktur kejranaan tradisi dan perpaduan masyarakat bandar.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terdahulu menekankan kepentingan keseimbangan antara pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial dalam sesebuah bandar raya. Implikasi daripada pertumbuhan pesat tanpa kawalan bukan sahaja menjejaskan pasaran hartanah, malah turut memberi kesan jangka panjang terhadap struktur komuniti, mobiliti sosial dan kemampuan bandar secara menyeluruh.

4.0 Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk memahami impak pembangunan pesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terhadap aspek perumahan, keseimbangan sosioekonomi dan landskap sosial ekonomi bandar. Bagi mencapai objektif tersebut, pendekatan metodologi deskriptif secara kuantitatif.

Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada pelbagai sumber rasmi termasuk Laporan Pasaran Harta Tanah oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Statistik Perumahan dan Pendapatan Isi Rumah serta Laporan Indeks Harga Pengguna yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), laporan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Rancangan Struktur Kuala Lumpur 2040 dan Pelan Tempatan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Kajian ini menggunakan teknik statistik deskriptif untuk mengenal pasti trend perubahan dari segi jumlah stok kediaman, kadar kekosongan dan nilai transaksi hartanah, taburan harga dan komposisi unit kediaman.

Skop geografi kajian ini terhad kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan tempoh masa antara 2018 hingga 2024. Kajian ini turut mengambil kira kekangan seperti ketersediaan data terperinci yang terhad pada peringkat agregat dan limitasi data bagi sesetengah indikator.

5.0 Dapatan Kajian

Kajian ini mengenal pasti tiga dapatan utama yang merangkumi pola pembangunan hartanah dan kadar kekosongan iaitu unit kediaman, kesan pembangunan pesat terhadap keseimbangan sosioekonomi penduduk bandar, serta implikasi pembangunan terhadap landskap sosial dan ekonomi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.1 Gambaran Pasaran Harta Tanah

Carta 2(a) menunjukkan trend bilangan transaksi hartanah kediaman di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tempoh tujuh tahun bermula 2018 hingga 2024. Data ini memperlihatkan pola pertumbuhan yang positif dengan beberapa perubahan ketara sepanjang tempoh tersebut.

Bilangan transaksi menunjukkan berlakunya peningkatan hampir setiap tahun kecuali pada tahun 2020 yang menyaksikan penurunan 4.5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini berkemungkinan besar berpunca daripada kesan langsung pandemik COVID-19, yang memberi impak besar terhadap sektor hartanah. Tahun 2021 menyaksikan pemulihan awal (4.9%), manakala tahun 2022 pula mencatatkan lonjakan tertinggi iaitu kenaikan sebanyak 18.4 peratus. Lonjakan ini mencerminkan keyakinan pasaran yang kembali pulih serta sokongan dasar kerajaan seperti moratorium dan kadar faedah rendah. Tahun 2023 dan 2024 masing-masing menunjukkan pertumbuhan sederhana iaitu sebanyak 4.3 peratus dan 0.2 peratus, menandakan penstabilan pasaran selepas pemulihan pasca-pandemik.


**Carta 2(a): Jumlah Transaksi Hartanah Unit Kediaman
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2018-2024**



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Merujuk kepada **Carta 2(b)**, segmen harga antara RM200,001 hingga RM500,000 merupakan julat yang paling aktif dalam pasaran kediaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tempoh 2019 hingga 2024. Julat ini menunjukkan tumpuan utama terhadap sebahagian golongan berpendapatan pertengahan. Dalam masa yang sama, unit kediaman berharga melebihi RM1 juta turut mencatat pertumbuhan ketara, mencerminkan peningkatan minat pelaburan dalam hartanah mewah. Sebaliknya, unit dengan harga di bawah RM200,000 mencatat penyertaan yang rendah dan tidak konsisten, sekali gus memberi isyarat bahawa golongan B40 semakin terpinggir daripada akses pemilikan rumah di ibu kota.


Carta 2(b): Jumlah Transaksi Hartanah Mengikut Julat Harga di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2019 – 2024



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Carta 2(c) menunjukkan pertumbuhan tahunan stok unit kediaman sedia ada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berdasarkan jenis kediaman dari tahun 2018 hingga 2024. Data menunjukkan peningkatan konsisten dalam jumlah keseluruhan unit kediaman iaitu daripada 478,258 unit pada tahun 2018 kepada 561,102 unit pada tahun 2024 dengan peningkatan sebanyak 17.3 peratus dalam tempoh tujuh tahun.

Carta 2(c): Bilangan Unit Kediaman Mengikut Jenis Tempat Kediaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2018 - 2024



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Kategori kediaman jenis strata iaitu kondominium, apartment dan flat mendominasi keseluruhan stok dengan peningkatan jumlah kondominium dan apartment daripada 231,570 unit pada 2018 kepada 314,359 unit pada 2024. Ini mencerminkan arah aliran pembangunan berintensiti tinggi, bersesuaian dengan kekangan tanah di kawasan bandar.

Sebaliknya, kategori rumah bertanah seperti rumah teres, semi-D dan banglo kekal statik sepanjang tempoh ini. Rumah teres dua hingga tiga tingkat hanya menunjukkan peningkatan sebanyak 259 unit daripada 66,924 kepada 67,183 unit. Hasil ini menunjukkan bahawa pembangunan baharu lebih tertumpu ke arah pemaksimalan plot melalui projek berstrata.


Jumlah unit kos rendah juga tidak menunjukkan pertambahan ketara. Flat Kos Rendah kekal sebanyak 99,637 unit sejak 2020. Manakala Rumah Kos Rendah kekal dengan bilangan sebanyak 6,172 unit sepanjang tempoh ini. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan tentang keupayaan dan keberkesanan dasar perumahan mampu milik dan dasar semasa dalam menangani keperluan kelompok berpendapatan rendah (B40) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Secara keseluruhannya, trend pembangunan kediaman berstrata yang mendominasi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini menandakan satu peralihan struktur dalam pembangunan bandar iaitu daripada pemilikan bertanah kepada kehidupan bertingkat. Tren ini membentuk landskap fizikal moden serta cabaran baharu dari sudut keseimbangan sosial dan aksesibiliti.

5.2 Peningkatan tempat kediaman tidak terjual dan *Overhang*

Jumlah perancangan pembinaan baharu menunjukkan peningkatan ketara, khususnya pada tahun 2022 sebanyak 26,769 unit dan 21,989 unit kediaman baru dibina pada tahun 2024. Namun begitu, kadar siap bina pada tahun 2023 mencatat penurunan kepada 7,516 unit berbanding 12,374 unit pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan wujudnya kelewatan dalam pembinaan bangunan, walaupun dari segi pelan dan kebenaran perancangan telah diluluskan. Antara punca berlakunya kelewatan pembinaan adalah daripada isu logistik, kewangan atau perubahan strategi pasaran oleh pihak pemaju.

Carta 2(d): Jumlah unit perumahan baharu, mula dibina dan siap dibina, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2018 – 2024



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Jumlah unit kediaman sedia ada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur meningkat secara konsisten dari 478,258 unit pada tahun 2018 kepada 561,102 unit pada tahun 2024. Ini sejajar dengan matlamat transformasi ibu kota sebagai pusat kediaman bandar moden. Namun, peningkatan dalam stok penawaran akan datang dan dirancang perlu dipantau agar tidak mewujudkan lebih penawaran yang tidak dapat diserap oleh pasaran pengguna sebenar.

Jadual 2(a): Aktiviti pembinaan Tempat Kediaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2018 – 2024


Tahun	Unit Kediaman Sedia Ada (unit)	Unit Dalam Penawaran Akan Datang (unit)	Unit Dalam Penawaran Dirancang (Unit)
2018	478,258	37,339	68,389
2019	488,294	46,384	62,665
2020	495,996	53,274	59,798
2021	515,083	43,119	64,117
2022	535,937	41,647	57,674
2023	544,892	48,395	58,465
2024	561,102	53,654	65,437

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Unit siap dibina menunjukkan pertumbuhan positif iaitu meningkat kepada 42.5 peratus berbanding 2023. Unit mula dibina turut mencatatkan peningkatan sebanyak 26.1 peratus, penawaran baharu dirancang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menunjukkan peningkatan kepada 48.0 peratus.

Berdasarkan data pelancaran unit kediaman baharu di **Carta 2(e)**, didapati bahawa jumlah unit yang dilancarkan menunjukkan trend peningkatan, terutama pada tahun 2022 dan 2024. Walau bagaimanapun, kadar jualan tidak menunjukkan peningkatan seiring. Sebagai contoh, pada tahun 2022, kadar jualan mencapai 47.2 peratus, namun merosot kepada 28.7 peratus pada tahun berikutnya dan kembali meningkat kepada 37.3 peratus pada 2024. Ini mencerminkan wujudnya jurang antara penawaran dan permintaan sebenar pembeli rumah, terutamanya dalam kategori harga tertentu.


Carta 2(e): Bilangan Unit Kediaman Baharu yang dilancarkan dan jualan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2018 – 2024



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Analisis terhadap status pasaran hartanah kediaman di **Carta 2(f)** menunjukkan kehadiran signifikan unit yang tidak terjual dan unit *overhang*. Unit tidak terjual sebelum pembinaan kekal tinggi sejak 2018, manakala bagi unit *overhang* pada tahun 2024 mencecah lebih 4,200 unit dan sekaligus mencatatkan jumlah kediaman yang tertinggi tidak terjual di Malaysia. Ini menggambarkan ketidakpadanan antara pembangunan hartanah dan keperluan pasaran sebenar, serta peningkatan unit kediaman tidak berpenghuni di ibu kota.

Carta 2(f): Status Pasaran Kediaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2018 - 2024



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia untuk tempoh 1980 sehingga 2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) seperti di jadual 2, kadar kekosongan tempat kediaman di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menunjukkan trend peningkatan dalam tempoh empat dekad yang lalu. Pada tahun 1980, kadar kekosongan direkodkan serendah 6.9 peratus, mencerminkan keseimbangan antara bilangan tempat kediaman dan isi rumah ketika itu. Namun, menjelang tahun 2000, kadar kekosongan melonjak kepada 15.9 peratus, sekali gus menunjukkan pertambahan unit kediaman yang tidak dihuni.

Meskipun berlaku sedikit penurunan sebanyak 12.8 peratus pada tahun 2010, kadar ini kembali meningkat kepada 14.6 peratus pada tahun 2020. Jumlah tempat kediaman juga menunjukkan peningkatan mendadak iaitu daripada 169,776 unit pada tahun 1980 kepada 634,639 unit pada tahun 2020. Dalam tempoh yang sama, pertambahan bilangan isi rumah tidak berkembang pada kadar yang sama, mewujudkan jurang yang ketara antara penawaran dan permintaan.

Trend ini menimbulkan persoalan penting mengenai kesesuaian perancangan perumahan dengan keperluan sebenar penduduk bandar, serta keberkesanan dasar sedia ada dalam memastikan unit kediaman yang dibangunkan benar-benar dapat dimiliki atau didiami.

Jadual 2(b): Bilangan Tempat Kediaman, Isi Rumah dan Kadar Kekosongan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1980 – 2020


Tahun	Bilangan Tempat Kediaman	Bilangan Isi Rumah	Kadar Kekosongan (%)
1980	169,776	188,969	6.9
1991	264,585	244,267	12.7
2000	354,731	308,006	15.9
2010	468,325	419,187	12.8
2020	634,639	573,539	14.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

5.3 Implikasi Pembangunan Pesat dalam Aspek Sosial

Pola pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini turut menghasilkan jurang penempatan antara golongan berpendapatan tinggi dan rendah. Unit kediaman mewah dan eksklusif telah banyak dibina dan tertumpu di pusat bandar dan kawasan elit, manakala flat kos rendah tertumpu di pinggiran bandar. Hasilnya, wujud sempadan di antara kelas ekonomi yang bukan sahaja dari segi lokasi tetapi juga akses terhadap kemudahan dan kualiti persekitaran.

Carta 2(g): Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (Penyertaan Sosial), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2010 – 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Walaupun pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkembang pesat, data semasa menunjukkan bahawa tahap penyertaan sosial di kalangan penduduk kekal stabil dan positif. Indeks Penyertaan Sosial mencatat skor 130.0 pada tahun 2022 dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 0.6 peratus, menandakan wujudnya keterlibatan komuniti yang berterusan dalam pelbagai aspek sosial. Ini menunjukkan bahawa pembangunan pesat bandar menunjukkan perubahan bentuk interaksi masyarakat disamping mengukuhkan hubungan keijiranan atau komuniti.

Dalam konteks gaya hidup berstrata ini mungkin mengurangkan interaksi tidak formal yang lazim dalam perumahan bertanah. Namun begitu, hubungan komuniti tetap wujud melalui platform baharu seperti penggunaan kemudahan atau fasiliti bersama serta penggunaan saluran digital. Ini mencerminkan keperluan untuk pendekatan baharu dalam memperkukuh lagi hubungan sosial, agar nilai komuniti dan hubungan baik dikekalkan.

5.4 Kesesakan lalulintas dan tekanan pengangkutan

Peningkatan jumlah kenderaan dan pembangunan pesat menyebabkan kesesakan lalu lintas semakin meruncing dan tekanan terhadap sistem pengangkutan awam. Menurut *TomTom Traffic Index 2024*, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan purata masa perjalanan 17 minit bagi setiap 10 kilometer dan merupakan antara yang tertinggi di Asia Tenggara. Keadaan ini memburukkan lagi kesesakan di laluan utama seperti Jalan Tun Razak, Jalan Kuching dan Jalan Ampang, khususnya semasa waktu puncak. Pada masa yang sama, sistem pengangkutan awam seperti LRT dan MRT turut menghadapi cabaran kapasiti dan kesesakan. Situasi ini menggambarkan bagaimana kadar pembangunan fizikal tidak diimbangi dengan peningkatan kapasiti mobiliti bandar.

5.5 Tekanan terhadap struktur dan kemudahan awam

Tekanan terhadap kemudahan awam dan infrastruktur turut menjadi isu yang membimbangkan. Laporan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2023 menunjukkan isu infrastruktur seperti kerosakan lif di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 42.3 peratus dari kes keseluruhan. Ini mencerminkan bahawa infrastruktur sedia ada tidak mampu menampung kepadatan penduduk yang meningkat akibat pembangunan bertingkat tinggi, terutamanya di kawasan seperti Kepong, Cheras, dan Setapak.

5.6 Kenaikan kos sara hidup dan inflasi tempatan

Pembangunan pesat juga menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup bandar. Berdasarkan laporan Indeks Harga Pengguna (CPI) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatat peningkatan CPI dalam kategori makanan dan minuman yang lebih tinggi daripada purata nasional. Pada April 2024, CPI makanan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah 2.5 peratus berbanding 2.3 peratus purata nasional. Manakala bagi perumahan, utiliti, gas dan bahan api lain mencatatkan angka yang hampir ketara dengan kadar nasional.

Jadual 2(c): Indeks Harga Pengguna Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, April 2025


Kategori	CPI Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (%)	CPI Malaysia (%)
Makanan & Minuman	2.5	2.3
Perumahan, utiliti, gas & bahan api lain	1.9	2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

5.7 Pengurangan Kawasan hijau dan impak kepada alam sekitar

Purata taburan hujan tahunan di Malaysia adalah sekitar 2,400 milimeter. Namun begitu, data daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menunjukkan bahawa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mencatatkan taburan hujan tahunan melebihi purata kebangsaan bagi tempoh antara tahun 2017 hingga 2020, seperti yang ditunjukkan dalam Carta 8. Trend peningkatan ini dipengaruhi oleh corak angin monsun, termasuk Monsun Barat Daya (Jun hingga September), Monsun Peralihan (April–Mei dan Oktober–November), serta Monsun Timur Laut (November hingga Mac).


Carta 2(h): Taburan Hujan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2017 - 2020



Sumber: Dewan Bandaraya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Kejadian banjir kilat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti di **Carta 2(i)** ini mencerminkan bahawa pembangunan yang tidak terancang dan perubahan corak guna tanah hasil daripada pembangunan setempat yang tinggi serta pesat menyebabkan kurangnya kawasan telap air (KPKT, 2018).

Carta 2(i): Kes Kejadian Banjir Kilat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2011 - 2020



Sumber: Dewan Bandaraya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

6.0 Rumusan

Pembangunan pesat yang berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak dua dekad lalu telah membawa perubahan besar terhadap struktur fizikal, sosial dan ekonomi ibu kota. Lonjakan dalam pembangunan kediaman berstrata dan mewah membuktikan daya tarikan pasaran hartanah bandar. Pembinaan yang berlebihan turut mencetuskan cabaran seperti peningkatan kadar kekosongan, ketidakseimbangan antara penawaran dan permintaan sebenar, serta peminggiran kumpulan berpendapatan rendah daripada pasaran perumahan.

Kajian menunjukkan bahawa peningkatan jumlah unit kediaman tidak berpenghuni dan kadar kekosongan yang tinggi adalah selari dengan lebih penawaran dalam kategori harga tertentu. Jurang antara pembangunan fizikal dan keperluan sosial semakin ketara apabila unit-unit mewah lebih tertumpu di pusat bandar, manakala perumahan mampu milik kekal terhad dan berpusat di pinggir bandar.

Dalam konteks ini, transformasi bandar tidak boleh diukur semata-mata melalui bilangan bangunan atau nilai transaksi, tetapi harus diteliti melalui kesejahteraan komuniti, integrasi sosial dan keberdayaan ekonomi. Perancangan pembangunan di masa hadapan perlu lebih inklusif, berpaksikan rakyat, serta mengambil kira keperluan pelbagai segmen masyarakat agar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur benar-benar menjadi ibu kota yang sejahtera dan mampan untuk semua. Pengurusan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akhirnya perlu kepada mengekalkan kesejahteraan, keharmonian dan kestabilan penduduk dan ekonominya disamping terus meningkatkan pembangunannya pada masa hadapan.

7.0 Rujukan

- Abdul Hamid, H., Mohd Salleh, N. Z., & Ahmad, F. (2018). *Socioeconomic effects of urban development on low-income communities in Kuala Lumpur*. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 45–59.
- Jamilah, M. M., & Nurul Fadly, H. (2020). *Urban Gentrification and Displacement in Kuala Lumpur: A Case Study*. *Journal of Urban Planning and Development*, 146(3), 04020021. [https://doi.org/10.1061/\(ASCE\)UP.1943-5444.0000621](https://doi.org/10.1061/(ASCE)UP.1943-5444.0000621)
- Knight Frank Malaysia. (2021). *Real Estate Highlights H2 2021: Malaysia*. Retrieved from <https://www.knightfrank.com.my>
- NAPIC (Pusat Maklumat Harta Tanah Negara). (2022). *Laporan Pasaran Harta Tanah Suku Pertama 2022*. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia.
- NAPIC (Pusat Maklumat Harta Tanah Negara). (2024). *Laporan Pasaran Harta Tanah 2024*. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia.
- Noraini, J., Abd Latif, I., & Azizah, H. (2016). *Liveability of urban spaces: Impacts of physical and social planning on community well-being in Kuala Lumpur*. *Planning Malaysia Journal*, 14(5), 87–100.
- UN-Habitat. (2015). *Inclusive Cities for All: Urban Equity in the Post-2015 Development Agenda*. United Nations Human Settlements Programme. Diperoleh daripada <https://unhabitat.org>
- Yusfida Ayu, A., Mohd Zin, M., & Ibrahim, M. (2012). *Housing affordability issues for middle-income earners in Klang Valley, Malaysia*. *International Journal of Social, Behavioral, Educational, Economic, Business and Industrial Engineering*, 6(3), 123–128.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2018). *Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2024). *Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (Jilid 2)*. Kuala Lumpur: DBKL.
- PlanMalaysia (n.d.). *Panduan Penilaian Tahap Ketepuan dan Penentuan Intensiti Pembangunan Bandar*. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.

Rencana 3:

Senario Pelancongan di Wilayah Persekutuan Putrajaya – Destinasi Mesti Dilawati (*A Must Visit Destination*)¹

(Hasliza Hashim dan Heirnizah Melati Jamri)

1.0 Pengenalan

Sektor pelancongan kini menjadi salah satu pemacu utama ekonomi, sama ada di peringkat nasional mahupun global. Kepentingannya tidak hanya tertumpu kepada keupayaan menarik pelancong domestik dan antarabangsa, malah turut memberikan impak yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi serta kesejahteraan sosial. Sektor ini berperanan sebagai pemangkin kepada penciptaan peluang pekerjaan baharu yang bukan sahaja melalui industri utama seperti perhotelan, pengangkutan dan perkhidmatan pelancongan, tetapi juga secara tidak langsung melalui penglibatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Sektor ini juga secara tidak langsung turut mendorong kepada penambahbaikan infrastruktur awam yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Selaras dengan Dasar Pelancongan Negara 2020 - 2030, sektor pelancongan bandar telah dikenalpasti sebagai salah satu pemacu strategik yang berpotensi dalam merangsang pembangunan ekonomi setempat.

Wilayah Persekutuan (W.P. Putrajaya), yang dikenali sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, bukan sahaja menampilkan imej sebuah bandar moden yang berasaskan konsep “**Bandar Pintar Dalam Taman**”, tetapi juga menawarkan pelbagai daya tarikan unik seperti seni bina moden berkonsepkan Islam kontemporari, landskap semula jadi yang dirancang secara teratur, serta kemudahan infrastruktur yang canggih dan lengkap. W.P. Putrajaya terus berusaha memperkukuh kedudukannya sebagai destinasi pelancongan pilihan domestik dan antarabangsa.

Menurut laporan Perbadanan Putrajaya, jumlah pelancong, pelawat dan pengunjung acara ke bandar ini menunjukkan peningkatan ketara, daripada kira-kira 4.9 juta orang pada tahun 2022 kepada lebih 13.4 juta orang sehingga Ogos 2024. Peningkatan ini dapat mengukuhkan lagi aspirasi dan merealisasikan sasaran W.P. Putrajaya sebagai “**Destinasi Mesti Dilawati**” (*A Must Visit Destination*) dalam kalangan pelancong.

Selaras dengan Rancangan Struktur Putrajaya 2025, tujuh kluster unik telah dikenal pasti dan dipilih untuk memacu pembangunan sektor pelancongan yang memberi manfaat langsung kepada ekonomi tempatan iaitu:

- i. Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE);
- ii. Sukan dan Rekreasi;
- iii. Persekitaran Semula Jadi;
- iv. Alam Bina Buatan;
- v. Kebudayaan dan Warisan;
- vi. Perubatan dan Kesihatan; dan
- vii. Makanan dan Pusat Membeli-belah.

¹ Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia

Sehubungan itu, kajian ini akan melihat senario pelancongan dan hubung kaitnya terhadap pembangunan ekonomi setempat di W.P. Putrajaya. Tumpuan akan diberikan kepada aspek peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan serta pembangunan infrastruktur, disamping mengenalpasti cabaran dan peluang dalam menjadikan W.P. Putrajaya sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa yang mampan dan berdaya saing.

2.0 Objektif Kajian

- i. Menilai potensi sektor pelancongan W.P. Putrajaya terhadap komuniti setempat; dan
- ii. Mengenalpasti potensi pelancongan Putrajaya melalui perspektif analisis SWOT (kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman).

3.0 Sorotan Literatur

Menurut Mathieson dan Wall (1982), pengembara merujuk kepada pergerakan sementara individu ke destinasi yang berada di luar persekitaran tempat tinggal dan tempat kerja harian mereka. Selaras dengan itu, Pertubuhan Pelancongan Dunia (*World Tourism Organization, WTO*) mentakrifkan pengembara sebagai aktiviti individu yang mengunjungi atau tinggal di destinasi di luar kebiasaan mereka untuk tujuan rekreasi, perniagaan atau lain-lain dengan tempoh penginapan tidak melebihi satu tahun. Sementara itu, Siti Nurhayati dan Mujaldi (2002) turut menjelaskan bahawa pelancongan melibatkan pengunjung sementara yang berada di sesuatu tempat atau negara hanya untuk tempoh satu hari.

Industri pelancongan merupakan salah satu industri yang mendapat perhatian dari sudut ekonomi global kerana pembangunan industri ini dilihat sebagai salah satu faktor kepada sumber pekerjaan baru, pertukaran mata wang asing, cukai tambahan dan peningkatan infrastruktur masyarakat yang akan mempengaruhi industri lain (Cooke, 1982; Loukissas, 1983; Liu dan Var, 1986; McIntosh dan Goeldner 1986; Davis, Allen dan Cosenza, 1988; Allen Long, Perdue, dan Kieselbach, 1988; Lankford dan Howard, 1994).

Pelancongan bandar pusat pentadbiran merujuk kepada aktiviti pelancongan yang tertumpu di bandar yang menjadi lokasi utama pentadbiran kerajaan sesebuah negara. Menurut Hall (2002), bandar pentadbiran sering kali memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai pusat kuasa politik tetapi juga sebagai simbol identiti negara. Bandar seperti Canberra di Australia, Washington D.C. di Amerika Syarikat dan Brasilia di Brazil merupakan contoh klasik di mana fungsi pentadbiran digabungkan dengan perancangan pelancongan dan pembangunan bandar secara strategik. Bandar-bandar ini memperlihatkan bagaimana seni bina institusi kerajaan, ruang awam, taman bandar dan muzium berfungsi sebagai tarikan pelancongan utama yang membawa impak ekonomi langsung kepada kawasan sekitarnya.

Dalam konteks Malaysia, W.P. Putrajaya telah dibangunkan secara terancang sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang berlandaskan konsep bandar pintar dan bandar dalam taman. W.P. Putrajaya bukan sahaja menempatkan pejabat-pejabat kementerian utama dan agensi kerajaan tetapi juga menampilkan reka bentuk landskap bandar yang unik, seni bina Islamik moden dan kemudahan rekreasi yang menjadi tarikan pelancongan tersendiri.

Menurut kajian oleh Musa & Salleh (2018), keunikan W.P. Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan berperanan sebagai "urban showcase" yang mempromosikan imej Malaysia di peringkat antarabangsa. Tambahan pula, inisiatif pelancongan seperti *Festival Light and Motion Putrajaya* (LAMPU), *Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival* (PIIACUF) dan pelbagai acara berprestij peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah menjadikan W.P. Putrajaya destinasi pilihan pelancong domestik dan antarabangsa.

Peranan pusat pentadbiran sebagai destinasi pelancongan turut disokong oleh Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020–2030 yang menekankan kepentingan pelancongan bandar sebagai pemacu pertumbuhan pelancongan domestik. Dalam konteks ini, pembangunan W.P. Putrajaya selari dengan teras dasar yang menggalakkan pelancongan berasaskan warisan, seni bina serta aktiviti berkaitan MICE (Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran). Kajian oleh Norazizan dan rakan-rakan (2022) mendapati bahawa pelancongan berkaitan MICE di W.P. Putrajaya telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat melalui pembukaan hotel, kafe, perkhidmatan logistik serta pewujudan peluang pekerjaan dalam sektor sokongan pelancongan.

4.0 Metadologi Kajian


Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperolehi daripada penerbitan Banci Ekonomi, Survei Pelancongan Domestik W.P. Putrajaya, Rancangan Struktur Putrajaya 2025, Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya dan Tourism Malaysia serta berdasarkan laporan berita dan artikel media berkaitan trend pelancongan di Malaysia dan W.P. Putrajaya.

5.0 Dapatan Kajian

5.1 Potensi Pelancongan W.P. Putrajaya Terhadap Komuniti Setempat

Tourism Malaysia, melalui **Carta 3(a)** menunjukkan prestasi pelancongan Malaysia bagi sektor pelancongan negara. Sektor pelancongan Malaysia telah mencatatkan pemulihan yang memberangsangkan pada tahun 2023 dengan ketibaan seramai 20.14 juta pelancong antarabangsa iaitu peningkatan 100 peratus berbanding tahun sebelumnya. Hasil pelancongan juga melonjak sebanyak 152.6 peratus, mencecah RM71,308.5 juta pada tahun 2023 berbanding RM28,228.3 juta pada tahun 2022.

Carta 3(a): Prestasi Pelancongan Malaysia, tahun 2010 hingga 2023



Sumber: Tourism Malaysia

Walaupun jumlah ketibaan masih belum mencapai paras pra-pandemik iaitu 26.1 juta pelancong pada tahun 2019, pertumbuhan yang dicatat menunjukkan trend pemulihan yang kukuh dengan didorong oleh pembukaan semula sempadan antarabangsa dan pelbagai inisiatif promosi pelancongan oleh kerajaan. Data turut menunjukkan peningkatan dalam purata perbelanjaan per pelancong daripada RM3,541.40 pada tahun 2023 kepada RM4,086.60 pada tahun 2024 (*The Star*, 2025). Ini menunjukkan peningkatan nilai ekonomi yang dijana bagi setiap ketibaan pelancong. Seiring dengan sasaran nasional untuk mencapai 35.6 juta pelancong antarabangsa dan menjana RM147.1 bilion hasil pelancongan menjelang tahun 2026, pencapaian pada tahun 2023 mencerminkan hala tuju pemulihan industri pelancongan negara yang semakin kukuh, mampan dan berdaya tahan.

Statistik Penting Pelancongan Domestik di W.P. Putrajaya melalui penemuan Survei Pelancongan Domestik W.P. Putrajaya (**Jadual 3(a)**) menunjukkan prestasi dan perkembangan pelancongan domestik di Malaysia sepanjang tempoh tujuh tahun dari tahun 2017 hingga 2023, berdasarkan tiga indikator utama iaitu Bilangan Pelawat Domestik, Jumlah Terimaan dan Purata Bilangan Hari Menginap.

Bilangan pelawat domestik mencatatkan trend peningkatan berterusan dari 1.87 juta pelawat pada tahun 2017 kepada 1.95 juta pelawat pada tahun 2019, mencerminkan pertumbuhan stabil sebelum pandemik. Walau bagaimanapun pada tahun 2020, bilangan pelawat menurun secara mendadak kepada hanya 451 ribu pelawat berikutan berlakunya pandemik Covid-19. Penurunan ini berterusan pada tahun 2021 dengan hanya 223 ribu pelawat direkodkan. Trend menunjukkan pemulihan yang positif dengan peningkatan ketara kepada 1.31 juta pelawat pada tahun 2022 dan 1.90 juta pelawat pada tahun 2023 iaitu menghampiri paras sebelum pandemik. Ini menandakan fasa pemulihan yang kukuh dalam pelancongan domestik ke W.P. Putrajaya.

Jumlah terimaan daripada pelancongan domestik turut mengalami corak yang berubah-ubah. Pada tahun 2017, jumlah terimaan adalah sebanyak RM701 juta, meningkat kepada RM1,008 juta pada tahun 2018. Namun demikian, jumlah ini merosot kepada RM849 juta pada 2019 sebelum mencatat penurunan drastik kepada RM142 juta pada 2020 susulan sekatan pergerakan akibat pandemik COVID-19 dan tahun 2021 mencatatkan penurunan lanjut kepada RM68 juta.

Jadual 3(a): Statistik Penting Pelancongan Domestik di W.P. Putrajaya, 2017 hingga 2023

Statistik Penting	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Pelawat Domestik ('000)	1,872	1,892	1,949	451	223	1,306	1,900
Jumlah Terimaan (RM juta)	701	1,008	849	142	68	456	670
Purata Bilangan Hari Menginap	2.27	2.68	3.04	1.98	2.23	2.68	2.08

Sumber: Survei Pelancongan Domestik W.P. Putrajaya 2023

Walau bagaimanapun, jumlah terimaan kembali meningkat kepada RM456 juta pada tahun 2022 dan bertambah kepada RM670 juta pada tahun 2023. Peningkatan ini disokong oleh pelaburan infrastruktur pelancongan dan promosi berterusan pelbagai pihak meliputi kemudahan penginapan, akses pengangkutan dan tarikan seperti Taman Botani, Taman Wetland, Kompleks Sukan Air serta pelbagai program mega.

Purata bilangan hari menginap mencatatkan paras paling tinggi pada tahun 2019, iaitu 3.04 hari. Purata ini menurun kepada 1.98 hari pada tahun 2020, sebelum meningkat kepada 2.23 hari pada tahun 2021 dan 2.68 hari pada tahun 2022. Pada tahun 2023, purata bilangan hari menginap merosot semula kepada 2.08 hari. Faktor ini berkemungkinan besar disebabkan oleh perubahan corak pelancongan domestik, di mana pelancong kini lebih cenderung memilih perjalanan singkat atau lawatan harian berbanding percutian panjang.

Prestasi Ekonomi W.P. Putrajaya Melalui Tiga Sektor Utama dan Kesan Tidak Langsung Terhadap Sektor Pelancongan

Prestasi ekonomi bagi sektor pelancongan W.P. Putrajaya dapat dilihat melalui perbelanjaan pelawat yang menyokong pelbagai sektor perkhidmatan tempatan. Merujuk kepada **jadual 3(b)**, setiap komponen menunjukkan corak yang berbeza namun secara keseluruhannya menunjukkan trend pemulihan pasca-pandemik yang positif. Jumlah terimaan keseluruhan bagi industri pelancongan mencerminkan pertumbuhan yang memberangsangkan walaupun terdapat kejatuhan yang drastik dicatatkan pada tahun 2020 dan 2021 susulan penularan wabak COVID-19.

Komponen membeli-belah secara konsisten merupakan penyumbang utama kepada jumlah keseluruhan perbelanjaan pelancongan. Nilai tertinggi dicatatkan pada tahun 2018 iaitu sebanyak RM287.5 ribu, manakala kejatuhan ketara berlaku pada tahun 2021 dengan hanya RM24.3 ribu. Walau bagaimanapun, trend pemulihan ketara dapat dilihat pada tahun 2023 apabila jumlah perbelanjaan kembali meningkat kepada RM238.3 ribu. Penemuan ini juga menunjukkan potensi besar sektor pelancongan untuk terus dikembangkan berikutan kecenderungan pelancong yang masih mengutamakan aktiviti membeli-belah. Promosi produk tempatan seperti kraftangan, batik dan tekstil warisan perlu diketengahkan sebagai tarikan pelancongan.

Pada tahun 2023, komponen membeli-belah dan makanan & minuman telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam peningkatan jumlah terimaan sekali gus mengukuhkan asas pemulihan sektor pelancongan ke arah pertumbuhan yang lebih mampan. Kehadiran pelancong yang menginap serta berkunjung ke premis makanan seperti hotel, restoran, kafe tepi tasik dan lokasi tumpuan utama telah menyumbang secara tidak langsung kepada permintaan terhadap pelbagai perkhidmatan sokongan khususnya dalam industri borong dan runcit, perhotelan serta makanan dan minuman. Perkembangan ini seterusnya mendorong peningkatan aktiviti pengeluaran dalam industri tersebut dan mewujudkan peluang pekerjaan bagi penduduk setempat sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

Jadual 3(b): Jumlah Terimaan daripada Pelawat Domestik ke W.P. Putrajaya mengikut komponen, 2017 hingga 2023


Komponen	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
	Jumlah Terimaan (RM '000)						
A. Perbelanjaan oleh pelawat	590,209	861,975	721,620	133,984	64,439	431,134	634,332
Membeli-belah	166,068	287,477	271,810	49,508	24,331	206,987	238,298
Pembelian bahan api kenderaan	81,545	112,467	105,514	6,658	4,357	68,652	100,711
Pengangkutan	60,447	68,191	72,516	18,125	8,397	41,116	67,480
Makanan & minuman	91,249	115,089	98,384	27,013	12,634	63,969	111,623
Penginapan	165,161	240,298	128,160	28,104	13,004	39,074	54,150
Perbelanjaan sebelum perjalanan/ pakej/ bayaran masuk/ tiket	6,340	7,975	10,709	2,862	690	7,312	31,076
Aktiviti-aktiviti lain	19,400	30,478	34,527	1,714	1,025	4,024	30,994
B. Perbelanjaan oleh isi rumah yang dilawati	110,481	145,968	126,994	7,926	3,417	24,857	35,397
Jumlah Terimaan (A+B)	700,690	1,007,943	848,614	141,910	67,855	455,991	669,729

Sumber: Survei Pelancongan Domestik W.P. Putrajaya 2023

Berdasarkan penemuan statistik Banci Ekonomi 2011, 2016 dan 2023 (**Carta 3(b)**), menunjukkan perkembangan pesat sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di W.P. Putrajaya. Bilangan pertubuhan meningkat lebih tiga kali ganda dari 418 pertubuhan pada 2010 kepada 1,518 pertubuhan pada 2022.

Nilai ditambah bagi keseluruhan sektor di W.P. Putrajaya merekodkan pertumbuhan yang signifikan iaitu meningkat dari RM1,183.34 juta kepada RM2,900.60 juta. Peningkatan ini didorong oleh sumbangan PMKS yang melonjak lebih lima kali ganda dari RM294.00 juta pada tahun 2010 kepada RM1,610.40 juta pada tahun 2022. Kenaikan peratusan sumbangan PMKS daripada 24.8 peratus kepada 55.5 peratus menggambarkan peningkatan produktiviti dan peranan kritikal PMKS dalam menggerakkan ekonomi setempat.

Carta 3(b): Bilangan Pertubuhan dan Nilai Ditambah, 2010 - 2022



Sumber: Banci Ekonomi 2011, 2016 dan 2023

Hal ini menggambarkan bahawa PMKS bukan sahaja menjadi tulang belakang kepada perkembangan ekonomi W.P. Putrajaya tetapi juga memainkan peranan utama dalam penciptaan nilai tambah dan peluang pekerjaan sekaligus menyokong transformasi ekonomi yang lebih inklusif dan berdaya saing di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Penyertaan aktif sektor PMKS memperkukuh ekosistem ekonomi bandar dengan mewujudkan peluang ekonomi berskala kecil dan sederhana yang menyokong keseimbangan pembangunan antara sektor kerajaan dan swasta.

Selain itu, perkembangan sektor ini juga dilihat sebagai pemangkin kepada pelaburan tempatan sama ada melalui penyertaan langsung pelabur kecil dalam bidang keusahawanan mahupun melalui sokongan ekosistem pembiayaan, inkubator perniagaan dan infrastruktur digital. Keadaan ini bukan sahaja merangsang pertumbuhan ekonomi setempat tetapi juga menjadikan W.P. Putrajaya lebih berdaya saing sebagai pusat pentadbiran yang turut aktif penyertaannya dalam ekonomi terutama untuk tujuan komersial, perkhidmatan perniagaan, pelancongan dan ICT selaras dengan aspirasi Rancangan Struktur Putrajaya 2025.

Komposisi nilai ditambah oleh PMKS di W.P. Putrajaya bagi tahun 2010, 2015 dan 2022 (**Jadual 3(c)**), menunjukkan kebergantungan yang ketara kepada sektor perkhidmatan. Pada tahun 2010, sektor perkhidmatan menyumbang 90.14 peratus daripada jumlah nilai ditambah PMKS manakala sektor pembinaan menyumbang sebanyak 9.86 peratus.

Pada tahun 2015, sumbangan sektor perkhidmatan menurun kepada 84.59 peratus manakala sektor pembinaan meningkat kepada 15.36 peratus. Ini menunjukkan lonjakan aktiviti dalam sektor pembinaan pada ketika itu yang berkemungkinan besar dipacu oleh pembangunan infrastruktur dan projek hartanah berskala besar di W.P. Putrajaya seperti

Projek Pembangunan Bangunan Kerajaan Parcel F dan Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di Presint 17. Sektor pembuatan mula mencatatkan sumbangan kecil sebanyak 0.05 peratus.

Sektor perkhidmatan mencatatkan peningkatan semula dengan sumbangan sebanyak 92.13 peratus pada tahun 2022, mencerminkan kedudukannya sebagai teras utama aktiviti ekonomi PMKS di W.P. Putrajaya. Sumbangan sektor pembinaan menurun kepada 7.61 peratus manakala sektor pembuatan meningkat sedikit kepada 0.27 peratus namun masih kekal sebagai penyumbang paling kecil dalam kalangan ketiga-tiga sektor.

Trend ini memperlihatkan kebergantungan yang tinggi terhadap sektor perkhidmatan selari dengan fungsi W.P. Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Hab Perkhidmatan Profesional. Walaupun sumbangan sektor pembuatan di bawah satu peratus, peningkatannya yang beransur-ansur boleh menjadi petunjuk awal kepada kepelbagaian ekonomi yang sedang berkembang.

Jadual 3(c): Komposisi Nilai Ditambah PMKS Mengikut Sektor, 2010 – 2022

Tahun	Perkhidmatan	Pembuatan	Pembinaan
2010*	90.14	n.a	9.86
2015	84.59	0.05	15.36
2022	92.13	0.27	7.61

Sumber: Banci Ekonomi 2011, 2016 dan 2023

Nota: (*) Terdapat limitasi data bagi sektor pembuatan untuk tahun yang sama berikutan bilangan pertubuhan pembuatan telah digabungkan dengan W.P. Kuala Lumpur.

5.2 Potensi Pelancongan Putrajaya Melalui Perspektif Analisis SWOT

Menurut Nur Amirah Kamarus Zaman et al. (2016), W.P. Putrajaya menawarkan pelbagai produk pelancongan merangkumi tujuh kategori utama seperti MICE, rekreasi, persekitaran semula jadi dan buatan, budaya, membeli-belah serta pelancongan perubatan. Kepelbagaian ini berjaya menarik pelancong dari pelbagai segmen dan berpotensi menyumbang kepada pembangunan ekonomi bandar walaupun W.P. Putrajaya merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

i. Sukan dan Rekreasi sebagai Tarikan Pelancongan

Produk pelancongan berasaskan sukan dan rekreasi merupakan antara komponen utama yang berjaya menarik kehadiran pelancong ke Putrajaya. Pelbagai kemudahan yang disediakan membolehkan pelancong mengisi masa lapang melalui aktiviti seperti bersenam, berkayak, berbasikal, memancing, berkhemah dan berkelah. Pusat-pusat rekreasi di sekitar Presint 4, Presint 6 dan IOI Resort City menjadi antara lokasi tumpuan utama bagi aktiviti riadah seisi keluarga mahupun secara individu (Nur Amirah Kamarus Zaman et al., 2016).

Sebagai usaha memperkukuh sektor ini, beberapa pembaharuan terkini telah dilaksanakan. Antaranya termasuk *Putrajaya Wetland Adventure Park* di Presint 13 yang merupakan destinasi pelancongan baharu yang menggabungkan elemen sukan lasak dan rekreasi alam semula jadi dengan aktiviti mencabar adrenalin. Taman yang dibuka secara rasmi pada 17 Ogos 2024 menjadi tarikan utama bagi pengunjung yang ingin menguji keberanian dan menikmati keindahan alam sekitar.

Selain itu, *Putrajaya Wetland Adventure Park* mempromosikan gaya hidup sihat dan penghargaan terhadap alam semula jadi dan dapat menjadikannya destinasi ideal untuk keluarga, kumpulan korporat dan pelancong yang mencari kelainan di W.P. Putrajaya. Antara aktiviti utama yang disediakan ialah *Flying Fox*, *Leap of Faith*, *Abseiling*, dan *Wall Climbing*. Taman ini turut menawarkan pelbagai kemudahan sokongan termasuk pusat rekreasi air seperti berkayak dan memancing, laluan jogging dan berbasikal, kawasan pemerhatian burung serta kemudahan awam seperti surau, tandas dan tempat letak kenderaan.

W.P. Putrajaya turut juga menjadi lokasi pilihan untuk pelbagai acara larian yang bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat malah berperanan sebagai tarikan pelancongan sukan dan rekreasi di Wilayah Persekutuan. Acara-acara larian ini menarik penyertaan ribuan peserta dari pelbagai latar belakang termasuk pelancong domestik yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi dan mempromosi imej W.P. Putrajaya sebagai destinasi pelancongan sukan. Acara larian seperti Larian MAPPA, Larian Kembara Perpaduan, Larian Rimba Kita, Larian Hari Wilayah Persekutuan dan *Putrajaya Night Half Marathon* ini biasanya berlangsung di Dataran Wawasan, Putra Bridge dan Taman Wetland yang mana ia sekaligus memberikan peluang kepada pengunjung untuk menikmati keindahan seni bina dan kehijauan bandar W.P. Putrajaya. Selain itu, pelbagai kemudahan infra yang disediakan seperti tempat letak kenderaan dan fasiliti awam menjadikan W.P. Putrajaya sebagai lokasi ideal untuk aktiviti rekreasi berskala besar.

Karnival Komuniti & Pesta Air Putrajaya juga merupakan salah satu program inisiatif anjuran Perbadanan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan sukan dan rekreasi utama negara seiring dengan usaha memperkasakan penyertaan komuniti dalam aktiviti sihat dan inklusif. Karnival ini menampilkan pelbagai program merangkumi sukan air, kebudayaan, keusahawanan dan kerohanian. Antara tarikan utama termasuk perlumbaan perahu panjang, pertandingan kayak, sukaneka air, serta *indoor rowing* di Tasik Putrajaya.

Selain itu, konsert kerohanian, forum perdana, pertandingan kebudayaan seperti *Battle of Zapin & Dikir Madani* serta jualan komuniti yang melibatkan usahawan tempatan bukan sahaja memperkasakan ekonomi komuniti tetapi dapat memperkukuhkan hubungan antara masyarakat dan agensi kerajaan. Secara tidak langsung, ia mengukuhkan lagi kedudukan W.P. Putrajaya sebagai lokasi strategik untuk penganjuran acara pelancongan berteraskan sukan dan rekreasi serta memperluas promosi bandar ini sebagai destinasi mesra keluarga dan mesra pelawat dan sekaligus memberikan impak positif kepada komuniti dan ekonomi setempat.

ii. Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE)

Segmen pelancongan Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE) juga merupakan antara produk pelancongan utama yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi pelancongan di W.P. Putrajaya. Kedudukan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan menjadikannya destinasi tumpuan pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan antarabangsa untuk mengadakan urusan rasmi seperti mesyuarat, rundingan, seminar dan persidangan.

Kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), hotel bertaraf antarabangsa, ruang pameran moden dan kemudahan logistik yang efisien meletakkan W.P. Putrajaya sebagai destinasi MICE bertaraf global. Pusat-pusat ini juga menawarkan teknologi terkini termasuk kemudahan acara hibrid yang menyokong pelaksanaan mesyuarat dalam dan luar negara secara serentak (Tourism Malaysia, 2023).

Kebanyakan pelancong MICE terdiri daripada pegawai kerajaan, delegasi antarabangsa, penggiat industri serta peserta program insentif yang turut menyumbang kepada peningkatan kadar penginapan, perbelanjaan tempatan dan penggunaan kemudahan pelancongan lain seperti lawatan berpandu, pelayaran tasik dan aktiviti kebudayaan. Hal ini menyokong dapatan bahawa pelancong MICE secara purata berbelanja lebih tinggi berbanding pelancong biasa (*Malaysia Convention & Exhibition Bureau [MyCEB], 2022*).

Sehubungan itu, promosi berterusan dan usaha menarik acara bertaraf antarabangsa perlu dipertingkatkan secara berstrategi. Kolaborasi antara Perbadanan Putrajaya, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), agensi promosi seperti MyCEB serta pemain industri swasta dapat memperkukuh lagi daya saing W.P. Putrajaya dalam pasaran MICE serantau dan global.

iii. Persekitaran Semula Jadi dan Buatan Manusia

Sebagai pusat pentadbiran Persekutuan, Putrajaya menampilkan keunikan tersendiri menerusi gabungan seni bina moden, reka bentuk mesra alam serta kawasan hijau yang dirancang secara harmoni bagi menawarkan pengalaman pelancongan yang menenangkan dan mengasyikkan kepada pengunjung. Keindahan bandar ini terserlah melalui struktur ikonik seperti Istana Kehakiman, Kementerian Kewangan dan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) yang menjadi mercu tanda utama wajib dilawati. Selain itu, lokasi Masjid Putra yang terletak di tepi Tasik Putrajaya serta pembinaannya yang menggabungkan elemen seni bina Melayu dan Timur Tengah menawarkan panorama memukau terutamanya ketika matahari terbenam. Jambatan Seri Wawasan hasil rekaan futuristik berinspirasi layar kapal yang menghubungkan pusat pentadbiran dengan kawasan kediaman menjadi lebih menawan apabila diterangi lampu LED pada waktu malam.

Sebagai sebuah “oasis hijau dalam bandar moden”, Putrajaya menempatkan taman-taman yang bukan sahaja memperindah landskap tetapi juga menyediakan ruang rekreasi dan pendidikan alam sekitar seperti Taman Botani dan Taman Wetland yang menawarkan pengalaman memerhati burung dalam habitat semula jadi. Taman Saujana Hijau yang juga berinspirasi landskap Eropah memberi pilihan untuk berjoging dan berbasikal sambil menikmati udara segar serta pemandangan bukit yang menghijau. Tasik Putrajaya yang mengelilingi bandar ini pula berperanan sebagai elemen penyatu landskap dan rekreasi. Perkhidmatan pelayaran Cruise Tasik Putrajaya membolehkan pelancong menikmati pemandangan dan menjadikan ia antara tarikan pelancongan yang paling digemari.

Secara keseluruhan, Putrajaya menawarkan pengalaman pelancongan yang seimbang antara pembangunan moden dan kelestarian alam semula jadi sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan pengukuhan imej bandar sebagai contoh bandar pintar dan lestari di Malaysia.

iv. Budaya, Warisan, Membeli-Belah dan Makanan

Produk pelancongan berasaskan budaya, warisan, membeli-belah dan makanan di Putrajaya turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial bandar. Aktiviti pelancongan budaya dan warisan seperti promosi seni tradisional, kraf tangan dan persembahan seni telah membuka peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan serta menggalakkan pemuliharaan warisan budaya yang berterusan. Ini membantu meningkatkan kebanggaan masyarakat terhadap identiti dan sejarah mereka sekaligus memperkukuh kohesi sosial (Putrajaya Corporation, 2023).

Dari perspektif ekonomi, pusat membeli-belah dan industri makanan di Putrajaya berfungsi sebagai pemangkin kepada perbelanjaan pelancong yang menyumbang kepada pendapatan sektor perniagaan kecil dan sederhana serta rantai bekalan tempatan. Kompleks membeli-belah dan lokasi gastronomi yang pelbagai menarik pelancong berbelanja dan menikmati makanan yang seterusnya meningkatkan hasil ekonomi di samping mewujudkan peluang pekerjaan baru di sektor perkhidmatan dan perdagangan (Tourism Malaysia, 2023).

Kepelbagaian penawaran produk pelancongan ini berpotensi untuk melanjutkan tempoh penginapan pelancong sekali gus merangsang peluang interaksi sosial dan budaya antara pelancong dan penduduk tempatan. Secara tidak langsung, situasi ini menyumbang ke arah pembentukan kefahaman serta penghargaan silang budaya yang lebih mendalam.

v. Kesihatan dan Perubatan

Putrajaya kini giat membangunkan sektor pelancongan kesihatan dan perubatan sebagai salah satu komponen strategik baharu bagi destinasi pelancongan dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan perubatan dan kesejahteraan yang bertaraf antarabangsa. Langkah ini selaras dengan Pelan Tindakan Industri Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia 2021–2025 yang dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bertujuan menjadikan Malaysia sebagai hab pelancongan kesihatan global menjelang tahun 2025.

Definisi pelancongan kesihatan adalah lawatan atau pelancongan ke sesebuah negara sambil menjalani rawatan atau untuk mendapatkan rawatan. Institut Kanser Negara merupakan sebuah hospital yang dibina dengan peralatan canggih dan teknologi maklumat terkini bertujuan memberikan kemudahan khusus dalam rawatan dan perubatan pesakit-pesakit kanser serta menangani segala keperluan yang semakin meningkat berkaitan dengan isu-isu kanser dalam negara. Pembinaan Institut Kanser Negara direka dengan menggunakan reka bentuk mesra pengguna dan mempunyai senibina, reka bentuk dalaman dan landskap menarik bagi mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk pemulihan dan penyembuhan.

Inisiatif ini memperkukuh tenaga pakar kesihatan dan menggalakkan kolaborasi antara institusi perubatan serta sektor pelancongan, Putrajaya berpotensi menjadi hub pelancongan kesihatan yang komprehensif. Pembangunan pakej pemulihan kesihatan dan program kesihatan korporat juga membuka peluang menarik bagi pelancong insentif yang mencari perkhidmatan rawatan sambil menikmati suasana rekreasi dan persekitaran yang kondusif. Pendekatan inovatif ini bukan sahaja meningkatkan daya tarikan pelancongan tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi setempat secara berterusan.

Carta 3(c) menunjukkan analisis SWOT bagi Kagekori Produk Potensi Pelancongan Putrajaya. Putrajaya mempunyai kepelbagaian produk pelancongan yang mampu menarik pelbagai segmen pelawat sama ada daripada pelancong rekreasi, pelancong perniagaan, pencinta alam semula jadi, penggemar budaya dan warisan hingga kepada pelancong kesihatan. Analisis SWOT menunjukkan bahawa kekuatan utama Putrajaya terletak pada infrastrukturnya yang terancang, kemudahan moden bertaraf antarabangsa serta kestabilan persekitaran bandar. Namun, cabaran dari segi persaingan lokasi lain, promosi digital yang belum menyeluruh dan keterlibatan komuniti yang terhad juga memerlukan perhatian serius.

Potensi untuk pertumbuhan masih terbuka luas terutamanya melalui penglibatan aktif sektor swasta, inovasi dalam pakej pelancongan tematik dan penekanan kepada pengalaman pelancong yang lebih mendalam serta bersifat lestari. Justeru, bagaimana Putrajaya boleh membina identiti pelancongannya sendiri yang unik dan berdaya saing tanpa bergantung semata-mata kepada imej sebagai pusat pentadbiran negara antara yang perlu diberi perhatian selanjutnya.

Carta 3(c): Analisis SWOT bagi Kagekori Produk Potensi Pelancongan Putrajaya

Kluster	Kekuatan	Kelemahan	Peluang	Ancaman
Sukan dan Rekreasi	Kemudahan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa.	Promosi kurang agresif untuk aktiviti sukan di peringkat antarabangsa.	Meningkatkan aktiviti sukan e-sukan dan rekreasi digital.	Persaingan destinasi sukan lain yang lebih terkenal.
	Pelbagai aktiviti menarik seperti berkayak, berbasikal, memancing dan berkhemah.	Musim dan cuaca yang tidak menentu boleh menjejaskan aktiviti luar.	Menyediakan acara sukan tahunan yang menarik pelancong luar negara.	Faktor keselamatan dan kesihatan semasa pandemik.
	Pernah menjadi tuan rumah acara sukan peringkat antarabangsa yang menaikkan imej Putrajaya.		Memperluas fasiliti untuk aktiviti sukan air dan lasak.	Perubahan dasar kerajaan yang boleh mengehadkan aktiviti luar.
Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE)	Infrastruktur moden dan canggih untuk acara MICE.	Kekurangan acara MICE bertaraf antarabangsa secara tetap.	Pengembangan pakej insentif korporat yang menggabungkan aktiviti rekreasi dan kesihatan.	Persaingan dengan pusat konvensyen lain di Malaysia dan Asia Tenggara.
	Lokasi strategik sebagai pusat pentadbiran kerajaan.	Pemasaran produk MICE masih perlu dipertingkatkan di luar negara.	Menarik syarikat multinasional untuk mengadakan acara di Putrajaya.	Ketidaktentuan akibat pandemik yang membataskan aktiviti berkumpulan.
	Kemudahan lengkap dari dewan mesyuarat hingga penginapan berdekatan.		Penggunaan teknologi hybrid (gabungan fizikal dan maya) dalam penganjuran acara.	Perubahan polisi kerajaan yang boleh menjejaskan acara rasmi.
Persekitaran Semula Jadi	Kepelbagaian taman dan ruang hijau seperti Taman Botani dan Taman Wetlands.	Ketersediaan kemudahan dan fasiliti sokongan yang masih terhad.	Mengadakan program eko-pelancongan dan pendidikan alam semula jadi.	Ancaman pencemaran dan kerosakan alam sekitar akibat pembangunan.
	Keindahan dan kehijauan yang menarik minat pencinta alam.	Kurang promosi dan aktiviti berstruktur di lokasi semula jadi.	Kejasama dengan komuniti untuk memelihara dan mempromosikan kawasan hijau.	Cuaca tidak menentu dan perubahan iklim memberi kesan kepada ekosistem.
	Kondusif untuk aktiviti santai dan pendidikan alam sekitar.		Menambah fasiliti dan aktiviti berasaskan alam seperti laluan berjalan kaki dan <i>cycling track</i> .	Persaingan dengan destinasi eko-pelancongan lain.
Alam Bina Buatan	Seni bina unik dan ikonik seperti Kompleks Putra Perdana dan Masjid Putra.	Kekurangan tarikan tambahan di sekitar bangunan ikonik.	Mengadakan lawatan berpandu dan pameran seni bina serta sejarah.	Persaingan dengan bandar raya lain yang mempunyai warisan seni bina tersendiri.
	Menampilkan gabungan moden dan tradisional yang menarik.	Keterbatasan aktiviti interaktif bagi pelancong yang mencari pengalaman lebih dinamik.	Membangunkan aplikasi digital interaktif untuk menerangkan seni bina dan warisan.	Kerosakan atau kurang penyelenggaraan bangunan bersejarah.
	Lokasi strategik mudah diakses dan dekat dengan pusat pentadbiran.		Promosi sebagai destinasi fotografi dan seni.	Risiko kemerosotan nilai estetika akibat pembangunan tidak terkawal.

Kluster	Kekuatan	Kelemahan	Peluang	Ancaman
Kebudayaan dan Warisan	Kepelbagaian seni dan budaya tempatan seperti batik, permainan tradisional, dan kraf tangan.	Kurang aktiviti kebudayaan yang konsisten dan berjadual.	Mengadakan festival budaya tahunan yang menarik pelancong.	Pengaruh globalisasi yang mengurangkan minat generasi muda terhadap budaya tradisional.
	Sumbangan budaya yang meningkatkan imej dan daya tarikan pelancong.	Promosi budaya tempatan kurang menonjol di kalangan pelancong antarabangsa.	Kolaborasi dengan artis tempatan dan antarabangsa untuk pameran seni.	Risiko komersialisasi yang boleh mengurangkan nilai budaya sebenar.
	Peluang mempelajari dan merasai warisan tempatan yang unik.		Membangunkan pusat warisan digital untuk capaian global.	Persaingan dengan destinasi budaya lain yang lebih terkenal.
Makanan dan Pusat Membeli-belah	Pelbagai pusat membeli-belah dan lokasi makanan seperti Alamanda, Souq Putrajaya dan Medan Selera.	Kurang promosi kepada pelancong luar negara khususnya dalam sektor gastronomi.	Memperkenalkan festival makanan dan pasar malam budaya secara berkala.	Persaingan daripada destinasi membeli-belah dan makanan lain di Malaysia.
	Menyediakan pengalaman membeli-belah dan kuliner yang lengkap dan pelbagai.	Ketersediaan jenama antarabangsa yang terhad berbanding pusat membeli-belah utama di KL.	Memperluas konsep makanan fusion dan inovatif untuk menarik pelancong muda.	Perubahan selera dan trend kuliner yang cepat berubah.
	Lokasi strategik dengan akses mudah.		Mengintegrasikan promosi makanan tempatan dalam pakej pelancongan.	Isu keselamatan makanan dan kebersihan boleh menjejaskan reputasi.
Perubatan dan Kesihatan	Fasiliti perubatan moden seperti Hospital Putrajaya dan pusat spa.	Produk pelancongan kesihatan masih baru dan kurang dikenali secara meluas.	Pengembangan pakej kesihatan korporat dan pemulihan.	Persaingan daripada pusat perubatan dan destinasi pelancongan kesihatan lain.
	Penawaran rawatan kesihatan holistik yang menyeluruh.	Kekurangan promosi dan pakej kesihatan yang khusus untuk pelancong antarabangsa.	Melabur dalam pembangunan tenaga pakar perubatan berkemahiran tinggi.	Risiko pandemik dan isu keselamatan kesihatan global.
	Integrasi teknologi telemedisin memudahkan akses rawatan dan susulan.		Menggalakkan kolaborasi antara sektor perubatan dan pelancongan untuk inovasi produk baru.	Perubahan polisi kesihatan yang memberi kesan kepada kemudahan pelancongan.

Sumber: Olahan penulis

6.0 Rumusan

Sektor pelancongan di W.P. Putrajaya menyumbang secara langsung kepada penciptaan peluang pekerjaan dalam bidang hospitaliti, pengurusan acara (MICE), eko-pelancongan, perkhidmatan pelancong serta peruncitan. Peningkatan jumlah pelancong mendorong pertambahan premis penginapan, restoran dan penyedia perkhidmatan rekreasi sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap sektor kerajaan sebagai majikan utama. Pelancongan membuka ruang kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk berkembang terutama dalam bidang kraftangan, makanan tempatan dan aktiviti komuniti seperti pelancongan madu kelulut dan pertanian bandar. Peluang ini membantu mewujudkan ekosistem ekonomi yang lebih inklusif dan mapan.

Projek - projek pelancongan seperti pembangunan semula Taman Wetland, Taman Botani dan promosi laluan pelayaran di Tasik Putrajaya menyumbang kepada peningkatan infrastruktur awam. Pelaburan dalam pengangkutan, sistem maklumat pelancongan dan kemudahan mesra pelancong turut memberi manfaat langsung kepada penduduk setempat. Melalui pelancongan, warisan budaya dan sejarah Islam serta seni bina unik seperti Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dipelihara dan dipromosikan. Ini bukan sahaja memperkukuh identiti nasional, tetapi juga mendidik generasi muda tentang nilai sejarah dan estetika tempatan.

Secara keseluruhannya, pelancongan bandar pusat pentadbiran merupakan satu bidang yang signifikan dalam landskap pelancongan negara. W.P. Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan telah menunjukkan potensi yang besar dalam menjadikan elemen tadbir urus sebagai aset pelancongan. Dengan strategi promosi yang bersasar, pengukuhan infrastruktur pelancongan dan penjenamaan destinasi yang berkesan, W.P. Putrajaya memiliki potensi besar untuk menjadikan sektor pelancongan sebagai teras pembangunan sosioekonomi yang mampan. Melalui pelaksanaan strategik pelancongan dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan, pelancongan dapat dimanfaatkan untuk menjana kesejahteraan rakyat, memelihara alam sekitar serta mengekalkan identiti nasional Malaysia dalam kerangka bandar moden dan progresif.

7.0 Rujukan

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Survei Pelancongan Domestik Wilayah Persekutuan Putrajaya 2023.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2012). Banci Ekonomi 2011.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). Banci Ekonomi 2016.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Banci Ekonomi 2023.
- Perbadanan Putrajaya. (2014). Rancangan Struktur Putrajaya 2025.
- Destinasi Percutian. (2024). *Tempat menarik di Putrajaya*. <https://destinasipercutian.com/tempat-menarik-di-putrajaya/>
- Malaysia Convention & Exhibition Bureau. (2022). *Annual report 2022: Malaysia on track to revive business events*. <https://www.myceb.com.my>
- MOTAC. (2023). *Putrajaya: Bandar pintar pelancongan moden*. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. <https://www.motac.gov.my>
- Nasir, A. H., & Tajuddin, M. (2020). *Contemporary Islamic architecture in Malaysia: Identity, structure and symbolism*. Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Newswav. (2024, April 10). *Putrajaya sports complex will boost athlete development – Zaliha*. https://newswav.com/article/putrajaya-sports-complex-will-boost-athlete-development-zaliha-A2504_y4nNxT
- Nur Amirah Kamarus Zaman, Habibah Ahmad, Er Ah Choy, Nur Atiqah Kamarus Zaman, & Hamzah Jusoh. (2021). *Produk pelancongan dan pembangunan ekonomi bandar: Kajian kes di Putrajaya*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Putrajaya Corporation. (2023). *Taman-taman utama Putrajaya*. <https://www.ppj.gov.my/taman-putrajaya>
- Putrajaya Corporation. (2023). *Kemudahan dan tarikan pelancongan Putrajaya*. <https://www.ppj.gov.my>
- Putrajaya Corporation. (2023). *Pelancongan dan kemudahan kesihatan di Putrajaya*. <https://www.ppj.gov.my>
- Skift. (2025, January 7). *Inside Malaysia's target to hit 35.6 million tourism arrivals by 2026*. <https://skift.com/2025/01/07/inside-malaysias-target-to-hit-35-6-million-tourism-arrivals-by-2026/>
- The Edge Malaysia. (2024, March 1). *Tourist arrivals hit 20.1 million in 2023, earnings up 152.6%*. <https://theedgemaalaysia.com/node/707370>
- The Star. (2024, May 25). *New 4.05ha park with recreational and sports facilities opens for Putrajaya folk*. <https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2024/05/25/new-405ha-park-with-recreational-and-sports-facilities-opens-for-putrajaya-folk>

- The Star. (2025, February 10). *Tourist arrivals surpass pre-pandemic levels, revenue hits record RM106bil in 2024, says Tiong*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/10/tourist-arrivals-surpass-pre-pandemic-levels-revenue-hits-record-rm106bil-in-2024-says-tiong>
- Tourism Malaysia. (2023). *MICE industry in Malaysia: Building towards a resilient and sustainable future*. <https://www.tourism.gov.my>
- Tourism Malaysia. (2023). *Ecotourism development in urban cities: The Putrajaya model*. <https://www.tourism.gov.my>
- Tourism Malaysia. (2023). *Pelancongan makanan dan membeli-belah di Malaysia*. <https://www.tourism.gov.my>
- Tourism Malaysia. (2024). *Malaysia tourism key performance indicators 2023*. <https://data.tourism.gov.my/frontend/pdf/Malaysia-Tourism-Key-Performance-Indicators-2023.pdf>
- Tourism for inclusive growth. (2022, January 27). *The Star*. <https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2022/01/27/tourism-for-inclusive-growth>
- Malaysia recorded 29 million visitor arrivals in 2023. (n.d.). *Focus Malaysia*. <https://focusmalaysia.my/malaysia-recorded-29-million-visitor-arrivals-in-2023/>
- Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020–2030: Ke arah pengukuhan industri pelancongan negara. (n.d.). MOTAC. <https://www.motac.gov.my/media2/siaran/dasar-pelancongan-negara-dpn-2020-2030-ke-arah-pengukuhan-industri-pelancongan-negara>
- Pelancongan domestik rekod 66.3 juta pelawat. (n.d.). *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/703042/berita/nasional/pelancongan-domestik-rekod-663-juta-pelawat>
- Kagum keindahan landskap seni bina Putrajaya. (n.d.). *Media Permata*. <https://mediapermata.com.bn/kagum-keindahan-landskap-seni-bina-putrajaya/>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BAB 3

STATISTIK DEMOGRAFI & SOSIAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BAB 3

STATISTIK DEMOGRAFI & SOSIAL PENDUDUK



Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Anggaran penduduk W.P. Kuala Lumpur meningkat kepada 2.07 juta pada tahun 2024 berbanding 2.01 juta pada tahun 2023 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 3.0 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2024 ialah 86.9 peratus daripada keseluruhan penduduk W.P. Kuala Lumpur.

Jadual 3.1 : Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024




Penduduk	2020	2021	2022	2023	2024 ^P
Bilangan penduduk ('000)	1,982.1	1,964.0	1,961.2	2,005.7	2,067.5
Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)	11.2	-0.9	-0.1	2.2	3.0

Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Pada tahun 2024, peratusan umur muda dan umur tua masing-masing mencatatkan penurunan kepada 17.4 peratus (2023: 18.9%) dan 6.7 peratus (2023: 6.8%) manakala kumpulan umur bekerja meningkat kepada 75.9 peratus (2023: 75.0%).

Jadual 3.2 : Struktur umur penduduk, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024

Kumpulan umur	2023 (%)	2024 ^P (%)
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	18.2	17.4
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	75.0	75.9
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	6.8	6.7



Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk W.P. Kuala Lumpur pada 2024 meningkat kepada 117 lelaki bagi setiap 100 perempuan berbanding 115 lelaki bagi setiap 100 perempuan pada tahun 2023.




Nisbah tanggungan

Nisbah tanggungan jumlah penduduk W.P. Kuala Lumpur menurun daripada 33.3 pada tahun 2023 kepada 31.8 pada tahun 2024. Nisbah tanggungan umur muda dan umur tua masing-masing menurun kepada 22.9 pada tahun 2024 berbanding 24.2 pada tahun 2023 dan 8.9 pada tahun 2024 berbanding 9.1 pada tahun 2023.

Jadual 3.3 : Nisbah tanggungan, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024

Nisbah tanggungan	2023	2024 ^P
Umur muda	24.2	22.9
Umur tua	9.1	8.9
Jumlah	33.3	31.8




Kumpulan etnik warganegara

Pada tahun 2024, peratusan Bumiputera dan Etnik Lain masing-masing mencatatkan peningkatan kepada 48.8 peratus (2023: 48.5%) dan 0.8 peratus (2023: 0.7%). Peratusan Cina dan India masing-masing menurun kepada 40.6 peratus (2023: 40.9%) dan 9.8 peratus (2023: 9.9%) daripada keseluruhan penduduk warganegara di W.P. Kuala Lumpur.

Jadual 3.4 : Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, W.P. Kuala Lumpur, 2023-2024


Kumpulan etnik warganegara W.P. Kuala Lumpur	2023(%)	2024 ^P (%)
Bumiputera	48.5	48.8
Cina	40.9	40.6
India	9.9	9.8
Etnik Lain	0.7	0.8



KELAHIRAN HIDUP


Kadar kelahiran kasar

Kadar kelahiran kasar di W.P. Kuala Lumpur merekodkan peningkatan daripada 10.1 kelahiran pada 2022 kepada 10.7 kelahiran pada 2023 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2023 turut menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2022 iaitu masing-masing meningkat daripada 9.8 kelahiran kepada 10.2 kelahiran dan 10.5 kelahiran kepada 11.3 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.




10.7

Kadar kelahiran kasar bagi setiap 1,000 penduduk, 2023




Carta 3.1 : Kadar kelahiran kasar, W.P. Kuala Lumpur, 2011-2023




Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Etnik Lain merekodkan kadar kelahiran kasar tertinggi pada tahun 2023 dengan 14.9 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk, manakala etnik Cina merekodkan kadar terendah dengan 5.8 kelahiran. Kadar kelahiran kasar bagi Bumiputera dan etnik India pada 2023 masing-masing dengan 14.4 kelahiran dan 7.3 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.



14.9

Etnik Lain
Kadar kelahiran kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2023



Jadual 3.5 : Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, W.P. Kuala Lumpur, 2017-2023 (setiap 1,000 penduduk)

Kumpulan etnik	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Bumiputera	20.0	20.0	19.6	16.0	15.0	14.3	14.4
Cina	8.0	7.7	7.9	6.6	6.1	5.4	5.8
India	9.3	9.3	9.1	7.6	7.1	6.8	7.3
Etnik Lain ¹	13.5	12.9	12.8	15.6	12.8	12.5	14.9


¹Termasuk bukan warganegara

Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar W.P. Kuala Lumpur

21,442 anak
W.P. Kuala Lumpur
 mencatatkan bilangan
 kelahiran hidup
 tertinggi, 2023

W.P. Kuala Lumpur merekodkan bilangan kelahiran hidup sebanyak 21,442 kelahiran, manakala kadar kelahiran kasar ialah 10.7 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.

Paparan 3.1 : Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, W.P. Kuala Lumpur, 2023 (setiap 1,000 penduduk)



10.7
W.P. Kuala Lumpur
 merekodkan kadar
 kelahiran kasar
 tertinggi, 2023


KESUBURAN

Kadar kesuburan jumlah

Kadar kesuburan jumlah di W.P. Kuala Lumpur menunjukkan peningkatan daripada 1.2 anak pada 2022 kepada 1.3 anak pada 2023 bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun. **Carta 3.2** menunjukkan kadar kesuburan jumlah di W.P. Kuala Lumpur berada di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 anak bagi setiap perempuan umur reproduktif (15-49 tahun).

1.3 anak
Kadar kesuburan jumlah bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2023

Carta 3.2 : Kadar kesuburan jumlah, W.P. Kuala Lumpur, 2011-2023



Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Etnik Lain merekodkan kadar kesuburan jumlah tertinggi dengan 3.4 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun, manakala kadar terendah direkodkan oleh etnik Cina dengan 0.7 anak. Kadar kesuburan jumlah bagi Bumiputera dan etnik India pada 2023 masing-masing dengan 1.6 anak dan 0.9 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun.

3.4 anak
Etnik Lain
Kadar kesuburan tertinggi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2023

Jadual 3.6 : Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, W.P. Kuala Lumpur 2017-2023 (setiap perempuan berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Bumiputera	2.1	2.2	2.2	1.6	1.5	1.5	1.6
Cina	0.9	0.9	0.9	0.7	0.7	0.6	0.7
India	1.0	1.0	1.0	0.9	0.8	0.8	0.9
Etnik lain ¹	1.3	1.3	1.3	3.3	2.5	2.6	3.4


¹Termasuk bukan warganegara

KEMATIAN

Bilangan dan kadar kematian

Bilangan kematian di W.P. Kuala Lumpur direkodkan sebanyak 9,646 kematian pada tahun 2023 menurun 3.5 peratus berbanding tahun 2022 (9,998 kematian). Kadar kematian kasar adalah 4.8 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2022: 5.1 kematian).

Carta 3.3 : Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, W.P. Kuala Lumpur, 2010-2023 (setiap 1,000 penduduk)




Jadual 3.7 : Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, W.P. Kuala Lumpur, 2017-2023 (setiap 1,000 penduduk)

Kematian	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Jumlah kematian	8,205	8,485	8,845	8,369	13,382	9,998	9,646
Kadar kematian kasar (Lelaki)	5.1	5.4	5.7	4.6	7.4	5.5	5.2
Kadar kematian kasar (Perempuan)	4.0	4.1	4.2	3.8	6.2	4.6	4.4

Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada tahun 2023 adalah 5.2 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, menurun 0.9 mata berbanding 6.1 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2022.

Carta 3.4 : Kadar kematian bayi, W.P. Kuala Lumpur, 2010-2023



6.8 kematian
 Bagi tempoh 2010-2023, kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk adalah pada tahun 2021

Jumlah Kematian


- Lelaki: 5,531 (57.3%)
- Perempuan: 4,115 (42.7%)

5.2 kematian
 Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2023

Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2023 meningkat kepada 37.3 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup berbanding 15.1 kematian pada tahun 2022.

Carta 3.5 : Nisbah mortaliti ibu bersalin, W.P. Kuala Lumpur, 2010-2023



3.9 kematian
 Nisbah mortaliti ibu bersalin terendah, 2015 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup dalam tempoh 2010-2023



Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Etnik India merekodkan kadar kematian kasar tertinggi iaitu 7.7 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2023, manakala Etnik Lain merekodkan kadar terendah iaitu 2.2 kematian. Kadar kematian kasar bagi Bumiputera dan Cina pada tahun 2022 masing-masing adalah 3.8 dan 6.1 bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.8 : Kadar kematian kasar mengikut etnik, W.P. Kuala Lumpur, 2017-2023 (setiap 1,000 penduduk)

Etnik	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Bumiputera	3.8	4.0	4.3	3.4	5.4	3.9	3.8
Cina	6.0	6.1	6.4	5.5	7.9	6.5	6.1
India	7.2	7.4	7.5	5.8	9.4	7.8	7.7
Etnik Lain ¹	1.7	1.7	1.6	1.7	6.3	2.6	2.2

¹Termasuk bukan warganegara


7.7 kematian
India
 Kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2023

Sebab kematian utama (disahkan secara perubatan)

Penyakit jantung iskemia merupakan sebab kematian yang mencatatkan peratusan kematian tertinggi pada tahun 2023 iaitu 16.3 peratus (1,099 kematian). Ini diikuti oleh radang paru-paru dan penyakit serebrovaskular iaitu masing-masing 14.6 peratus dan 7.0 peratus.

Penyakit jantung iskemia
Sebab kematian tertinggi yang disahkan secara perubatan pada 2023

Paparan 3.2 : Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, W.P. Kuala Lumpur, 2023



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.




Sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan, 2023

Tiga sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan pada tahun 2023 adalah sakit tua (65 tahun dan lebih) iaitu 1,598 kematian (55.4%) yang melibatkan 46.8 peratus lelaki dan 65.2 peratus perempuan. Ini diikuti oleh darah tinggi dan kencing manis dengan masing-masing sebanyak 4.9 peratus dan 4.5 peratus.

Sakit tua
Sebab kematian tertinggi yang tidak disahkan secara perubatan pada 2023

Paparan 3.3 : Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, W.P. Kuala Lumpur, 2023




Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

JANGKAAN HAYAT


Jangkaan hayat ketika lahir

Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2024 di W.P. Kuala Lumpur dijangka hidup lebih lama sehingga 78.8 tahun berbanding dengan seorang bayi lelaki dijangka hidup sehingga 74.1 tahun.


Bagi tahun 2019 sehingga 2022, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki dan bayi perempuan masing-masing menurun 1.7 tahun. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2023 hingga 2024, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki meningkat 1.0 tahun dan bayi perempuan, meningkat 0.9 tahun.



74.1 tahun
Bayi lelaki
 Jangkaan hayat
 ketika lahir, 2024




Paparan 3.4 : Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, W.P. Kuala Lumpur, 2019-2024




Jangkaan hayat pada umur 15 tahun


Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2024 dijangka hidup selama 59.7 tahun dan 64.4 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga umur 74.7 tahun dan perempuan dijangka hidup sehingga umur 79.4 tahun.

Paparan 3.5 : Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, W.P. Kuala Lumpur, 2019-2024





64.4 tahun
Perempuan
 Jangkaan hayat
 pada umur 15 tahun,
 2024



Jangkaan hayat pada umur 65 tahun


14.9 tahun

Lelaki
Jangkaan hayat
pada umur 65 tahun,
2024

Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun masing-masing dijangka hidup selama 14.9 tahun dan 17.7 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup sehingga umur 79.9 tahun dan perempuan sehingga 82.7 tahun.

Bagi tempoh 2019 sehingga 2024, perbezaan jangkaan hayat pada umur 65 tahun antara lelaki dan perempuan adalah di antara 2.4 hingga 2.8 tahun.

Paparan 3.6 : Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, W.P. Kuala Lumpur, 2019-2024



^p Permulaan
^e Anggaran
 2019 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010
 2020-2024 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020




TENAGA BURUH

Tenaga Buruh

Tenaga buruh di W.P. Kuala Lumpur meningkat sebanyak 6.6 peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 4.9%). Sejumlah 1.18 juta orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2024 berbanding 1.11 juta orang pada tahun 2023. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja pula meningkat kepada 1.15 juta orang pada tahun 2024 berbanding 1.08 juta orang pada tahun 2023.

Carta 3.6 : Tenaga buruh dan penduduk bekerja, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024



1.18 juta
Tenaga buruh di
W.P. Kuala Lumpur,
2024

1.15 juta
Bilangan
penduduk bekerja,
2024

Penduduk bekerja

Kategori pekerja profesional mendominasi penduduk bekerja di W.P. Kuala Lumpur dengan peratus sumbangan sebanyak 28.5 peratus pada tahun 2024. Ini diikuti oleh kategori pekerja perkhidmatan dan jualan serta kategori pekerja sokongan juruteknik dan profesional bersekutu dengan peratus sumbangan 22.3 peratus dan 12.4 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 50.1 peratus daripada keseluruhan pekerja di W.P. Kuala Lumpur.

28.5%
Pekerja profesional
catat peratusan
tertinggi,
2024


Jadual 3.9 : Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)				
	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023	2024
Pengurus	107.3	74.1	83.0	89.4	111.1
Profesional	201.3	275.6	270.4	285.5	329.8
Juruteknik & profesional bersekutu	131.6	165.2	124.6	126.4	153.9
Pekerja sokongan perkeranian	115.1	120.8	108.5	110.7	112.1
Pekerja perkhidmatan & jualan	229.0	185.5	247.1	255.8	249.8
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	1.1	1.1	1.2	5.7	1.2
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	64.5	52.1	65.1	51.9	60.2
Operator mesin & loji dan pemasang	72.1	52.5	65.3	65.6	52.6
Pekerja asas	84.3	65.6	54.5	86.9	82.8
Jumlah	1,006.4	992.5	1,019.7	1,077.9	1,153.5

Kategori pekerjaan	Komposisi (%)				
	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023	2024
Pengurus	10.7	7.5	8.1	8.3	9.6
Profesional	20.0	27.8	26.5	26.5	28.6
Juruteknik & profesional bersekutu	13.1	16.6	12.2	11.7	13.3
Pekerja sokongan perkeranian	11.4	12.2	10.6	10.3	9.7
Pekerja perkhidmatan & jualan	22.8	18.7	24.2	23.7	21.7
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	0.1	0.1	0.1	0.5	0.1
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	6.4	5.2	6.4	4.8	5.2
Operator mesin & loji dan pemasang	7.2	5.3	6.4	6.1	4.6
Pekerja asas	8.4	6.6	5.3	8.1	7.2
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

594.8 ribu

Bilangan pekerja mahir, 2024

**1.0 ribu**Sektor Perlombongan & pengkuarian
Bilangan pekerja terendah, 2024

Seramai 977.0 ribu orang pekerja (84.7%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2024 dan diikuti oleh sektor Pembinaan yang meliputi 79.2 ribu orang (6.9%), Pembuatan 73.4 ribu (6.4%) dan Pertanian 19.4 ribu (1.7%) manakala sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja paling sedikit iaitu seramai 1.0 ribu orang (0.1%).

Jadual 3.10 : Penduduk bekerja mengikut sektor, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024

Sektor	Bilangan ('000)				
	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023	2024
Pertanian	1.3	3.5	3.4	3.7	19.4
Perlombongan dan pengkuarian	2.6	1.8	1.0	1.1	1.0
Pembuatan	84.7	84.2	82.8	87.9	73.4
Pembinaan	94.4	75.1	102.0	85.6	79.2
Perkhidmatan	823.4	828.0	830.5	899.6	977.0
Jumlah	1,006.4	992.5	1,019.7	1,077.9	1,153.5

Sektor	Komposisi (%)				
	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023	2024
Pertanian	0.1	0.7	0.3	0.3	1.7
Perlombongan dan pengkuarian	0.3	0.2	0.1	0.1	0.1
Pembuatan	8.4	8.5	8.1	8.2	6.4
Pembinaan	9.4	7.6	10.0	7.9	6.9
Perkhidmatan	81.8	83.4	81.4	83.5	84.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

75.4%
Kadar penyertaan tenaga buruh di W.P. Kuala Lumpur, 2024



Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

Kadar penyertaan tenaga buruh di W.P. Kuala Lumpur meningkat 1.2 mata peratus kepada 75.4 peratus pada tahun 2024 berbanding 74.2 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, kadar pengangguran di W.P. Kuala Lumpur menurun 0.4 mata peratus kepada 2.6 peratus pada tahun 2024 (2023: 3.0%).

Carta 3.7 : KPTB dan kadar pengangguran, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2024



2.6%
Kadar pengangguran di W.P. Kuala Lumpur, 2024



GAJI & UPAH

GAJI & UPAH MALAYSIA

Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja


Bilangan penerima gaji & upah bulanan pada 2023 meningkat dengan kadar perlahan sebanyak 1.1 peratus kepada 10.1 juta orang (2022r: 2.3%, 10.0 juta orang). Pada tempoh yang sama, penengah gaji & upah bulanan mencatatkan peningkatan sebanyak 7.1 peratus daripada RM2,429 kepada RM2,602. Begitu juga purata gaji & upah bulanan turut peningkatan daripada RM3,219 kepada RM3,441 (6.9%).

RM 3,441
Purata gaji & upah bulanan, 2023

RM 2,602
Penengah gaji & upah bulanan, 2023

10.11 juta
Bilangan penerima gaji & upah, 2023

Carta 3.8 : Kerangka analisis gaji & upah bulanan, Malaysia, 2022r-2023




Nota:
² Bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari atau sekurang-kurangnya 20 hari sebulan pada bulan rujukan
³ Bekerja sekurang-kurangnya 1 jam semasa minggu rujukan dan bekerja kurang daripada 6 jam sehari atau 20 hari sebulan pada bulan rujukan

Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Pada 2023, penengah gaji & upah bulanan yang diterima oleh pekerja lelaki adalah RM2,675 dan pekerja perempuan RM2,464 masing-masing meningkat sebanyak 7.1 peratus dan 6.9 peratus berbanding 2022r. Purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki meningkat sebanyak 7.4 peratus kepada RM3,532 manakala bagi pekerja perempuan pula sebanyak 6.2 peratus kepada RM3,311 berbanding tahun sebelumnya.

Carta 3.9 : Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Malaysia, 2022¹-2023



7.1%
Pertumbuhan penengah gaji & upah bulanan bagi pekerja lelaki, 2023

Gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri

Pada 2023, penengah gaji & upah bulanan tertinggi dicatatkan oleh pekerja dalam Pendidikan iaitu RM5,651 diikuti aktiviti Kesihatan kemanusiaan & kerja sosial dengan RM4,566. Bagi purata gaji & upah bulanan pula, Pendidikan dan Perlombongan & pengkuarian turut mencatatkan purata gaji & upah bulanan tertinggi iaitu RM5,623.



Carta 3.10 : Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri⁴, Malaysia, 2022¹-2023

Industri	Penengah		Purata	
	2022 ¹	2023	2022 ¹	2023
Jumlah	2,429	2,602	3,219	3,441
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1,555	1,593	1,948	2,204
Perlombongan dan Pengkuarian	4,237	4,295	5,337	5,623
Pembuatan	2,150	2,360	2,846	3,052
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	3,023	3,274	3,591	3,973
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	2,194	2,361	2,793	2,933
Pembinaan	1,919	2,044	2,616	2,903
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1,752	1,835	2,221	2,495
Pengangkutan dan penyimpanan	2,097	2,360	2,760	2,987
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,635	1,793	2,067	2,305
Maklumat dan komunikasi	3,970	4,154	4,703	4,954
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	3,330	3,586	4,266	4,522
Aktiviti hartanah	3,301	3,411	3,843	4,175
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	3,177	3,367	4,098	4,463
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	1,770	1,801	2,256	2,449
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial	4,097	4,285	4,441	4,479
Pendidikan	5,486	5,651	5,460	5,623
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	4,319	4,566	4,654	4,789
Kesenian,hiburan dan rekreasi	2,548	2,550	3,037	3,192
Aktiviti Perkhidmatan lain	1,902	1,916	2,255	2,388

RM 5,623
Sektor Pendidikan dan Perlombongan & Pengkuarian
Purata gaji & upah bulanan tertinggi, 2023

⁴Industri dikelaskan mengikut piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 versi 1.0


Gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri

Penengah dan purata gaji & upah bulanan menunjukkan peningkatan di semua negeri pada 2023. W.P. Putrajaya mencatatkan penengah dan purata gaji & upah bulanan tertinggi (penengah: RM4,443; purata: RM4,858) diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (penengah: RM3,469; purata: RM4,521) dan Selangor (penengah: RM3,235; purata: RM3,885).

10.8%
Terengganu
Kadar pertumbuhan
purata gaji & upah
bulanan tertinggi, 2023



Carta 3.11 : Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, Malaysia, 2022r-2023



13.1%
Pahang
Kadar pertumbuhan
penengah gaji & upah
bulanan tertinggi, 2023


GAJI & UPAH W.P. KUALA LUMPUR

Gaji & upah bulanan pekerja

Penemuan utama mendapati bilangan penerima gaji & upah bulanan pada tahun 2023 di W.P. Kuala Lumpur adalah sebanyak 725.9 ribu orang iaitu meningkat 3.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Penengah gaji & upah bulanan telah meningkat kepada RM3,469 berbanding RM3,301 iaitu meningkat pada kadar 5.1 peratus, manakala purata gaji & upah bulanan turut meningkat sebanyak 5.7 peratus kepada RM4,521 berbanding RM4,276 pada tahun-2022r.

Jadual 3.11 : Gaji & upah bulanan, W.P. Kuala Lumpur, 2019-2023

	2019	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023
Bilangan Penerima ('000)	564.8	619.4	678.7	701.8	725.9
Penengah (RM)	3,106	2,995	2,999	3,301	3,469
Purata (RM)	4,359	3,849	3,994	4,276	4,521




Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Bilangan penerima gaji & upah bulanan bagi pekerja lelaki dan perempuan W.P. Kuala Lumpur merekodkan kadar pertumbuhan yang positif iaitu 4.2 peratus (378.6 ribu orang) dan 2.6 peratus (347.3 ribu orang) pada tahun 2023. Penengah gaji & upah bulanan bagi lelaki meningkat sebanyak 10.6 peratus (RM4,023) manakala perempuan meningkat sebanyak 4.1 peratus (RM3,077). Sementara itu, purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki dan perempuan masing-masing meningkat kepada RM4,883 (5.0%) dan RM4,126 (6.4%).



Paparan 3.7 : Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, W.P. Kuala Lumpur, 2022^r-2023





STATISTIK SISWAZAH

STATISTIK SISWAZAH MALAYSIA

Statistik utama siswazah


Bilangan siswazah di Malaysia pada tahun 2023 meningkat 4.2 peratus kepada 5.74 juta orang berbanding 5.51 juta orang pada tahun 2022 (**Carta 3.12**).

5.7 juta
Bilangan siswazah
Malaysia, 2023



85.7%
Kadar penyertaan
tenaga buruh siswazah
Malaysia, 2023

Carta 3.12 : Statistik utama siswazah, Malaysia, 2022-2023






Bilangan siswazah dalam tenaga buruh yang merangkumi siswazah bekerja dan penganggur meningkat sebanyak 4.5 peratus kepada 4.92 juta orang (2022: 4.71 juta orang). Sementara itu, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Siswazah (KPTBS) meningkat sebanyak 0.3 mata peratus kepada 85.7 peratus berbanding 85.4 peratus pada tahun 2022.

Lanjutan itu, bilangan siswazah bekerja meningkat sebanyak 4.9 peratus kepada 4.76 juta orang berbanding tahun

sebelumnya (2022: 4.53 juta orang). Sementara itu, kadar pengangguran siswazah mencatatkan penurunan sebanyak 0.3 mata peratus kepada 3.4 peratus berbanding 3.7 peratus pada tahun 2022. Bilangan siswazah yang menganggur turut berkurangan sebanyak 4.3 peratus kepada 167.3 ribu orang berbanding 174.8 ribu orang menganggur pada tahun 2022. Dalam tempoh yang sama, bilangan siswazah di luar tenaga buruh meningkat sebanyak 2.2 peratus merekodkan 820.2 ribu orang berbanding 802.9 ribu orang pada tahun 2022.

Dari perspektif aktiviti ekonomi, siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan pada 2023 meliputi sumbangan sebanyak 77.5 peratus (3.69 juta orang). Manakala, 13.4 peratus atau 637.9 ribu orang daripada siswazah bekerja adalah di dalam sektor Pembuatan, diikuti 6.3 peratus dalam sektor Pembinaan (301.1 ribu orang). Pada masa yang sama, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 1.7 peratus (83.0 ribu orang) dan 1.0 peratus (46.8 ribu orang). (Paparan 3.8).

Paparan 3.8 : Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2022-2023



Statistik gaji & upah siswazah, Malaysia




Pada tahun 2023, siswazah bekerja memperoleh penengah gaji dan upah bulanan sebanyak RM4,409, manakala purata gaji dan upah siswazah sebanyak RM4,933 sebulan. Kedua-dua penengah dan purata gaji dan upah siswazah ini menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding 2022, dengan penengah gaji dan upah meningkat sebanyak 3.4 peratus (2022: RM4,265) dan purata gaji dan upah meningkat sebanyak 3.9 peratus (2022: RM4,747).



Gaji dan upah siswazah berbeza merentas kumpulan umur, mencerminkan perbezaan dalam pengalaman dan jawatan pekerjaan, yang biasanya bertambah baik seiring dengan usia. Siswazah berumur 45 tahun ke atas menerima penengah dan purata gaji dan upah tertinggi, masing-masing sebanyak RM7,050 dan RM7,442.

Sebaliknya, siswazah berumur bawah 24 tahun menerima penengah gaji dan upah terendah iaitu RM1,747 dan purata gaji dan upah sebanyak RM2,242. Walau bagaimanapun, siswazah dalam kumpulan umur ini menyaksikan pertumbuhan tahun ke tahun tertinggi, dengan penengah gaji dan upah meningkat sebanyak 3.4 peratus dan purata gaji dan upah meningkat 7.4 peratus. Kumpulan umur lain juga mengalami pertumbuhan positif dalam gaji dan upah bulanan dalam tempoh yang sama. **(Paparan 3.9).**

Paparan 3.9 : Statistik gaji & upah siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2022-2023



Pertumbuhan tahunan (%)

Perbandingan mengikut jantina menunjukkan siswazah lelaki menerima gaji & upah bulanan lebih tinggi berbanding siswazah perempuan. Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,800 manakala perempuan menerima RM4,350. Demikian juga purata gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM5,541 berbanding RM4,683 sebulan diterima oleh siswazah perempuan (**Paparan 3.10**).


Paparan 3.10 : Statistik gaji & upah siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2022-2023



Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah pada tahun 2023 menunjukkan pertumbuhan positif tahunan di semua sektor utama. Sektor Perkhidmatan meningkat 7.9 peratus mencatatkan penengah gaji sebanyak RM4,944 berbanding RM4,584 pada tahun 2022. Sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 4.6 peratus kepada RM3,838 (2022: RM3,670), manakala sektor Pembuatan meningkat 1.7 peratus kepada RM3,434 (2022: RM3,376).



Sektor Perlombongan dan pengkuarian kekal mencatat penengah gaji tertinggi iaitu RM6,527, meningkat 2.6 peratus daripada RM6,364 pada tahun sebelumnya. Bagi sektor Pertanian, penengah gaji turut meningkat 4.9 peratus kepada RM2,513 (2022: RM2,396).



Dari segi purata gaji & upah bulanan, semua sektor ekonomi mencatatkan peningkatan tahunan pada 2023. Sektor Perkhidmatan mencatatkan purata tertinggi iaitu RM5,384, meningkat 7.0 peratus berbanding RM5,033 pada 2022. Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatat purata sebanyak RM7,675, meningkat 0.3 peratus daripada RM7,654.

Sementara itu, sektor Pembinaan dan Pembuatan masing-masing mencatat peningkatan kepada RM4,534 dan RM4,437, masing-masing meningkat 5.2 peratus dan 5.1 peratus. Sektor Pertanian pula meningkat 2.3 peratus kepada RM3,435 (2022: RM3,359) (**Paparan 3.11**).

RM 7,675


Sektor Perlombongan dan pengkuarian
purata gaji dan upah tertinggi, 2023



7.0%

Sektor Perkhidmatan
Kadar pertumbuhan purata gaji dan upah tertinggi, 2023


Paparan 3.11 : Statistik gaji & upah siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia, 2022-2023




STATISTIK SISWAZAH W.P. KUALA LUMPUR

Statistik utama siswazah


Pada tahun 2023, jumlah siswazah di W.P. Kuala Lumpur adalah seramai 615.6 ribu orang, meningkat 4.1 peratus daripada 591.7 ribu orang pada tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah berjumlah 542.2 ribu orang, naik 5.7 peratus daripada 513.2 ribu orang pada tahun sebelumnya. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) meningkat kepada 88.1 peratus berbanding 86.7 peratus pada tahun 2022 (**Carta 3.13**).



Carta 3.13 : Statistik utama siswazah, W.P. Kuala Lumpur, 2022-2023




Siswazah yang bekerja pula berjumlah 530.7 ribu orang pada tahun 2023, meningkat 5.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Bilangan penganggur siswazah mencatatkan penurunan kepada 11.5 ribu orang daripada 12.3 ribu orang pada tahun 2022, susut sebanyak 6.5 peratus. Kadar pengangguran siswazah bagi tahun 2023 adalah 2.1 peratus, menurun daripada 2.4 peratus pada 2022. Siswazah luar tenaga buruh berjumlah 73.4 ribu orang, menurun 6.4 peratus berbanding tahun sebelumnya.



Perbandingan mengikut jantina di W.P. Kuala Lumpur menunjukkan komposisi siswazah hampir seimbang dengan sedikit kelebihan siswazah perempuan sebanyak 50.1 peratus (308.3 ribu orang) berbanding siswazah lelaki 49.9 peratus (307.3 ribu orang) pada tahun 2023. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah lelaki adalah 89.9 peratus, meningkat sedikit berbanding 89.5 peratus pada tahun sebelumnya, manakala siswazah perempuan mencatat kadar 86.3 peratus, meningkat berbanding 84.0 peratus (**Carta 3.14**).

Carta 3.14 : Statistik utama siswazah mengikut jantina, W.P. Kuala Lumpur, 2022- 2023

5.7%
 Peningkatan tenaga buruh siswazah lelaki di W.P. Kuala Lumpur, 2023



Dari segi bilangan tenaga buruh siswazah mengikut jantina, seramai 276.1 ribu siswazah lelaki direkodkan pada tahun 2023, meningkat 5.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah perempuan mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus kepada 266.1 ribu orang.

Siswazah bekerja lelaki di W.P. Kuala Lumpur adalah seramai 272.4 ribu orang, lebih tinggi berbanding siswazah bekerja perempuan iaitu 258.3 ribu orang. Sebaliknya, penganggur siswazah lelaki adalah seramai 3.7 ribu orang dengan kadar pengangguran 1.3 peratus, manakala perempuan pula adalah seramai 7.8 ribu orang dengan kadar pengangguran 2.9 peratus.

Melihat kepada siswazah luar tenaga buruh, didapati bilangan siswazah perempuan luar tenaga buruh adalah 42.2 ribu orang, menurun 11.9 peratus berbanding tahun sebelumnya, manakala siswazah lelaki luar tenaga buruh susut sedikit kepada 31.2 ribu orang.

RM5,779
 Purata gaji & upah Siswazah di W.P. Kuala Lumpur, 2023

Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, W.P. Kuala Lumpur, 2023

Purata gaji & upah bulanan siswazah bekerja meningkat kepada RM5,779 pada tahun 2023, naik 4.0 peratus berbanding RM5,558 pada tahun 2022. Penengah gaji turut meningkat kepada RM5,694 daripada RM5,270, iaitu peningkatan sebanyak 8.0 peratus (Jadual 3.12).

Jadual 3.12 : Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, W.P. Kuala Lumpur, 2022-2023

Gaji & upah	Jumlah	
	2022	2023 ^p
Purata gaji (RM)	5,558	5,779
Penengah gaji (RM)	5,270	5,694


INDIKATOR KOS SARA HIDUP



PERBELANJAAN ASAS KEHIDUPAN WAJAR

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah

Purata PAKW bulanan isi rumah di W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2023 mencatatkan sebanyak RM5,468 dengan purata saiz isi rumah seramai 3.2 orang. Sementara itu, W.P. Putrajaya merekodkan purata saiz isi rumah seramai 3.9 orang dengan Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah adalah RM5,249.




Faktor-faktor yang mempengaruhi nilai PAKW adalah saiz isi rumah, umur, jantina dan strata. Isi rumah dengan bilangan ahli yang lebih ramai memerlukan perbelanjaan yang lebih besar untuk memenuhi keperluan makanan dan bukan makanan.




Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah (Makanan)

Dalam pengiraan purata bulanan PAKW, terdapat dua komponen perbelanjaan yang diambil kira, iaitu makanan dan bukan makanan. Secara purata, komponen makanan menyumbang 27.0 peratus atau RM1,497 daripada PAKW isi rumah di W.P. Kuala Lumpur. Manakala, W.P. Putrajaya merekodkan 33.0 peratus atau RM1,755.



Perbelanjaan PAKW makanan sangat dipengaruhi oleh umur dan jantina ahli isi rumah, di mana keperluan kalori ahli isi rumah remaja dan dewasa melebihi bayi, kanak-kanak dan warga emas. Selain itu, lelaki mempunyai keperluan kalori lebih tinggi berbanding perempuan.


Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah (Bukan Makanan)



Komposisi bagi bukan makanan secara purata mencatatkan 73.0 peratus atau RM3,971 daripada PAKW isi rumah W.P. Kuala Lumpur. Sementara itu, komposisi bagi bukan makanan secara purata merekodkan 67.0 peratus atau RM3,494 daripada PAKW isi rumah di W.P. Putrajaya .

Perbelanjaan PAKW bukan makanan turut dipengaruhi oleh saiz isi rumah dan ketersediaan barangan dan perkhidmatan di kawasan tersebut.

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah Per Kapita



PAKW bulanan isi rumah per kapita merujuk kepada perbelanjaan bagi setiap individu dalam sesebuah isi rumah. W.P. Kuala Lumpur mencatatkan nilai sebanyak RM1,755 bagi PAKW bulanan isi rumah per kapita dengan purata saiz isi rumah adalah seramai 3.2 orang manakala W.P. Putrajaya merekodkan nilai sebanyak RM1,410 bagi Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah per kapita pada tahun 2023 dengan purata saiz isi rumah adalah seramai 3.9 orang.

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah Per Kapita (Makanan)


Secara purata, komposisi bagi makanan menyumbang 27.0 peratus atau RM467 daripada PAKW bulanan isi rumah per kapita W.P. Kuala Lumpur. Seterusnya, W.P. Putrajaya merekodkan 33.0 peratus atau RM461 daripada keseluruhan PAKW isi rumah per kapita.

Pada 2023, purata PAKW makanan bulanan isi rumah per kapita tertinggi adalah W.P. Kuala Lumpur dengan nilai RM467, manakala W.P. Putrajaya iaitu sebanyak RM461. Purata PAKW bulanan isi rumah per kapita makanan sangat dipengaruhi oleh umur dan jantina ahli isi rumah, di mana keperluan kalori ahli isi rumah remaja dan dewasa melebihi bayi, kanak-kanak dan warga emas. Selain itu, lelaki mempunyai keperluan kalori lebih tinggi berbanding perempuan.

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah Per Kapita (Bukan Makanan)

Komposisi bagi PAKW bulanan isi rumah per kapita bukan makanan secara purata merekodkan 73.0 peratus atau RM1,288 daripada jumlah PAKW bulanan isi rumah per kapita W.P. Kuala Lumpur. Di W.P. Putrajaya, komposisi bagi PAKW bulanan isi rumah per kapita bukan makanan secara purata merekodkan 67.0 peratus atau RM949 daripada PAKW isi rumah per kapita.

Perbelanjaan PAKW bulanan isi rumah per kapita bukan makanan turut dipengaruhi oleh saiz isi rumah dan ketersediaan barangan dan perkhidmatan di kawasan tersebut.




Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Mengikut Saiz isi Rumah

Purata PAKW bulanan isi rumah bagi individu yang tinggal bersendirian di W.P. Kuala Lumpur adalah sebanyak RM2,233 manakala di W.P. Putrajaya mencatatkan sebanyak RM1,767. Selain itu, bagi isi rumah yang mempunyai dua orang ahli di W.P. Kuala Lumpur, purata PAKW adalah sebanyak RM3,771 di samping W.P. Putrajaya mencatatkan sebanyak RM3,074.



Sementara itu, bagi isi rumah dengan tiga orang ahli pula merekodkan RM5,157 di W.P. Kuala Lumpur manakala RM4,257 di W.P. Putrajaya. Di W.P. Kuala Lumpur, isi rumah yang mempunyai empat orang ahli mencatatkan purata sebanyak RM6,536 manakala di W.P. Putrajaya mencatatkan sebanyak RM5,411.



Seterusnya, isi rumah yang mempunyai lima orang ahli merekodkan RM7,873 (W.P. Kuala Lumpur) dan RM6,567 (W.P. Putrajaya). Pada masa sama, purata PAKW bagi isi rumah yang terdiri daripada enam orang ahli dan lebih bagi W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya masing-masing adalah RM9,864 dan RM8,233.



INDEKS KOS SARA HIDUP W.P. KUALA LUMPUR DAN W.P. PUTRAJAYA


103.3

W.P. Kuala Lumpur
Mata Indeks Kos Sara
Hidup (KSH), 2023

Indeks Kos Sara Hidup (KSH) bagi Malaysia merekodkan pada 103.1 mata indeks. W.P. Putrajaya dan W.P. Kuala Lumpur merekodkan mata indeks melebihi paras nasional, dengan masing-masing mencatatkan kadar sebanyak 104.6 dan 103.3 mata indeks.

Carta 3.15 : Indeks Kos Sara Hidup, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya, 2023




PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH



PENDAPATAN ISI RUMAH

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah W.P. Kuala Lumpur telah menurun kepada RM10,234 pada tahun 2022 berbanding RM10,549 pada tahun 2019 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak -1.0 peratus.




Ketaksamarataan Pendapatan

Nilai pekali Gini meningkat kepada 0.380 pada tahun 2022 daripada 0.350 pada tahun 2019. Ini menunjukkan ketidakseimbangan agihan pendapatan isi rumah di W.P. Kuala Lumpur semakin mengecil.

Taburan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan


Pembahagian isi rumah mengikut kumpulan pendapatan pula menunjukkan isi rumah T20 di W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2022 menerima pendapatan penengah sebanyak RM22,343 diikuti isi rumah M40 (RM11,890) dan isi rumah B40 (RM6,270).



Kemiskinan

Pada tahun 2022, nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Malaysia telah disemak semula berdasarkan keperluan semasa. Semakan ini menekankan kepada pengambilan makanan yang optimum dan sihat serta keperluan asas bukan makanan yang berkualiti.


Nilai purata PGK W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2022 ialah RM2,816 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,109 sebulan dengan purata saiz isi rumah seramai 3.2 orang. Insiden kemiskinan mutlak W.P. Kuala Lumpur meningkat daripada 0.2 peratus⁵ pada tahun 2019 kepada 1.4 peratus. Nilai kemiskinan relatif pada tahun 2022 pula adalah 12.7 peratus berbanding 10.6 peratus⁵ pada tahun 2019.




⁵Disemak semula berdasarkan metodologi PGK 2019

PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

Paparan 3.12 : Agihan pendapatan dan pendapatan isi rumah penengah mengikut kumpulan isi rumah desil, W.P. Kuala Lumpur, 2022



Petunjuk:



Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata W.P. Kuala Lumpur meningkat daripada RM6,947 pada tahun 2019 kepada RM7,823 pada tahun 2022 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 4.0 peratus.

Komposisi perbelanjaan isi rumah


Empat kumpulan utama perbelanjaan oleh isi rumah di W.P. Kuala Lumpur meningkat daripada RM6,099 pada tahun 2019 kepada RM7,823 pada tahun 2022 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 3.5 peratus.


Empat kumpulan utama perbelanjaan oleh isi rumah di W.P. Kuala Lumpur kekal tidak berubah pada tahun 2022 berbanding tahun 2019 iaitu keutamaan kepada perbelanjaan untuk perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (30.6%), restoran & perkhidmatan penginapan (17.7%), makanan & minuman (11.8%) dan pengangkutan (10.4%) yang menyumbang 70.5 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan penggunaan isi rumah.

Kumpulan utama perbelanjaan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain mencatatkan peningkatan 2.7 mata peratus diikuti restoran & perkhidmatan penginapan 2.0 mata peratus dan makanan & minuman 0.3 mata peratus. Sementara itu, perbelanjaan ke atas pengangkutan menurun 2.4 mata peratus berbanding 2019.


Kumpulan perbelanjaan lain yang juga terdiri daripada barangan dan perkhidmatan keperluan asas seperti kesihatan meningkat pada 1.0 mata peratus. Namun begitu, Perkhidmatan pendidikan, Pakaian & kasut dan Maklumat & komunikasi menurun dari segi komposisi perbelanjaan daripada jumlah perbelanjaan isi rumah.

Carta 3.16 : Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah, W.P. Kuala Lumpur, 2019 dan 2022





RM 7,823
 Perbelanjaan
 penggunaan isi rumah
 bulanan purata
W.P. Kuala Lumpur,
 2022



Kumpulan Utama Perbelanjaan Penggunaan

01 Makanan & minuman	08 Maklumat & komunikasi
02 Minuman alkohol & tembakau	09 Rekreasi, sukan & kebudayaan
03 Pakaian & kasut	10 Perkhidmatan pendidikan
04 Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	11 Restoran dan perkhidmatan penginapan
05 Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	12 Insurans & perkhidmatan kewangan
06 Kesihatan	13 Penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai barangan & perkhidmatan
07 Pengangkutan	



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BAB 4

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BAB 4

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

Statistik utama pelancongan domestik

Prestasi pelancongan domestik Malaysia menunjukkan peningkatan yang signifikan bagi bilangan pelawat domestik, bilangan perjalanan dan perbelanjaan pelancongan pada tahun 2024. Seramai 260.1 juta pelawat domestik dicatatkan pada 2024 dengan kenaikan sebanyak 21.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 24.6%). Sementara itu, sebanyak 297.9 juta bilangan perjalanan telah dilakukan oleh pelawat domestik di dalam negara dengan purata perjalanan sebanyak 1.15 perjalanan bagi setiap pelawat.

Secara keseluruhan, perbelanjaan pelancongan domestik meningkat sebanyak 25.7 peratus pada 2023 (2022: 32.5%). Sejumlah RM106.7 bilion telah dibelanjakan bagi pelancongan domestik pada 2024 berbanding RM84.9 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini menyebabkan kenaikan dalam purata perbelanjaan bagi setiap perjalanan kepada RM358 berbanding RM352 pada tahun 2023. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada 2024 meningkat kepada 2.49 malam berbanding 2.45 malam pada tahun sebelumnya.

Jadual 4.1 : Statistik utama pelancongan domestik, 2023-2024

Statistik utama	2023	2024	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat ¹ (juta)	213.7	260.1	21.7
Bilangan perjalanan (juta)	241.5	297.9	23.3
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	84.9	106.7	25.7
Purata perbelanjaan (RM)	352	358	1.9
Purata bilangan hari menginap (hari)	2.45	2.49	1.9
Purata perjalanan	1.13	1.15	1.4

¹ Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.



260.1 juta

Jumlah pelawat domestik, 2024

Bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan meningkat pada tahun 2024

RM 106.7 bilion


Perbelanjaan pelawat domestik, 2024

Pelawat domestik

